



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong—Kebenaran
[Ruangan 3649]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3649]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA DALAM MESYUARAT
[Ruangan 3723]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan
Melaka) [Ruangan 3724]

USUL-USUL:

Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan (Bil. DR. 2 Tahun 1984)
[Ruangan 3736]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3798]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Dasar Satu Bahasa Satu Kebudayaan [Ruangan 3798]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Ĺabis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

- Yang Berhormat DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

- Yang Berhormat TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin 23hb Julai, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA

CUTI Y.B. TUAN HASSAN
ALBAN BIN HAJI SANDUKONG—
KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong, Ahli bagi Kawasan Labuk Sugut mulai daripada 18hb Julai hingga 28hb Julai, 1984.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN
SUSU TEMPATAN

1. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pertanian menyatakan adakah pihak Kementerian akan meningkatkan lagi keluaran Susu Tempatan dengan menambahkan kegiatan ternakan lembu susu bagi menjimatkan aliran wang keluar

negeri dan memberi peluang pekerjaan bagi mempelbagaikan hasil susu tempatan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr. Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada arah Dasar Pertanian Negara, pengeluaran susu segar tempatan akan dihadkan kadar permintaan dalam negeri. Dengan bertambahnya bilangan penduduk di negara ini di tahun-tahun hadapan ini maka adalah dijangka penghasilan mutlak susu berkenaan perlulah juga dipertingkatkan. Walaupun begitu segala perkhidmatan Kerajaan dan kegiatan para penternak di bidang ini akan ditumbuh ke arah memperbaiki daya pengeluaran dan penubuhan unit-unit penternakan sepenuh masa dan bercorak komersial.

Untuk memperluaskan lagi bidang pemasaran, pemerosesan susu kepada bahan-bahan makanan yang digemari ramai sedang dan akan dipergiatkan. Contohnya dadih, ice-cream dan susu pasteurised.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk tujuan menambah kegiatan ternakan serta hasil pertanian, sama ada Kementerian Timbalan Menteri akan berusaha untuk mendapat perubahan dasar Kerajaan-kerajaan Negeri supaya memperbanyak kelulusan tanah kepada penternak-penternak dan petani-petani secara komersial atau berkelompok atau persendirian.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum kuasa tanah ialah di

dalam tangan Kerajaan-kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian sentiasalah menasihatkan Kerajaan-kerajaan Negeri seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kadar permintaan dalam negara yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi iaitu penternak-penternak, daya pengeluarannya akan ditusahakan oleh Kerajaan dan pemeliharaan untuk berkelompok juga akan diusahakan bagi kemajuan mendapatkan susu yang lebih banyak pada masa akan datang sesuai dengan rakyat negara ini, soalnya adakah Kerajaan bercadang menggalakkan iaitu menswastakan ternakan lembu secara besar-besaran di negara kita ini bagi mengatasi pengeluaran hasil susu tempatan kita.

Dr Goh Cheng Teik: Itu memanglah tujuan Kerajaan menswastakan seberapa banyak yang boleh.

DASAR PENSWASTAAN

2. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan projek-projek yang akan diswastakan tahun ini. Cara penswastanya akan dilakukan dan nyatakan bagaimanakah kepentingan para pengguna dan "end-users" akan dilindungi dan tidak dikorbankan untuk memenuhi motif memperolehi keuntungan maksimum para penswasta (privateers).

52. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) setakat manakah dasar penswastan yang diumumkan oleh pihak Kerajaan mendapat sokongan dari orang ramai; dan
- (b) melalui dasar ini, bolehkah Kerajaan mengawasi serta memelihara kepentingan orang ramai di aspek Ekonomi dan

Sosial kerana kebiasaan pihak swasta adalah bagi mencari keuntungan yang sebolehnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil Yaakob):

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bersamaan dengan soalan 52 daripada Yang Berhormat Wakil Pelabuan Kelang kerana memandangkan kedua-dua soalan ini adalah berkaitan.

Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh pihak Kerajaan dalam pelaksanaan dasar penswastan ini terus menunjukkan kemajuan yang menggalakkan. Ketika ini, agensi-agensi sedang giat mengenal pasti dan mengkaji kemungkinan penswastan, perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan. Di samping itu, Kerajaan juga telah membuat keputusan untuk menswastakan beberapa perkhidmatan tertentu sebagai tindakan positif ke arah matlamat penswastan ini. Ini termasuk perkhidmatan-perkhidmatan seperti rancangan Televisyen Ketiga, Telekom, Membaik-pulih Kapal terbang TUDM (DEBKAT), pengurusan Jalan Lintas Selat Kelang Utara dan beberapa perkhidmatan bandar seperti pengurusan tempat letak kereta. Beberapa perkhidmatan lain khasnya termasuk perkhidmatan terminal kontena di Pelabuhan Kelang, perkhidmatan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), beberapa komponen perkhidmatan pengangkutan jalan serta perkhidmatan keretapi juga sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan untuk diswastakan.

Kerajaan berpendapat bahawa orang ramai atau pengguna-pengguna setakat ini telah memberi sambutan baik terhadap Dasar Penswastan ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan juga mendapati beberapa golongan rakyat masih kurang memahami konsep dan hasrat dasar ini dengan sepenuhnya.

Dengan pelaksanaan dasar ini secara berperingkat-peringkat seperti yang berjalan sekarang, adalah diharapkan rakyat akhirnya akan memahami serta mendapat faedah yang sewajarnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Kerajaan akan mengeluarkan satu Garis Panduan Khas untuk kegunaan orang-orang awam berhubung dengan Dasar Penswastan ini. Dengan itu diharap rakyat akan memberi reaksi yang lebih menggalakkan.

Mengenai aspek kepentingan orang ramai dalam konteks penswastan ini sememangnya menjadi satu perkara yang sentiasa mendapat perhatian pihak Kerajaan. Dalam hal ini tiap-tiap program atau perkhidmatan yang telah atau akan diwujudkan adalah dikaji dengan teliti supaya orang ramai tidak mengalami kerugian atau kepentingan mereka diketepikan oleh pihak-pihak baru yang menyediakan perkhidmatan berkenaan. Kerajaan telah pun sebelum ini menegaskan bahawa kepentingan golongan pekerja dan pengguna-pengguna akan dikaji dengan teliti semasa menimbang proses penswastan sesuatu kepentingan atau perkhidmatan Kerajaan. Di samping itu, Kerajaan juga bersedia menetapkan beberapa syarat atau menggunakan peraturan-peraturan atau undang-undang yang sedia ada ataupun undang-undang baru jika perlu bagi memastikan dan mengawasi supaya kepentingan orang ramai terus terpelihara.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tadi menyentuh tentang garis panduan yang akan dikeluarkan dalam dasar penswastan.

Soalan tambahan. Selaras dengan semangat Dasar Ekonomi Baru sama ada semua syarikat yang menceborya dalam projek-projek penswastan akan disyaratkan terlebih dahulu untuk memperbagai

pemegang-pemegang sahamnya supaya terdiri dari semua kaum; misalnya, Bumiputera, Cina dan India.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, kita sedang mengkaji dengan teliti segala hal ini dan apabila kita sampai kepada peringkat pelaksanaannya pandangan atau apa yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu juga mungkin dijadikan bahan pertimbangan.

PENGGUNAAN BAHASA INGGERIS DI KALANGAN PELAJAR MELAYU

3. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah penguasaan dan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua terpenting di negara ini kian merosot, terutamanya sekali di kalangan pelajar-pelajar Melayu di sekolah-sekolah di seluruh negara dan adakah beliau sedar yang kelemahan dalam Bahasa Inggeris ini akan menyulitkan pelajar-pelajar kita apabila hendak melanjutkan pelajaran mereka keluar negeri kelak, jika ya, nyatakan langkah-langkah yang Kerajaan sedang ambil.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelajaran memang sedar bahawa penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar terutama pelajar-pelajar Melayu di negara kita ini merosot jika dibandingkan dengan keadaan yang dahulu. Sebabnya ialah kerana di zaman dahulu iaitu sebelum merdeka bahasa Inggeris menjadi bahasa pertama sedangkan sekarang bahasa ini adalah menjadi bahasa kedua. Bagaimanapun, untuk pelajar-pelajar yang hendak melanjutkan pelajaran ke luar negeri dengan biasiswa Kerajaan, Kementerian Pelajaran dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam telah memberi

kursus intensif bahasa Inggeris kepada mereka di pusat-pusat tertentu sebelum mereka memulakan kursus di luar negeri.

Bagi pelajar-pelajar lain amnya Kementerian Pelajaran sentiasa berikhtiar untuk meningkatkan mutu pelajaran dan bahan-bahan pelajaran serta menggalakkan murid belajar dengan lebih giat lagi.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkan Yang Berhormat Menteri memberitahu apakah Kerajaan bercadang mewujudkan sebuah maktab atau institusi khas di setiap negeri untuk meningkatkan mutu bahasa Inggeris.

Datuk Andullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Datuk Edwin anak Tangkun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran kerana misalnya jika seorang pegawai Kerajaan yang ingin menyertai masuk ke universiti tetapi mereka tidak berkelulusan dalam Bahasa Malaysia, adakah Kerajaan memberi pertimbangan kepada mereka yang berminat ke universiti untuk melanjutkan pelajaran mereka untuk kepentingan masa depannya.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Soalannya ialah mengenai Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Berlainan sedikit.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, adakah kursus bahasa Inggeris yang dijalankan secara intensif seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Datuk Menteri tadi iaitu selama 6 bulan hingga ke setahun untuk pelajar-pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke luar negeri itu merupakan sesuatu yang

mesti dijalani oleh pelajar-pelajar walaupun ada di antara pelajar-pelajar yang telah boleh mengawasi bahasa Inggeris.

Keduanya, adakah Kerajaan menyedari tentang kekurangan guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris di dalam negara ini. Jika sedar, adakah Kerajaan akan terus mengambil guru-guru bahasa Inggeris secara kontrak daripada Great Britain dan menyambung kontrak mereka jika sekiranya kontrak-kontrak tersebut sudah habis agar guru-guru tersebut boleh terus berkhidmat di negara ini dan apakah strategi Kerajaan untuk memperbanyakkan pengambilan guru-guru bahasa Inggeris bagi mengikuti latihan perguruan di dalam negara kita ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, kursus bahasa Inggeris yang diberikan oleh Kementerian secara intensif itu adalah dengan tujuan untuk menyediakan pelajar-pelajar untuk mengambil peperiksaan-peperiksaan yang tertentu yang mustahak untuk mereka memasuki universiti di luar negeri seperti kalau di Amerika ada peperiksaan TOEFL. Jadi dengan itu tidak adalah pelajar yang diberi scholarship yang dikesualikan mengambil kursus bahasa Inggeris dengan tujuan mengambil peperiksaan tersebut.

Berhubung dengan kedua, memang Kementerian Pelajaran mengambil guru-guru bahasa Inggeris daripada England. Ini adalah daripada beberapa tahun dahulu kerana untuk menampung kekurangan guru-guru bahasa Inggeris yang kita perlukan.

Usaha-usaha untuk meningkatkan lagi pengetahuan bahasa Inggeris sedang dijalankan melalui latihan-latihan yang diberikan dan juga bilangan mereka akan ditambah tetapi semasa ataupun sebelum kita mendapat bilangan yang secukupnya

guru-guru bahasa Inggeris dari kalangan rakyat Maaysia sendiri maka kita terpaksa bergantung kepada pengambilan guru-guru bahasa Inggeris daripada United Kingdom dan usaha ini akan diteruskan tetapi kita berharap tidak akan bergantung selama-lamanya kepada pengambilan guru-guru bahasa Inggeris daripada United Kingdom.

**SIARAN BERITA DI RADIO/
TV/SURATKHABAR—
CIRI PEMILIHAN**

4. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Penerangan menyatakan apakah ciri-ciri pemilihan berita yang disiarkan di dalam Radio, TV dan Suratkhobar-suratkhobar di dalam negara kita. Apakah pentingnya satu berita kemalangan rakyat Pakistan di negara Pakistan dimasukkan ke dalam Berita Nasional kita. Dan apakah satu berita yang boleh menjatuhkan maruah negara dan pimpinan negara kita telah dibesar-besarkan yang sudah tentu akan merecek di muka sendiri apabila air di dulang ditepukkan.

Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, nilai berita atau, dengan izin, news value ialah fakta penting dalam pemilihan sesuatu berita untuk disiarkan. Sungguhpun begitu, keputusan menyiarkan sesuatu berita itu adalah tertakluk kepada beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan seperti kesan berita itu ke atas kepentingan negara, imej Kerajaan, kepentingan awam, human interest, dengan izin, dan atas asas maklumat.

Sungguhpun sesuatu kemalangan yang berlaku di negara lain itu tidak ada hubungan dengan kita tetapi oleh kerana di Malaysia kita menjalankan Kempen Keselamatan Jalanraya maka amat wajar berita-berita seumpama itu disiarkan oleh Radio, TV dan Suratkhobar-suratkhobar dengan

harapan agar menimbulkan kesedaran di kalangan orang ramai khususnya pemandu-pemandu kenderaan supaya lebih cermat manakala memandu kenderaan masing-masing.

Berhubung dengan berita yang boleh menjatuhkan maruah negara dan pemimpin negara, Ahli Yang Berhormat adalah sedia maklum bahawa kita di negara ini mengamalkan kebebasan persuratkhabaran dan keputusan memuatkan sesuatu berita itu terpulang kepada budibicara syarikat akhbar itu.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, masa sekarang keutamaan yang diberi kepada liputan, news coverage adalah kepada dasar-dasar Kerajaan dan soalan saya ialah adakah pihak Kerajaan bertujuan untuk menambahkan keutamaan yang akan diberi kepada international news supaya menggalakkan kesedaran politik yang lebih cosmopolitan di antara rakyat Malaysia.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, nilai untuk mewujudkan perasaan cosmopolitan, dengan izin, sedang pun dijalankan oleh Kerajaan kita menerusi media massa. Lebih kurang 25% daripada kandungan berita termasuk berita luar negeri adalah ke arah itu, asalkan ianya terasas kepada tajuk-tajuk yang sempat saya sebutkan tadi.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan bahawa terdapat nilai-nilai berita tentang hal kemalangan yang berlaku di luar negeri disiarkan dalam warta berita dalam Televisyen ataupun dalam Radio dalam negara kita. Ini untuk selaraskan tentang kempen keselamatan jalanraya.

Saya ingin bertanya, Tuan Yang di-Pertua, apakah berita-berita kemalangan daripada Malaysia sendiri

disiarkan juga dalam warta berita di negara asing, begitu juga dalam Televisyen di negara luar. Dan saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah Yang Berhormat Menteri sedar sekarang dengan adanya TV3 sekarang ini, warta berita yang penting yang disiarkan dalam TV2 ataupun TV1 sekarang tidak mendapat perhatian lagi bagi rakyat dalam kawasan di mana dapat melihat TV3 di sekitar Kuala Lumpur.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, ada suatu rancangan yang dipanggil Asiavision di mana negara-negara yang bersekutu di bawah kumpulan itu atas penyiaran yang dikelolakan menerusi ABU menyiarkan juga berita-berita dari tanahair kita ke negara-negara berkenaan. Tinggal lagi berapa kali penyiaran itu dibuat bolehlah dikemukakan dalam masa kita menentukan program masa akan datang. Tetapi setakat ini penggunaan berita-berita Malaysia di seberang laut terutama menerusi Asiavision adalah memuaskan.

Perihal dan bersabit dengan TV3 Kerajaan akan membuat pengumuman manakala sampai masanya dan setelah perundingan yang muktamad dibuat berhubung dengan memuatkan berita pada saluran bebas tersebut.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat pengetahuan iaitu TV Malaysia telah menyiarkan satu berita, satu perlumbaan kura-kura di Kelantan baharu-baharu ini. Sedangkan perlumbaan itu benar-benar menyedihkan kita dan memalukan kerana khabarnya disebarkan ponggong kura-kura itu dengan serbuk lada supaya binatang itu menggelepar.

Dan soalnya di manakah nilai berita perlumbaan kura-kura ini, sedangkan TV Malaysia tidak menyiarkan

persidangan sebuah parti pembangkang di Alor Setar baharu-baharu ini, sedangkan kalau disiarkan menaikkan juga imej Kerajaan bahawa demokrasi di negeri ini masih berjalan dengan baik (*Tepuk*).

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya pun berasa hairan bagaimana Ahli Yang Berhormat itu tahu bahawa sekumpulan orang telah menyemburkan cili kepada ponggong kura-kura itu. Jika pengendalian Yang Berhormat sedalam itu, saya pun percaya dan yakin bahawa penyiaran gambar yang dibuat mengenai perlumbaan itu adalah dari segi seni semata-mata dan of human interest, dengan izin, tidak ada kaitannya terhadap atau kepada pertelingkahan politik, oleh kerana kura-kura dan politik itu saya percaya macam langit dengan bumi (*Tepuk*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan dan juga merujuk kepada jawapan Yang Berhormat beri tadi bahawa siaran berita yang disiarkan oleh akhbar, TV adalah merupakan kebebasan kepada akhbar dan TV tersebut. Tetapi apakah pihak Kementerian tidak pernah menapis berita-berita yang boleh menjatuhkan maruah negara kita disiarkan dengan secara besar-besaran dalam negara kita, tidak pernah membuat tapisan ataupun pembedulan ataupun menentukan kesahihan berita yang diterima daripada luar negeri itu.

Yang kedua saya suka hendak bertanya Yang Berhormat Menteri memang benar berita yang berlaku di luar negeri itu disiarkan untuk menjadi contoh dalam negara kita. Tetapi berita seperti itu dalam negara kita pun banyak. Mengapa tidak diambil contoh daripada negara kita. Misalnya, kalau

kita ke luar negeri dalam beritanya tidak pernah ada tersiar berita berkenaan dengan negara kita.

Kalau kita pergi ke negara jiran tidak pernah dimasukkan kalau kemalangan dalam negeri kita yang tidak melibatkan ketua negara. Kalau kematian ketua negara atau perubahan pemerintahan, kita tidak hairan. Tetapi kalau berita kecil yang merupakan kemalangan tidak ada.

Apakah berita kita ini tidak disibar atau tidak ada pertukaran berita yang patut dilakukan bagi menentukan bahawa berita negara kita juga harus diterima oleh negara-negara luar.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan tadi bahawa berita yang terkandung di dalam akhbar itu adalah digunakan oleh akhbar atau syarikat berkenaan.

Saya tidak menyatakan televisyen. TV yang di bawah budibicara dan bidang kuasa Kerajaan adalah diawasi dengan rapi dan segala kandungannya itu adalah dengan maklumat serta kepercayaan Kerajaan kita. Berita-berita yang disiarkan oleh akhbar itu adalah menerusi saluran mereka dan di situlah kita menyatakan bahawa kebebasan mereka itu adalah ternyata dari segi pengendalian.

Mengenai berita yang tersiar di luar negeri mengenai negara kita telah pun saya jawab bahawa berita-berita menerusi televisyen mereka itu ada, sebagaimana juga ada berita-berita luar negeri yang disalurkan menerusi Asivision dan saluran-saluran yang lain.

Ada suatu perkembangan yang akan dijalankan oleh Kerajaan iaitu untuk menambahkan lagi kandungan berita-berita tempatan yang mana TV Malaysia akan berusaha lebih giat lagi ke arah itu.

KAWALAN KESELAMATAN DI MAHKAMAH

5. Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) mengapa soal keselamatan Mahkamah baru disedari setelah berlakunya kebakaran di Mahkamah-mahkamah Tinggi Seremban dan Ipoh;
- (b) apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil untuk menjamin segala bangunan dan fail-fail dan barang-barang kes disimpan dengan sempurna; dan
- (c) adakah kemungkinan bangunan-bangunan Mahkamah Tinggi dan Rendah dimasukkan sebagai kawasan-kawasan larangan bagi kepentingan keselamatan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, masalah keselamatan Jabatan-jabatan Kerajaan dan harta benda Kerajaan termasuk soal keselamatan mahkamah adalah sentiasa dalam perhatian dan tindakan Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan dengan mendapat kerjasama khidmat nasihat kepakaran dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, di Jabatan Perdana Menteri.

Semenjak tahun 1970 hampir kesemua mahkamah tinggi di seluruh negara, termasuk Mahkamah Tinggi Seremban dan Ipoh, telah pun dibuat pemeriksaan bagi menentukan keselamatannya sebelum berlakunya kejadian-kejadian kebakaran pada 6hb Jun, 1984 dan 11hb Jun, 1984. Maka soal baharu disedari tidak berbangkit.

Kedua langkah-langkah keselamatan fizikal serta kawalan terhadap dokumen dan barang-barang

kes untuk memberi jaminan terhadap keselamatan perlindungan di seluruh mahkamah, bersesuaian dengan ancaman keselamatan semasa, sememangnya diberi perhatian yang sewajarnya secara berterusan. Dari semasa ke semasa langkah-langkah keselamatan perlindungan dikemaskinikan mengikut keperluan dan kesesuaian termasuk kawalan dan rondaan dari pihak Pasukan Polis Dengan berlakunya kejadian-kejadian baharu-baharu ini, usaha-usaha sedang dibuat untuk mengetatkan lagi sistem keselamatan perlindungan di semua mahkamah.

Buat masa ini Kerajaan berpuas hati dan tidaklah bercadang untuk mewartakan semua bangunan mahkamah tinggi dan rendah sebagai kawasan atau tempat larangan, memandangkan bangunan-bangunan tersebut adalah tempat awam yang terbuka dan dikunjungi oleh orang ramai.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi tidak ada tempat ini yang dijadikan tempat larangan tetapi oleh kerana memandangkan bahawa bangunan mahkamah ini adalah tempat mustahak dalam strategi Kerajaan untuk pengadilan, tentulah ada bahaya: ada mahkamah-mahkamah dijadikan tempat anjing berehat di waktu malam dan pagi dan orang-orang berehat serta membaca surat khabar selepas berjalan kaki pagi ataupun berlindung daripada hujan — ada mahkamah-mahkamah ini. Kemudian magistret-magistret ini pun tidak juga diberi pengawalan keselamatan iaitu menentukan rumah-rumah di Jabatan Kehakiman melainkan mereka menyewa di rumah-rumah biasa, di taman-taman perumahan sebagaimana orang biasa. Adakah Menteri ini sedar dan apakah langkah-langkah yang akan dilakukan?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya gambarkan dalam jawapan saya tadi, langkah-langkah yang perlu sedang dikaji dan ke arah memperbaiki lagi keadaan bangunan-bangunan, misalnya dengan mengadakan penjagaan atau Jaga Malam dan sebagainya supaya keselamatan lebih lagi terjamin. Rondaan Polis pula sekarang diperhebatkan; dan mengenai dengan kakitangan itu, sebenarnya saya baru juga mengambilalih Kementerian Kehakiman dan sebenarnya saya sedang melihat Scheme of Service di Jabatan Kehakiman itu.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu adakah kebakaran di Mahkamah Tinggi Seremban dan di Ipoh itu dilakukan dengan sengaja dan apakah dokumen-dokumen yang terlibat dan sejauh manakah ia akan menjejaskan kes itu?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, kebakaran di Seremban dan di Ipoh itu nampaknya dibuat dengan sengaja dan pihak Polis sedang menyiapkan penyiasatan mengenai dengan kedua-dua kes; tetapi nampaknya juga yang bertanggungjawab dalam kebakaran itu adalah individu-individu yang tertentu, bukannya satu organised crime ataupun bukan satu badan atau satu kumpulan yang mempunyai rancangan yang tertentu secara sebuah organisasi dan sebagainya.

Jadi ini adalah nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, kerja penjenayah-penjenayah secara individu dan boleh jadi dalam dua kes ini penjenayah-penjenayah yang bersabit dengan kes-kes Court. Mungkin mereka takut kalau mereka didapati salah nanti akan dipenjarakan dan didenda dan sebagainya. Jadi nampaknya mereka berusaha mendapatkan fail-fail mereka untuk dibakar supaya tidak boleh dibicarakan lagi akan tetapi, Tuan

Yang di-Pertua, ini tidak menjadi masalah kepada mahkamah-mahkamah kerana apabila tuduhan dibuat, kita boleh buka fail yang baru.

**MALAYSIA-ARAB SAUDI—
KERJASAMA MEMBASMI
ANCAMAN DADAH**

6. Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Luar Negeri menyatakan benarkah Malaysia dan Arab Saudi telah bersetuju untuk mengemukakan suatu ketetapan bersama mengenai pembenterasan dadah kepada Pertubuhan Negara Islam (OIC) dalam persidangannya yang akan datang; jika benar:

- (a) bolehkah beliau menjelaskan bagaimana bentuk ketetapan itu;
- (b) sehingga setakat ini bagaimanakah sambutan yang diberi oleh negara-negara Islam terhadap ketetapan bersama itu; dan
- (c) apakah halangan-halangan yang mungkin dihadapi untuk mendapat persetujuan yang padu dan mutlak dari kalangan negara-negara Islam terhadap ketetapan bersama itu; jika ada, apakah persediaan yang dibuat oleh perwakilan Malaysia ke persidangan negara-negara Islam itu kelak bagi mengatasi sebarang halangan yang mungkin timbul.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini belum terdapat persetujuan yang rasmi di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Arab Saudi untuk mengemukakan satu ketetapan bersama di Persidangan Negara-negara Islam yang akan datang mengenai soal pembenterasan dadah tersebut.

Walau bagaimanapun, pihak kita telah mengadakan perbincangan awal

dengan Kerajaan Arab Saudi mengenai perkara tersebut atas arahan Jawatankuasa Anti Dadah Majlis Keselamatan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya dapat dipergiatkan lagi kerjasama anti dadah dengan Kerajaan Arab Saudi dan negara-negara Islam yang lain.

Satu rombongan Malaysia yang terdiri dari pegawai-pegawai dan agensi penyelarasan anti dadah ini telah mengadakan perbincangan awal dengan pihak yang terlibat dengan tindakan anti dadah dengan di Arab Saudi dan Mesir.

Kedua, kerjasama dengan Kerajaan Arab Saudi ini merupakan langkah awal ke arah kerjasama yang lebih luas dengan semua negara-negara Islam dalam tindakan pengawalan dan pencegahan dadah. Setakat ini sambutan dari Kerajaan Arab Saudi adalah menggalakkan.

Ketiga, saya juga ingin menjelaskan bahawa sebelum kita membawa perkara ini ke mesyuarat negara-negara Islam kita hendaklah terlebih dahulu meninjau pandangan negara-negara OIC yang lain mengenai reaksi mereka terhadap cadangan ini.

Kita perlu juga mendapat sokongan mereka sebelum sebarang langkah diambil untuk mengemukakan ketetapan ini di persidangan Pertubuhan Persidangan Islam. Malaysia akan mengambil langkah untuk membincangkan perkara ini dengan beberapa negara Islam tertentu bagi membuat persediaan mengenai bidang kerjasama yang khusus serta jangka masa sebelum mengambil langkah selanjutnya.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang

Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri adakah benar bahawa salah satu negara Islam di mana dadah sedang dihasilkan ialah Turkey, dan jika benar, apakah tindakan akan diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk mengambil isu ini kepada OIC supaya mencari satu penyelesaian.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, punca munculnya dadah ini terdapat di banyak negeri, bukan hanya di Turkey sahaja dan kita memang sedang menyelaraskan kegiatan kita memerangi kegunaan dadah di dalam dunia ini dengan berbagai agensi antarabangsa yang lain termasuklah dunia Islam juga.

PELAJAR MISKIN—BANTUAN BIASISWA

7. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pelajaran menyatakan oleh kerana ramai pelajar-pelajar miskin yang sangat memerlukan bantuan tidak mendapat faedah setiap tahun dari segi biasiswa, pemberian dan pinjaman Kerajaan yang melibatkan berjuta ringgit, sama ada Kerajaan sedar kelemahan-kelemahan dasar pemberian biasiswa yang ada sekarang; jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyemak semula sistem yang ada sekarang yang bertujuan untuk merangka satu dasar pemberian biasiswa yang lebih adil.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar seperti mana kata Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa ramai pelajar-pelajar yang miskin yang memerlukan bantuan tidak mendapat faedah dari skim biasiswa (pemberian ataupun pinjaman Kerajaan).

Pihak Kerajaan khasnya badan-badan penaja biasiswa sentiasa memberi penekanan dan keutamaan kepada pelajar-pelajar miskin

terutama kepada mereka yang ada kelayakan dalam mendapat faedah tersebut.

Kerajaan memang dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji dan memperbaiki cara pemilihan serta pemberian biasiswa yang dijalankan supaya ianya lebih berkesan dan memberi faedah secara keseluruhannya kepada golongan-golongan yang difikirkan memerlukan bantuan pelajaran.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar tentang satu kajian mendalam yang telah dijalankan oleh sebuah institut yang bernama "Institute of Advanced Studies" dari University of Malaya di mana kajian itu telah mendedahkan banyak kelemahan dalam dasar pemberian biasiswa itu sekarang yang nampaknya banyak menguntungkan golongan yang berada.

Sekiranya Yang Berhormat Menteri sedar tentang hal ini suka saya mendapat tahu apakah sambutan yang pihak Kerajaan hendak memberikan kepada kajian itu? Dan di samping itu suka saya bertanya adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menggantikan amalan yang digunakan sekarang dengan sebuah Bank Pinjaman Pelajaran Kebangsaan di mana semua pelajar-pelajar yang layak dapat membuat pinjaman?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak sedar adanya laporan seumpama itu, ertinya pihak diri saya sendiri. Tetapi berhubung dengan usaha-usaha ke arah memperbaiki lagi pentadbiran dan pengurusan biasiswa itu, ini memanglah berupa satu usaha yang berterusan kerana kita hendak memastikan bahawa scholarship ataupun biasiswa, dermasiswa yang dikeluarkan itu benar-benar mencapai

matlamatnya sebagai bantuan untuk membantu pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran mereka dan pada waktu ini memang tidak ada sebarang cadangan hendak menubuhkan sebuah Bank Pinjaman Biasiswa seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi kerana sistem pemberian biasiswa yang ada sekarang ini difikirkan adalah baik dan memang telah berjaya dalam bidang memberikan bantuan pelajaran kepada anak-anak muda kita yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti sama ada dalam negeri ataupun luar negeri, cuma formula-formula yang digunakan itu perlu disemak tiap-tiap tahun untuk memastikan supaya mereka yang benar-benar berhak dan yang benar-benar layak menerimanya akan dapat menerima biasiswa itu.

ROMPAK/SAMUN/PECAH RUMAH—TANGKAPAN

8. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah tangkapan yang dibuat oleh Kerajaan berikutan dengan perbuatan merompak, dadah, samun, pecah rumah yang dilakukan oleh warganegara asing khususnya di negeri Kelantan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jumlah tangkapan yang dibuat oleh Kerajaan kerana kegiatan-kegiatan jenayah rompak samun, dadah dan pecah rumah yang dilakukan oleh warganegara asing di seluruh negara termasuk Kelantan semenjak tahun 1981 hingga bulan Jun, 1984 adalah seperti berikut:

	<i>Tangkapan seluruh negara bagi warganegara asing</i>	<i>Tangkapan di Kelantan bagi warganegara asing</i>
Rompak-samun	84 orang	tidak seorang pun
Dadah	379 orang	40 orang
Pecah rumah	138 orang	1 orang

PENYELIDIKAN KELAPA SAWIT—FAEDAH

9. Tuan Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan siapakah di antara pekebun-pekebun kecil atau peladang-peladang besar yang mendapat lebih faedah dari penyelidikan Kelapa Sawit oleh Kerajaan yang telah membelanjakan wang yang besar jumlahnya.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, matlamat utama usaha penyelidikan minyak kelapa sawit yang dilakukan oleh Kerajaan adalah untuk kepentingan industri kelapa sawit ini negara pada keseluruhannya. Keutamaan diberi kepada

penyelidikan ke arah meningkatkan daya pengeluaran mengurangkan kos pengeluaran, mempelbagai penggunaan, meningkatkan mutu serta mempelbagai dan peningkatan pasaran untuk menjamin permintaan minyak kelapa sawit Malaysia terus berkembang dan dapat bersaing dengan minyak tanda 'mark line' di pasaran dunia. Justru itu pekebun-pekebun kecil yang tidak ada keupayaan dalam bidang penyelidikan dapat bersama-sama menikmati hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Kerajaan. Demi kepentingan pekebun-pekebun kecil, Institut Minyak Kelapa Sawit Malaysia atau PORIM telah menubuhkan unit perkembangan yang bertujuan untuk memberi khidmat nasihat kepada mereka. Khidmat-khidmat yang disediakan oleh PORIM

secara terus-menerus kepada pekebun-pekebun kecil terutamanya pekebun-pekebun di luar anjuran agensi-agensi Kerajaan termasuk kajian kemungkinan menanam kelapa sawit, khidmat nasihat dalam bidang benih tanaman dan kesesuaian tanah dan pengurusan ladang serta penyemaian benih.

Bagi pekebun-pekebun kecil di bawah anjuran Kerajaan, khidmat nasihat ini diberi melalui agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Newman Gaban.

(Soalan No. 10. Y. B. Tuan Newman Gaban tidak hadir).

KUMPULAN KECIL NELAYAN (KUKENAL)

11. **Tuan Khadri bin Sabran** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah matlamat ditubuh Kumpulan Kecil Nelayan (KUKENAL). Mengapakah sejak KUKENAL diwujudkan, persatuan-persatuan nelayan kawasan seolah-olah tidak berfungsi lagi.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, KUKENAL atau Kumpulan Kecil Nelayan, adalah satu kumpulan sukarela yang tidak formal mempunyai ahli-ahli terdiri daripada 10 hingga 20 orang ketua keluarga nelayan yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Kumpulan ini diketuai oleh seorang ketua yang dipilih oleh ahli-ahli kumpulan tersebut. Tujuan utama KUKENAL diwujudkan ialah untuk menggalak dan meningkatkan penglibatan nelayan dalam kegiatan ekonomi dan sosial, bagi kepentingan masyarakat nelayan sendiri. Melalui KUKENAL perancangan program pembangunan dapat digubal dengan lebih sempurna lagi dengan mengambil kira keperluan dan kepentingan masyarakat nelayan.

Melalui cara ini adalah diharapkan nelayan-nelayan akan lebih bersatu di bawah anjuran Persatuan-persatuan Nelayan dan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memperbaiki taraf ekonomi mereka. Di samping itu ianya juga bertujuan untuk memperbaiki sistem penyampaian input, khidmat pengembangan dan bantuan Kerajaan kepada masyarakat nelayan dengan lebih berkesan.

Walaupun KUKENAL telah ditubuhkan Persatuan Nelayan Kawasan tetap berfungsi sebagai satu institusi yang formal yang bertanggungjawab untuk memajukan masyarakat nelayan dari segi sosio-ekonominya. Kenyataan bahawa Persatuan-persatuan Nelayan seolah-olah tidak berfungsi lagi kerana adanya KUKENAL adalah tidak benar. Penubuhan KUKENAL telah memudahkan Persatuan-persatuan Nelayan memperolehi idea-idea demi untuk kepentingan nelayan-nelayan tersebut. Oleh kerana KUKENAL terdiri dari kumpulan nelayan yang lebih kecil maka mengadakan perjumpaan dan dialog berbanding dengan Persatuan Nelayan yang mana Ahli Lembaganya hanya dapat mengadakan mesyuarat sekali dalam tempoh satu bulan hingga tiga bulan. Dalam erti kata yang lain, kegiatan-kegiatan KUKENAL adalah juga membantu menggerak dan memperkukuhkan Persatuan Nelayan itu sendiri.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa di antara matlamat ditubuhkan KUKENAL ialah untuk memberikan kemudahan bagi melaksanakan projek-projek yang berbentuk ekonomi seperti memberikan bantuan dan kemudahan kepada nelayan bagi mendapatkan kemudahan pinjaman melalui Skim Kemudahan Kredit.

Soalannya yang pertama berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk projek-projek pembangunan seperti membuat surau, balai raya, mengadakan kelas-kelas tambahan kepada anak-anak nelayan sejak KUKENAL ini ditubuhkan.

Yang kedua, berapakah jumlah wang yang telah dikeluarkan kepada nelayan melalui Skim Kemudahan Kredit melalui KUKENAL ini, dan mengapakah pelaksanaan memberikan pinjaman melalui Skim Kemudahan Kredit ini terlalu lambat sebabnya saya dapat tahu di tempat saya hingga masa ini belum ada lagi di antara mereka, di antara nelayan yang memerlukan pinjaman melalui Skim Kemudahan Kredit ini yang menerima pinjaman tersebut.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, KUKENAL ditubuhkan bukan dengan tujuan mengganti persatuan-persatuan nelayan tetapi complement kerja-kerja persatuan-persatuan nelayan dan kemudahan-kemudahan yang disalurkan melalui persatuan-persatuan nelayan dan badan-badan yang lain diteruskan dan KUKENAL cuma memainkan peranan memperbaiki sistem penyampaian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Patrick Anek Uren.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Patrick Anek Uren tidak hadir).

PERDAGANGAN DUA HALA JEPUN/MALAYSIA

13. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berkenaan dengan dasar perdagangan dua hala antara Jepun dan Malaysia sehingga pertengahan tahun 1984, iaitu jumlah peratus kemasukan (import) barangan Jepun ke Negara ini berbanding dengan barangan dari negara-negara lain. Dan sebaliknya

berapakah pula jumlah penjualan hasil-hasil negara kita ke negara Jepun tersebut, serta nyatakan apa-apakah jenis bahan eksport negara kita yang menjadi pilihan utama negara tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, sehingga ke hari ini Negara Jepun masih kekal sebagai rakan perdagangan Malaysia yang terpenting di dunia. Jumlah perdagangan dua hala antara kedua-dua negara terus meningkat di mana pada tahun 1983 yang lalu jumlah perdagangan bernilai 14,248.2 juta ringgit iaitu menyumbang kira-kira 22.4 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan luar Malaysia.

Dari segi import didapati bahawa negara Jepun juga masih dapat mengatasi negara-negara lain sebagai pembekal utama kepada Malaysia. Pada tahun 1983, nilai import Malaysia dari negara tersebut berjumlah 7,781.9 juta ringgit atau 25.3 peratus dari jumlah import keseluruhan. Sementara pembekal kedua terbesar iaitu Amerika Syarikat 16.1 peratus, Singapura 13.9 peratus, German Barat 5.2 peratus dan Saudi Arabia 4.3 peratus. Barangan import utama Malaysia dari Jepun ialah bahan-bahan dan alat binaan, jentera dan alat-alat pengangkutan dan perhubungan, barang-barang kimia dan perkakas elektrik dan elektronik.

Berhubung dengan eksport pula didapati bahawa pada tahun 1983 eksport Malaysia ke Jepun berjumlah 6,466.3 juta ringgit atau 19.7 peratus daripada eksport keseluruhan negara yang berjumlah 32,828.3 juta ringgit. Sebahagian besar daripada jumlah tersebut adalah ke atas bahan-bahan utama seperti petroleum mentah, kayu balak (sawn logs), getah, minyak kelapa sawit, udang besar dan lada hitam. Nilai eksport ke atas enam bahan utama ini sahaja berjumlah

4,092.7 juta ringgit iaitu kira-kira 63.29 peratus daripada eksport keseluruhan Malaysia ke Jepun.

JAMBATAN JALAN KAKI

14. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa adalah sangat perlu dibina Jambatan Jalan Kaki berkembar dengan jambatan yang sedia ada yang menyeberangi Sungai Sepetang, Daerah Larut Matang di Kampong Dew (Jalan Raya Utara Selatan). Jika sedar, bilakah beliau bercadang untuk membina Jambatan Jalan Kaki tersebut.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas soalan ini, iaitu mengenai betapa perlunya dibina jambatan jalan kaki di kedua-dua belah jambatan menyeberangi Sungai Sepetang di Batu 56, Jalan Ipoh—Seberang Perai.

Kementerian saya memang sedar di atas keperluan itu dan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengadakannya.

ENGINE OF GROWTH— SEKTOR SWASTA

15. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau mengharapkan sektor swasta memainkan peranan "engine" of "growth" jika ya, sektor swasta memerlukan "access" kepada wang-wang dengan kos yang termampu tetapi baru-baru ini kerana polisi kewangan Bank Negara yang berhati-hati dengan melambatkan pembekalan wang telah mengakibatkan peningkatan kadar bunga di pasaran wang, dan dengan itu, menambahkan kos kewangan kepada sektor swasta oleh yang demikian, bolehkah beliau

menjelaskan mengenai dasar-dasar yang bertentangan antara kementerianya dan Bank Negara dalam "stimulating" ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan mengharapkan supaya sektor swasta memainkan peranan yang lebih besar dalam menggalak dan memulihkan pertumbuhan ekonomi negara. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pertumbuhan ekonomi negara kita masih dalam proses pemulihan, setelah mengalami pertumbuhan ekonomi yang lembab dan kurangan yang besar dalam akaun semasa serta imbalan pembayaran kita.

Kenaikan kadar faedah baru-baru ini adalah disebabkan oleh permintaan kredit yang semakin bertambah daripada sektor swasta, terutamanya di bidang harta dan pembinaan dibandingkan dengan jumlah wang yang boleh dipinjamkan. Disamping itu pula, kadar faedah antarabangsa yang meningkat berikutan dari perkembangan dalam pasaran wang antarabangsa juga memberi kesan ke atas kadar faedah dalam negara kita. Tanpa apa-apa campurtangan oleh Bank Negara dalam pasaran wang tempatan, kadar faedah dalam negeri akan meningkat dengan lebih tinggi lagi.

Memandangkan dasar Kerajaan untuk menggalakkan simpanan sektor swasta supaya permintaan kredit untuk pelaburan akan lebih seimbang dengan jumlah wang yang boleh dipinjamkan, dalam konteks harga dan kewangan yang stabil, maka tidak terdapat apa-apa percanggahan dalam pendirian dan dasar Kerajaan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Karpal Singh.

(Soalan No. 16 Y.B. Tuan Karpal Singh tidak hadir).

DUKUN-DUKUN PATAH TULANG

17. Tuan Ibrahim Azini bin Hassan minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada dukun-dukun yang boleh mengubati patah tulang dengan lebih baik daripada doktor-doktor sehinggakan kes-kes yang tidak boleh dirawat dengan rawatan perubatan boleh diubati oleh mereka. Jika ya, apakah langkah yang diambil supaya kebolehan mereka ini dapat diperkenalkan di kalangan antarabangsa.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, kita dengar tuntutan sedemikian dari masa ke semasa tetapi Kementerian Kesihatan tidak menyedari akan kes-kes yang spesifik sepertimana Ahli Yang Berhormat itu menyatakan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sedar, banyak berlaku kes misalnya kes patah, misalnya di Taiping ataupun di Ipoh semua orang kenal dengan Pak Hashim, seorang bomoh patah. Jadi, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa apabila kejadian patah dibawa ke rumah sakit atau hospital di Ipoh dan di Taiping, para doktor itu memberi peluang kepada pesakit-pesakit atau orang yang mengalami patah tadi untuk berubat kepada bomoh patah ini.

Dato' K. Pathmanaban: Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya, adakah pihak Kementerian Kesihatan ini bercadang untuk mengkaji bahawa bomoh patah

ini lebih baik lagi membaiki tulang-tulang patah daripada doktor-doktor di hospital. Ini boleh dibuktikan bahawa pihak-pihak doktor sendiri menyatakan boleh cuti, balik, sudah baik saya tambah ubat sedikit, selepas itu boleh keluar, sehingga macam itu sekali kata doktor hospital. Patutnya Kementerian Kesihatan ini mengambil dan menyelidiki perkara ini supaya pembaikan yang betul-betul berkesan diperolehi oleh rakyat negara ini dan tidak menafikan kebolehan pengubatan tradisional di negara kita.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini bukanlah saya menafikan bahawa kemungkinan itu ada, tetapi Kementerian tidak dapat tahu kes-kes spesifik di mana doktor-doktor telah menghantar balik pesakit ke doktor patah—bomoh patah atau bomoh pecah atau lain-lain untuk mengurut atau merawatinya dan pesakit itu didapati boleh baik. Kalau dapatlah Ahli Yang Berhormat itu memberi kes yang spesifik, bolehlah juga saya siasat.

GOLD COIN/SIN HENG CHAN—SUKATAN KURANG DALAM BUNGKUSAN

18. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah Kerajaan sedar tentang berlakunya penyelewengan oleh setengah-setengah pengusaha yang mengeluarkan barang bungkusan yang tidak sama berat isinya dengan apa yang tertulis di luar bungkusannya seperti apa yang terdapat pada bungkusan makanan binatang keluaran Gold Coin, Sin Heng Chan dan lain-lain lagi yang bercanggah dengan Akta Kawalan Harga 1946.

Tuan Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa terdapat barang-barang tersedia bungkusan yang mana timbangan atau sukatnya

kurang daripada apa yang dinyatakan pada label di luar bungkusannya. Dalam hubungan ini, beberapa kes telah diambil tindakan dan orang yang bertanggungjawab telah didakwa di mahkamah. Walau bagaimanapun, saya tidak sedar bahawa makanan binatang tersedia bungkus keluaran Gold Coin, Sin Heng Chan dan lain-lain mengandungi timbangan yang kurang dari apa yang dinyatakan pada labelnya dan bercanggah dengan Akta Kawalan Harga 1946 seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Saya harap Ahli Yang Berhormat dapat memberi butir-butir mengenai syarikat ini supaya siasatan lanjut dapat dijalankan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, seseorang pengusaha barang tersedia bungkus yang gagal meletakkan label yang mengandungi butir-butir tertentu seperti yang diwajibkan di bawah Perintah Kawalan Harga (Perlabelan oleh Pengilang, Pengimport, Pengeluar atau Penjual borong) 1980 adalah melanggar peruntukan Akta Kawalan Harga 1946 sementara pengusaha yang telah meletakkan label berkenaan tetapi butir-butirnya palsu atau mengelirukan adalah melanggar peruntukan Akta Perihal Dagangan 1972.

KAD-KAD PENGENALAN— PENIPUAN

19. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa seriuskah masalah penipuan kad-kad pengenalan (fraudulent N.R.I.Cs) di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia, jumlah kes yang dikesan setakat ini dan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, penipuan kad-kad pengenalan di negara kita ini tidak serius dan sehingga ini Kementerian Dalam Negeri telah mengesan 68 kes.

Kejadian ini berlaku secara berasingan (isolated) oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Penyiasatan rapi oleh pihak Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara sedang dibuat ke atas kes-kes ini dan tindakan undang-undang mengikut peraturan-peraturan Pendaftaran Negara, 1960 akan diambil terhadap mereka yang terlibat.

DOKTOR DAN KAKITANGAN PERUBATAN—PENAMBAHAN BILANGAN

20. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kesihatan menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menambahkan bilangan doktor-doktor dan kakitangan perubatan di seluruh negara terutama di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya sedang mengambil tindakan-tindakan untuk menambahkan lagi bilangan doktor-doktor dan kakitangan perubatan di seluruh negara, iaitu:

- (1) Mengambil doktor-doktor kontrak dari luar negeri, terutama mereka yang mempunyai kelulusan kepakaran;
- (2) Menambahkan jumlah jawatan pegawai perubatan untuk menampung siswazah perubatan di universiti tempatan; dan
- (3) Menambahkan jumlah jawatan-jawatan para-medic dan auxiliary untuk menampung pelatih yang keluar dari sekolah latihan Kerajaan.

Saya suka meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya memberi keutamaan kepada negeri-negeri yang kurang maju termasuklah

Sarawak di dalam menempatkan pegawai-pegawai perubatan dan kakitangan perubatan. Sarawak akan menerima pembahagian yang saksama dalam penempatan ini.

KEPIMPINAN MELALUI TELADAN—KEJAYAAN

20. Tuan Justine Anak Jinggut minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah Kepimpinan Melalui Teladan telah berjaya. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil supaya kakitangan-kakitangan Kerajaan khususnya yang bertugas di luar bandar dapat mengimplemantasikan polisi-polisi Kerajaan dengan teratur.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mendapati bahawa Kempen Kepimpinan Melalui Teladan yang dijalankan dalam tempoh setahun yang lalu telah membawa kesan yang positif. Kajian telah menunjukkan rakyat pada amnya berpuas hati di atas perkhidmatan yang semakin baik yang ditunjukkan oleh kakitangan Kerajaan semenjak Kempen ini dijalankan.

Agensi-agensi Kerajaan sedang meneruskan usaha-usaha mempertingkatkan pelaksanaan Kempen ini melalui aktiviti-aktiviti dalam Jabatan. Langkah-langkah lain yang sedang dijalankan termasuklah aktiviti-aktiviti siberan am melalui media-massa. Kerajaan mengadakan kursus-kursus latihan dari semasa ke semasa bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat di luar bandar. Penyertaan kursus-kursus itu juga meliputi pemimpin-pemimpin masyarakat desa seperti ketua-ketua kampung dan penghulu-penghulu. Seminar-seminar juga dianjurkan bagi pegawai-pegawai Kerajaan dan juga tokoh-tokoh politik tempatan untuk mencapai

persefahaman pendapat di atas perkara-perkara pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan konsep Kepimpinan Melalui Teladan dalam matapelajaran sekolah-sekolah kita?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya konsep ini telah pun diserapkan melalui matapelajaran yang ada di sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10, 12, 16 dan 22 hingga 55 adalah diberi di bawah ini).

TELEFON DAN ELEKTRIK— PERKHIDMATAN

10. Tuan Newman Gaban minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa mutu perkhidmatan telefon dan bekalan elektrik di Sabah sangat buruk dan nyatakan sebab-sebabnya.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):

(a) Pada keseluruhannya mutu bekalan elektrik di Sabah adalah didapati memuaskan. Walau bagaimanapun tidaklah dinafikan bahawa terdapat masalah gangguan-gangguan bekalan elektrik di negeri itu yang terjadi akibat dari beberapa faktor di luar kawalan Lembaga Letrik Sabah (LLS) yang mana antara lainnya ialah:

(i) Keadaan cuaca buruk yang sering melanda Negeri Sabah telah mengakibatkan

talian-talian penghantaran LLS rosak atau terputus ditimpa pokok-pokok dan lain-lain;

- (ii) Beban tenaga yang berlainan atau "over loading" yang berlaku akibat dari penggunaan tenaga yang berlebihan secara haram oleh pengguna-pengguna;
- (iii) Kerosakan kabel bawah tanah yang berpunca dari kerja-kerja penggalian tanah yang dilakukan oleh pemborong-pemborong;
- (iv) Kerosakan tiang-tiang elektrik akibat dari kemalangan jalanraya.

Sebagai langkah untuk mengatasi masalah gangguan-gangguan bekalan seumpama itu pihak LLS telah dan akan mengambil beberapa tindakan antara lainnya ialah:

- (i) Menyediakan satu pasukan terdiri dari kakitangan yang bertugas 24 jam disemua stesen yang mendapat bekalan elektrik 24 jam sehari kecuali bagi kawasan-kawasan luar bandar yang mendapat bekalan kurang daripada 24 jam. Tugas pasukan ini ialah mengawasi dan memperbaiki semua gangguan bekalan elektrik yang berlaku di negeri itu terutama bagi gangguan-gangguan yang dilaporkan kepada LLS.
- (ii) Memperkenalkan "Sistem Radio Pasukan Kerosakan" disemua stesen

LLS. Buat permulaan ini LLS telah pun memperkenalkan sistem itu di Kota Kinabalu terlebih dahulu manakala perkhidmatan di stesen-stesen lain seperti Tawau, Sandakan dan Labuan akan diperkenalkan kemudian.

- (iii) Memperbaiki sistem pembahagian di luar bandar dan kawasan-kawasan kediaman melalui sistem pembahagian yang "inter connected" seperti yang terdapat di Lembaga Letrik Negara.
- (iv) Memberitahu pengguna-pengguna LLS terlebih awal melalui pemberitahuan di dalam akhbar-akhbar tempatan sekiranya "loading sheeding" dibuat oleh LLS.

- (b) Mengenai perkhidmatan telefon pula, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah sukar untuk menjawab kerana soalnya terlalu umum dan tidak dinyatakan bidang manakah daripada perkhidmatan telefon di Sabah yang dianggap sangat buruk. Walau bagaimanapun, sukacita saya menjelaskan di sini bahawa pada umumnya perkhidmatan telefon di Sabah telah banyak bertambah baik jika dibandingkan dengan perkhidmatan telefon pada beberapa tahun yang lepas.

Bagi memperbaiki lagi perkhidmatan telefon, berbagai usaha dijalankan oleh Jabatan Telekom. Buat masa ini, Jabatan Telekom sedang membina 5 buah ibusawat baru

dan 10 buah ibusawat yang lama akan ditambah muatannya.

Ibusawat-ibusawat tersebut adalah seperti berikut:

(i) **Ibusawat-ibusawat baru yang sedang dibina**

<i>Ibusawat</i>	<i>Jumlah Muatan</i>	<i>Dijangka Siap</i>
Bingkor	400	Disember 1984
Kota Kinabatangan	1,000	Disember 1984
Labuk	1,000	September 1984
Layang-layang	1,000	September 1984
Menggatal	5,000	September 1984

(ii) **Ibusawat-ibusawat lama yang ditambah muatannya**

<i>Ibusawat</i>	<i>Muatan Lama</i>	<i>Muatan Baru</i>	<i>Dijangka Siap</i>
Batu Sapi	1,000	2,000	Ogos 1984
Baluran	100	1,000	Oktober 1984
Keningau	1,000	5,000	Ogos 1984
Kundasang	100	1,000	November 1984
Nunuyun	1,000	5,000	September 1984
Papar	1,000	3,000	November 1984
Putatan	1,000	5,000	November 1984
Ranau	1,000	2,000	November 1984
Tamparuli	400	1,000	November 1984
Tambunan	400	1,000	Disember 1984

Dengan terlaksananya rancangan-rancangan ini, jumlah talian hubungan jauh akan dapat ditambah dan mutu perkhidmatan telefon akan menjali lebih baik.

**JALANRAYA DI SARAWAK—
PEMBINAAN**

12. Tuan Patrick Anek Uren minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada masanya sudah tiba untuk memperhatikan keadaan jalanraya yang begitu tidak baik di Sarawak dan menumpukan tenaga Kerajaan untuk membaiki, membaharui jalanraya Simanggang/Sibu/Bintulu/Miri/Limbaing dan Kuching/Lundu, Kuching/Padawan supaya pelabur-pelabur akan memandang akan ada gunanya mereka melabur cara besar-besaran di Negeri Sarawak lebih-lebih lagi di kawasan pendalaman untuk mengadakan peluang pekerjaan yang

sangat-sangat diperlukan kini disebabkan pengangguran yang semakin meningkat.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Kementerian saya memang sentiasa memberi perhatian yang berat ke atas pembinaan jalanraya-jalanraya di negeri Sarawak. Ini termasuklah juga jalanraya-jalanraya yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak Rancangan Malaysia Kedua, peruntukan bagi projek jalanraya-jalanraya dan jambatan-jambatan bagi negeri

Sarawak telah ditambah berlipat ganda. Sebagai contoh, dalam Rancangan Malaysia Kedua sebanyak \$54.9 juta telah diperuntukan kepada negeri Sarawak. Jumlah ini seterusnya meningkat kepada \$150 juta di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan dalam Rancangan Malaysia Keempat, jumlah tersebut meningkat lebih daripada sekali ganda lagi iaitu kepada \$327.16 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah peruntukan bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat tersebut adalah merupakan 11.6% daripada keseluruhan peruntukan program jalanraya dan jambatan di seluruh negara. Peratusan ini bolehlah dianggap sebagai peratusan yang agak tinggi.

Mengenai jalanraya-jalanraya yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya suka memaklumkan bahawa Kementerian saya pada masa sekarang sedang memberi keutamaan untuk menaikkan taraf jalanraya-jalanraya tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun ini, sejumlah \$21.5 juta telah diperuntukan untuk kerja-kerja tersebut, dan pada tahun 1985 pula, jumlah tersebut ditambah kepada \$48 juta. Mengenai jalan Kuching/Padawan pula, oleh kerana jalan ini hanyalah sebuah jalan sokongan menuju ke jalanraya utama, pihak Kementerian saya berpendapat, permukaan "gravel" yang ada sekarang adalah memadai dan tidaklah perlu dinaikkan tarafnya pada masa sekarang.

KEMELESETAN EKONOMI DUNIA

16. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kewangan menyatakan setakat manakah negara kita telah pulih dari keadaan kemelesetan ekonomi dunia.

Dato Sabbaruddin Chik: Ekonomi negara sekarang ini telah mula beransur pulih. Perangkaan awal perdagangan menunjukkan bahawa eksport negara bagi empat bulan pertama tahun ini meningkat kepada \$11,824 juta atau pertambahan sebanyak 24.4% berbanding dengan \$9,501 juta atau pertambahan sebanyak 16.8% dalam empat bulan pertama tahun 1983. Ini adalah disebabkan oleh pemulihan di dalam ekonomi negara-negara perindustrian di Amerika Utara dan Eropah Barat yang menjadi rakan perdagangan utama negara kita. Import pula meningkat hanya sebanyak 3.2% berbanding dengan 12.6% dalam empat bulan pertama tahun 1983.

Oleh yang demikian, akaun perdagangan negara telah mendapat kelebihan sebanyak \$1,657.5 juta berbanding dengan kurangan sebanyak \$350.9 juta dalam tempoh empat bulan yang sama dalam tahun 1983. Sekiranya pemulihan antarabangsa dapat dikekalkan tahun ini, ekonomi negara dijangka akan bertambah baik dan akan mencapai pertumbuhan sebanyak 6.7% tahun ini. Import dagangan pula akan meningkat 9.6% iaitu kurang daripada pertambahan tinggi yang dialami pada penghujung tahun 70'an dan awal 80'an disebabkan oleh pengurangan perbelanjaan Kerajaan serta juga kesan langkah-langkah Belanjawan yang telah diperkenalkan pada masa yang lepas. Barasaskan kepada perkembangan ini, kita akan mencapai kelebihan dalam akaun perdagangan sebanyak \$3.7 ribu juta tahun ini.

Dari segi pengeluaran pula prestasinya adalah juga memuaskan. Pengeluaran getah meningkat sebanyak 12% dari 365,620 tan metrik dalam suku pertama tahun lalu kepada 410,763 tan metrik dalam suku pertama tahun ini. Sektor perlombongan juga telah berkembang, hasil dari peningkatan pengeluaran minyak petroliam mentah

sebanyak 23% dalam lima bulan pertama tahun ini kepada 451.608 tong sehari berbanding dengan 366.984 tong sehari bagi tempoh yang sama tahun lalu. Bagi tempoh perbandingan yang sama, pengeluaran perkilangan telah meningkat sebanyak 11%, manakala aktiviti sektor pembinaan, yang dilihat dari segi pinjaman kepada sektor ini telah juga meningkat. Pinjaman kepada sektor pembinaan telah meningkat sebanyak 6.4% dalam suku pertama tahun 1984 berbanding dengan 5.3% untuk tempoh yang sama tahun lalu. Oleh itu keluaran Dalam Negara Kasar sebenar tahun ini dianggarkan meningkat sebanyak 6.7%, berbanding dengan 5.8% dalam tahun 1983. Kadar pertumbuhan ini adalah memuaskan jika dibandingkan dengan pencapaian negara-negara sedang membangun yang lain.

Kadar inflasi negara ini juga telah beransur baik. Dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini, kadar inflasi ialah sebanyak 4.8% berbanding dengan 9.7% setahun dalam tahun 1980. Perkembangan positif ini adalah hasil dari pengurusan permintaan negara yang lebih ketat melalui pengurusan Belanjawan Kerajaan dan dasar wang negara. Kekukuhan ringgit juga telah dapat menyekat inflasi yang diimport.

Sungguhpun ekonomi kita telah beransur pulih apabila dibandingkan dengan prestasi dalam tahun 1982, kita masih menghadapi masalah imbalan pembayaran terutama sekali berhubung dengan pembayaran tak ketara atau "invisible payments". Pada tahun 1983, kita telah mengalami kurangan di dalam akaun pembayaran tak ketara sebanyak \$8,295 juta dan bagi tahun 1984 kurangan ini dijangka akan meningkat kepada \$9,531 juta. Memandangkan prestasi perdagangan akan bertambah baik pada tahun ini, maka kurangan di dalam akaun semasa selepas mengambil kira akan pembayaran tak ketara adalah

sebanyak \$5.8 ribu juta iaitu kurang sedikit daripada kurangan yang dialami sebanyak \$6.7 ribu juta dalam tahun 1983. Kedudukan akaun pembayaran tak ketara yang kurang baik ini adalah disebabkan terutamanya pembayaran yang meningkat bagi bayaran perkapalan, perjalanan luar negeri dan bayaran hutang negara. Tindakan-tindakan telah pun diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan bayaran ini pada masa lepas dan tindakan-tindakan lain akan diambil untuk menentukan supaya kurangan ini dapat dikurangkan lagi di masa hadapan.

Prestasi ekonomi yang memuaskan yang dicapai sehingga sekarang dipercayai dapat dikekalkan, ataupun bertambah baik sekiranya pemulihan di dalam ekonomi antarabangsa berlaku dengan berterusan. Ini kemudiannya akan menambahkan permintaan bagi eksport barangan utama negara dan dengan itu kedudukan imbalan pembayaran negara juga dijangka akan terus bertambah baik di masa hadapan.

"OPERASI PINDAH"— PROJEK HAIDRO BATANG AI

22. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa:

- (a) "Operasi Pindah" tahap kedua yang melibatkan 11 buah rumah panjang akan dijalankan dalam bulan Oktober 1984;
- (b) Rumah-rumah panjang mereka belum siap dan kemungkinan tidak akan siap dibina sehingga bulan Oktober ini. Apakah rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah ini; dan
- (c) Bilakah wangpampasan mereka yang terlibat di dalam pembinaan projek Haidro Batang Ai ini selesai dibayar.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Perlu saya menjelaskan bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah perkara yang masih terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sarawak oleh kerana SESCO, badan yang mengawasi pelaksanaan projek ini adalah merupakan sebuah badan berkanun Kerajaan Negeri. Oleh kerana itu, maklumat-maklumat yang akan saya terangkan ini adalah maklumat-maklumat yang telah dikemukakan oleh pihak SESCO kepada Kementerian ini. Maklumat-maklumat itu ialah seperti berikut:

- (a) Memang benar "Operasi Pindah" tahap kedua yang melibatkan 11 buah rumah panjang akan dijalankan bermula dari bulan September 1984 hingga ke bulan Oktober 1984.
- (b) Mengikut keterangan pihak SESCO, sekim perumahan yang disediakan oleh Suruhanjaya Pembangunan Perumahan Negeri (Sarawak Housing Development Commission) bagi mereka yang terlibat dengan pemindahan itu dijangka akan siap pada bulan September 1984 ini. Segala langkah sedang diambil untuk memastikan sekim perumahan itu dapat disiapkan dalam jangkamasa yang telah dijadualkan itu.
- (c) Mengenai pembayaran wang pampasan kepada mereka yang terlibat dengan pembinaan projek ini, sukarlah saya maklumkan bahawa ianya dibayar secara berperingkat-peringkat. Dalam hal ini Kerajaan Negeri Sarawak berpendapat bahawa wang pampasan ini akan dibayar sepenuhnya menjelang akhir tahun 1984 ini.

TARIF BAYARAN PERKHIDMATAN TELEFON

23. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Jabatan Telekom berhajat mengurangkan kadar bayaran telefon dan teleks ke luar negeri supaya dapat menggalakkan perdagangan antarabangsa seperti dilakukan oleh negara Singapura dan Hong Kong jika ya, tidak mengapa.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jabatan Telekom Malaysia (JTM) dari semasa ke semasa sentiasa menyemak kadar tarif bayaran perkhidmatan telefon dan juga teleks yang dikenakan kepada orang-orang awam bagi perkhidmatan-perkhidmatan di dalam dan juga ke luar negeri. Semakan ke atas kadar dan tarif bayaran dibuat berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan ekonomi dan perkhidmatan dengan mengambil kira kadar dan tarif yang dikenakan oleh negara-negara lain di dunia bagi perkhidmatan yang sama. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat juga pada tahun 1983 JTM telah pun menyemak semula dan mengurangkan tarif untuk pemancaran dan penerimaan siaran TV antarabangsa melalui satelit, dan juga tarif litar suwa antarabangsa. Pada masa ini pula Kementerian saya sedang mengkaji kadar teleks antarabangsa dan juga tarif telefon antarabangsa untuk menentukan sama ada ianya boleh diturunkan ataupun sebaliknya. Kajian ini masih belum siap.

Walau bagaimanapun, sebagai tindakan permulaan, JTM akan memulakan perkhidmatan dengan mengenakan kadar bayaran telefon yang berkurangan bagi panggilan-panggilan telefon antarabangsa yang dibuat pada hari-hari Ahad mulai 1-9-84 ini. Kadar yang akan

dikenakan pada hari-hari tersebut adalah kira-kira 2/3 dari kadar tarif sekarang.

PELAJAR TINGKATAN ENAM

24. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) jumlah pelajar yang di ambil masuk ke Tingkatan Enam 1984 hasil daripada keputusan peperiksaan SPM 1983, dengan memberi pecahan angka pelajar-pelajar Bumiputera, China dan India;

(i) Bumiputera	Tingkatan VI Rendah Sastera	10,776 orang
		Tingkatan VI Rendah Sains	.. 8,881 orang
		Jumlah	.. 19,657 orang
(ii) Bukan Bumiputera	Tingkatan VI Rendah Sastera	3,396 orang
		Tingkatan VI Rendah Sains	.. 7,053 orang
		Jumlah	.. 10,449 orang

Pecahan kepada kaum Cina dan India tidak dapat diperolehi. Angka-angka ini termasuk penempatan ke Sekolah Berasrama Penuh.

- (b) Dari jumlah di atas 15,934 orang adalah pelajar sains dan 14,172 orang pelajar sastera.
- (c) Penempatan ke Sekolah-sekolah Biasa dan Sekolah Berasrama Penuh adalah seperti berikut:

(i) Sekolah Menengah Biasa	29,377 orang
(ii) Sekolah Menengah Berasrama Penuh	729 orang
	Jumlah	.. 30,106 orang

(b) jumlah tiap-tiap kaum itu yang mengikuti jurusan sains dan sastera; dan

(c) jumlah pelajar-pelajar itu yang ditempatkan di Tingkatan Enam Sekolah-sekolah Menengah Biasa dan Sekolah Berasrama Penuh.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):

(a) Seramai 30,106 orang pelajar lepasan SPM 1983 telah ditawarkan tempat belajar dalam Tingkatan Enam Rendah tahun 1984 ini. Daripada jumlah tersebut, pembahagian mengikut kaum adalah seperti berikut—

PENAGIH DADAH

25. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan penagih dadah yang diketahui di seluruh negara secara am dan di Wilayah Persekutuan dan Kepong secara khusus. Berapakah peratus kesilapan (percentage error) dalam angka-angka ini dan apakah perbezaan di antara bilangan penagih di seluruh negara dan muatan pusat-pusat pemulihan.

Menteri Dalam Negeri (Dato Musa Hitam): Bilangan penagih-penagih dadah yang diketahui di seluruh

negara semenjak tahun 1970 hingga Mei 1984 ialah seramai 97,601 orang. Bilangan penagih-penagih dadah yang diketahui di Wilayah Persekutuan bagi tempoh yang sama ialah 12,992 dan bilangan penagih-penagih dadah yang diketahui bagi kawasan Kepong ialah seramai 130 orang.

Memandangkan angka-angka di atas bagi seluruh negara dan Wilayah Persekutuan diperolehi dari alat Komputer, Pusat Penyelidik Dadah Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, maka tidak ada kemungkinan berlaku kesilapan dalam angka-angka yang tersebut di atas. Alat Komputer Pusat Penyelidikan Dadah Universiti Sains Malaysia tidak menyimpan angka-angka penagih-penagih dadah bagi kawasan Kepong dan angka 130 orang penagih-penagih dadah yang telah disebutkan di atas itu diperolehi dari proses pendaftaran kes-kes yang dirujuk untuk rawatan dan pemulihan di Unit Rawatan dan Pemulihan Dadah, Wilayah Persekutuan.

Bilangan penagih-penagih di seluruh negara ialah 97,601 orang dan muatan di dalam empat buah pusat Pemulihan di Negara ini sekarang ialah seramai 1,030 orang. Oleh yang demikian perbezaan di antara bilangan penagih-penagih dadah di seluruh negara dan muatan pusat-pusat pemulihan ialah 96,571.

CALON GAGAL MENDAPAT GRED I DALAM S.P.M.

26. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan calon Sijil Pelajaran Malaysia 1982 dan 1983 yang gagal memperolehi Gred I semata-mata kerana tidak mendapat kepujian dalam Kertas Bahasa Malaysia, sedangkan markah mereka dalam Kertas-kertas lain adalah cemerlang;

(b) sebab-sebab yang menjadi punca asas tentang kelemahan calon-calon tertentu dalam Kertas Bahasa Malaysia; dan

(c) sama ada beliau sedar tentang kekurangan guru-guru Bahasa Malaysia yang mahir di Tingkatan Empat dan Lima.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) Bilangan calon yang gagal untuk mendapat Gred I kerana gagal mendapat kepujian dalam kertas Bahasa Malaysia—

1982 20 orang

1983 29 orang

iaitu 0.02% sahaja daripada jumlah calon keseluruhannya.

(b) Tidak berbangkit.

(c) Adalah tidak benar mengatakan bahawa terdapat kekurangan guru Bahasa Malaysia yang mahir di Tingkatan Empat dan Lima. Sekolah-sekolah menengah mempunyai guru-guru yang cukup untuk mengajar Bahasa Malaysia di Tingkatan Empat dan Lima. Guru-guru ini adalah cukup mahir dalam mengajar matapelajaran tersebut.

LAPANGAN TERBANG BARU DI TAWAU

27. Tuan Kan Yau Fah minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah sebarang rancangan untuk memindahkan Lapangan Terbang Tawau ke suatu tempat yang lain dan jika ada bilakah kerja-kerja pembinaan akan dimulakan dan jika tidak adakah rancangan untuk memanjangkan lapangan terbang yang serba kekurangan ini dan bilakah pemanjangan ini akan dimulakan.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Kementerian Pengangkutan memang mempunyai rancangan untuk mengadakan sebuah lapanganterbang yang baru bagi Tawau. Pada masa ini, peringkat pertama bagi projek ini iaitu Kajian Pelan Induk dan Penyediaan Rekabentuk Awal telah pun siap dijalankan oleh sebuah firma perunding yang dilantik oleh Kerajaan. Bagaimanapun, oleh kerana kedudukan ekonomi dan kewangan negara pada masa ini kurang menggalakkan, pelaksanaan peringkat berikutnya, iaitu penyediaan rekabentuk terperinci dan pembinaan bagi Lapanganterbang Baru Tawau terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu. Sebaik sahaja keadaan ekonomi negara pulih semula, Kementerian Pengangkutan akan meneruskan kerja-kerja bagi menyiapkan projek ini.

Sementara itu, Kementerian Pengangkutan telah dan akan terus mengambil tindakan untuk memperbaiki dan menambahkan kemudahan-kemudahan yang boleh diadakan di Lapanganterbang Tawau yang ada sekarang. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah memanjangkan landasan bagi pendaratan pesawat B737. Kerja-kerja pemanjangan landasan tersebut telah siap dijalankan pada bulan Oktober 1981. Walau bagaimanapun, oleh kerana keadaan alam sekeliling (physical constraints), penerbangan-penerbangan B737 ke Lapanganterbang Tawau perlulah dikenakan beberapa sekatan-sekatan seperti membawa muatan yang terhad dan penggunaan landasan hanya di dalam keadaan cuaca yang baik dan pada waktu siang sahaja. Satu lagi kemudahan yang sedang dijalankan di Lapanganterbang Tawau ialah pemasangan lampu-lampu landasan bagi operasi dari subuh ke senja (dawn to dusk operation). Lampu-lampu ini akan dapat digunakan apabila siap dikalibrasikan nanti.

KELAS BAHASA CINA DAN TAMIL

28. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar Kementerian bercadang menjalankan semua Kelas P.O.L. bagi bahasa Cina dan Tamil pada waktu-waktu yang luar daripada waktu sekolah serta meminta Persatuan Ibumama-Guru PIBG untuk membiayai kelas-kelas P.O.L. ini. Sekiranya ada, mengapa. Bukankah ini akan bertentangan dengan semangat peruntukan-peruntukan dalam Akta Pendidikan 1961 berkenaan Kelas-kelas P.O.L.; apakah langkah-langkah konkrit yang Kementerian bercadang mengambil untuk memperbaiki pelaksanaan Kelas-kelas P.O.L., adakah Kerajaan bercadang meningkatkan lagi elaun bagi guru-guru P.O.L. kepada suatu taraf yang lebih berpatutan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tidak benar Kementerian Pelajaran bercadang menjalankan kelas-kelas Bahasa Cina dan Tamil di luar waktu sekolah. Mana yang boleh kelas-kelas tersebut dijalankan pada waktu sekolah. Tidak juga benar bahawa Kementerian Pelajaran minta pihak Persatuan Ibu bapa-Guru (PIBG) membiayai kelas-kelas Bahasa Cina dan Tamil. Kelas-kelas tersebut dijalankan mengikut peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta Pelajaran 1961.

Berikut adalah di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk memajukan lagi pelaksanaan kelas-kelas Bahasa Cina dan Tamil:

- (i) Menempatkan lebih ramai guru yang terlatih serta layak mengajar Bahasa Cina dan Tamil.
- (ii) Menjalankan kelas-kelas Bahasa Cina dan Tamil pada waktu sekolah.

(iii) Menaikkan elaun pengajar:

Tahun	Sekolah Rendah/ Bukan Siswazah	Sekolah Menengah/ Siswazah
1983	\$ 5 @ jam	\$10 @ jam
1984	\$10 @ jam	\$15 @ jam

PETRONAS—KAJIAN SEISMİK DI PANTAI PERAK

29. Tuan Lim Liang Seng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada satu rancangan carigali petroleum sedang dijalankan di sepanjang pantai barat Semenanjung Malaysia dan khususnya di sepanjang pantai Negeri Perak. Jika ada, sejauh manakah kejayaan usaha kerajaan setakat ini.

Datuk Dr James P. Ongkili: PETRONAS telah pun menjalankan kajian seismik pada bulan Ogos dan September, tahun 1983 di sepanjang pantai barat Semenanjung Malaysia. Data dari kajian tersebut menunjukkan wujudnya struktur-struktur yang dianggap sesuai bagi memerangkap sumber hidrokarbon di bahagian barat-laut Selat Melaka iaitu di luar Pantai Negeri Kedah. Memandangkan kewujudan struktur hidrokarbon tersebut hanya dapat dipastikan melalui penggerudian, maka PETRONAS pada ketika ini sedang membuat persediaan untuk menawarkan kawasan tersebut supaya diterokai menjelang awal tahun 1985. Walau bagaimanapun, data dari kajian seismik tersebut tidak menunjukkan kemungkinan wujudnya struktur yang sedemikian di luar pantai negeri Perak.

(Soalan No. 30 dijawab pada 18-7-84).

PERJANJIAN PEMBINAAN MALAYSIA-CHINA

31. Tuan Yew Foo Weng minta Menteri Luar Negeri menerangkan dengan penuh perjanjian pembinaan

yang besar yang ditandatangani dengan Negeri China atas lawatan Menteri ke Negeri China baru-baru ini. Dengan kejayaan ini sama ada Kerajaan ingin menggalakkan lebih banyak lagi firma-firma swasta menjalankan "Joint Venture" dengan Negeri China secara langsung dan sama ada Kerajaan ingin mengamalkan polisi monopoli seperti keadaan PERNAS memegang monopoli untuk segala import dari Negeri China.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Semasa lawatan Menteri Luar ke Republik Rakyat China baru-baru ini, beberapa syarikat Malaysia telah berjaya menandatangani "Letters-of-Intent" untuk projek pembinaan di Negeri China yang berharga lebih dari US\$800 juta. Projek-projek ini termasuk pembinaan rumah pangsa, hotel dan pejabat di beberapa tempat di Negeri China seperti di Peking, Hanzhou dan Xiamen.

Selaras dengan arahan Y.A.B. Dato' Seri Perdana Menteri, Kerajaan ingin menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat Malaysia terlibat dalam projek-projek ekonomi di luar negeri termasuk Negeri China. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan memastikan bahawa penglibatan syarikat-syarikat Malaysia dalam pembangunan Ekonomi China adalah selaras dengan kehendak-kehendak keselamatan negara, Dasar Ekonomi Baru dan juga tidak memberi kesan negatif terhadap rancangan pembangunan kita sendiri. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ingin saya menyatakan bahawa Jumaah Menteri baru-baru ini dalam suatu Mesyuarat Khas telah setuju

pada dasarnya bahawa hubungan ekonomi antara Malaysia dengan China diperluaskan. Jumaah Menteri juga meminta Wisma Putra menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk menyediakan garis panduan mengenai penglibatan syarikat-syarikat Malaysia dalam pembangunan ekonomi China. Jawatankuasa Khas ini akan dipengerusikan oleh saya sendiri.

Dasar Kerajaan mengenai peranan PERNAS dalam perdagangan dua hala Malaysia-China adalah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna bahawa badan-badan dan syarikat-syarikat lain tidak dibenarkan melibatkan diri di dalam perdagangan tersebut. Untuk makluman ingin saya maklumkan, semasa pamiran perdagangan Canton yang diadakan dua kali setahun, PERNAS telah mengetuai rombongan yang mengandungi seramai lebih dari dua ratus orang ahli-ahli perniagaan dari Malaysia, yang mana kebanyakan dari mereka ini adalah terdiri dari peniaga-peniaga bukan bumiputera. Selain daripada ini Kerajaan akan terus memberi pertimbangan serta galakan kepada syarikat kebangsaan yang ingin berdagang dengan China sekiranya ini selaras dengan cita-cita Dasar Ekonomi Baru.

PEKERJA INDONESIA MEMEGANG KAD PENGENALAN MERAH

32. Tuan Ling Sie Meng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) jumlah pekerja-pekerja Indonesia di negara kita yang telah mendapat kad pengenalan merah setakat ini; dan
- (ii) sehingga sekarang berapa jumlah orang yang masih memegang kad pengenalan merah dan jumlah pemegang-pemegang kad pengenalan

merah yang telah mohon untuk mendapat kad pengenalan biru dan jumlah yang berjaya dengan memberikan angka mengikut perpecahan kaum.

Dato Musa Hitam: Rakyat Indonesia yang bekerja di sini telah diberi Pas Kerja di bawah Akta Imigresen 59/63. Tidak seorang pun daripada mereka ini diberikan kad pengenalan merah.

Jumlah pemegang kad pengenalan merah sehingga 31-5-1984 ialah 315,568. Permohonan yang masih lagi di dalam proses untuk mendapatkan kerakyatan ialah 15,594. Permohonan yang berjaya mendapat warganegara hingga Mei, 1984 ialah 3,325.

Adalah menjadi amalan Kementerian Dalam Negeri tidak menyimpan rekod pemohon taraf kerakyatan mengikut pecahan keturunan.

(Soalan No. 33 dijawab pada 19-7-1984).

KEJATUHAN HARGA GETAH

34. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Perusahaan Utama menerangkan inisiatif yang telah dijalankan bagi mengatasi masalah kejatuhan harga getah pada masa kini dan menstabilkan harga barangan tersebut pada masa yang akan datang.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Kerajaan sememangnya mengambil berat mengenai kejatuhan harga getah baru-baru ini dan betapa pentingnya harga getah dapat distabilkan diparas yang berpatutan dan lumayan. Mengenai kejatuhan harga getah baru-baru ini, sukacita saya maklumkan bahawa mengikut penganalisa pasaran, kejatuhan ini merupakan kejatuhan sementara dan harga getah dijangka akan pulih semula tidak lama lagi

terutamanya didapati faktor-faktor "fundamental" iaitu bekalan dan permintaan adalah kukuh.

Mengenai inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kejatuhan harga getah serta menstabilkannya, sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin sedia maklum, Malaysia telah pun memainkan peranan yang aktif sejak beberapa lama dahulu bagi mewujudkan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa dan dengan usaha-usaha dan inisiatif Malaysia, Perjanjian Getah Asli Antarabangsa 1979 telah dijalin dan Perjanjian tersebut telah pun berkuatkuasa sejak tahun 1980 di mana Ibu Pejabatnya berada di Kuala Lumpur. Dengan adanya Perjanjian ini, harga getah yang merosot dalam tahun 1981 dapat ditahankan daripada terus jatuh ke paras yang lebih rendah. Perjanjian ini juga memberi jaminan bahawa harga getah tidak akan jatuh ke paras yang tidak diingini.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya mendapati Perjanjian sekarang ini mempunyai beberapa kelemahan dan dengan itu Kementerian saya sedang meneliti dengan mendalam peruntukan Perjanjian tersebut bagi memperbaikinya untuk menentukan kepentingan pengeluar-pengeluar terutamanya pekebun-pekebun kecil. Sementara itu, Majlis Getah Asli Antarabangsa telah pun bersetuju supaya Perjanjian ini dirundingkan semula dan satu mesyuarat persediaan untuk meneliti Perjanjian ini dan bagi membuat persediaan untuk rundingan semula telah ditetapkan pada bulan November yang akan datang.

Di samping itu, sukacita saya memaklumkan bahawa Malaysia juga mengambil peranan yang aktif melalui Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) bagi menentukan supaya kepentingan

negara-negara pengeluar getah asli adalah terjaga dan satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan khusus untuk membincangkan dan mengawasi aktiviti-aktiviti Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) bagi menjaga kepentingan pengeluar-pengeluar, terutama bagi menentukan harga yang berpatutan.

Penubuhan pasaran getah di KLCE adalah juga merupakan satu langkah Kerajaan bagi memperkemas dan memperbaiki sistem atau mekanisma penemuan harga getah yang lebih baik dan lebih kompetatif dan juga dari segi untuk memberi kemudahan lindung nilai kepada pengeluar-pengeluar getah kita. Ini bermakna dengan adanya pasaran hadapan getah di Kuala Lumpur sendiri, Malaysia sebagai negara pengeluar utama getah akan dapat mempengaruhi paras harga getah di peringkat antarabangsa dan tidak lagi kita bergantung semata-mata kepada keadaan harga di pasaran getah London, New York, Tokyo atau Singapura.

Penubuhan Pasukan Petugas Getah bagi mengkaji prospek perusahaan getah dari tahun 1983 hingga tahun 2000 juga merupakan satu langkah jangka panjang kerajaan untuk menentukan perkembangan getah asli masa hadapan secara teratur dan sihat. Laporan ini dapat digunakan sebagai asas untuk perancangan dan pelaksanaan dasar dan strategi serta program perusahaan getah asli kerajaan dalam jangka panjang. Perakuan-perakuan daripada Pasukan Petugas ini sedang diteliti oleh satu Jawatankuasa khas di bawah Kementerian saya untuk mengenalpasti program-program dan strategi yang sesuai untuk perkembangan getah asli masa hadapan yang merangkumi aspek-aspek pengeluaran, pemerosesan, pemasaran, perusahaan berasaskan getah, penyelidikan dan kemajuan dan

lain-lain. Kajian ini juga adalah penting dari segi memberi gambaran perubahan struktur dan tahap permintaan getah asli di masa hadapan. Dengan demikian dapat digunakan sebagai asas oleh negara-negara pengeluar getah asli bagi membuat perancangan bekalannya khusus dalam konteks bagi mengimbangkan kedudukan pengeluaran dan permintaan supaya getah asli tidak dikeluarkan secara berlebihan bagi menjamin harga getah asli berada diparas yang sihat dan lumayan.

IMIGRAN HARAM INDONESIA/FILIPINA

35. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Dalam Negeri memberitahu jumlah imigran-imigran haram dari Indonesia dan Filipina yang telah diberikan kad pengenalan serta kewarganegaraan Malaysia dan sama ada dan bilakah beliau akan memberikan kewarganegaraan Malaysia kepada 400,000 pemastautin tetap yang mempunyai kad pengenalan merah yang telah menetap di situ berdekad-dekad.

Dato' Musa Hitam: Tidak ada seorang pun pendatang haram dari Indonesia dan Filipina atau mana-mana negara jua yang telah atau akan diberi kad pengenalan atau taraf kerakyatan. Sebaliknya Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka di bawah Akta Imigresen 1959/63.

Kerajaan hanya menimbang taraf kerakyatan bagi mereka yang memohon dan layak untuk mendapat anugerah negara tertinggi ini sekiranya pemohon-pemohon memenuhi syarat-syarat dan keperluan yang ditetapkan dalam Perlembagaan Malaysia.

PENSWASTAAN PERKHIDMATAN TELEFON

36. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Telekom, Pos dan Tenaga;

- (a) mendedahkan segala butir yang relevan terhadap cadangan untuk mengswastakan perkhidmatan talikom di negara ini;
- (b) menerangkan langkah-langkah yang akan menentukan bahawa kadar talipon tidak akan naik dan bahawa perkhidmatan akan terus diberi kepada kawasan-kawasan luar bandar selepas pengswastaan;
- (c) mendedahkan:
 - (i) jumlah aset
 - (ii) jumlah liabiliti dan
 - (iii) jumlah keuntungan Jabatan Talikom untuk tahun kewangan yang lepas;
- (d) menerangkan jumlah amaun hutang yang belum dikutip serta hutang-hutang lapuk yang ditanggung oleh Jabatan yang sama setakat ini.

Datuk Leo Moggie: Saya kurang pasti apakah maksud dari pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini apabila beliau memulakan soalnya dengan menggunakan termenologi 'mendedahkan'.

Perkataan 'dedah' atau 'mendedah' membawa pengertian negatif dalam Bahasa Malaysia yang pada fahaman orang awam bermakna membongkar sesuatu keburukan yang sengaja disembunyikan dari pengetahuan umum.

Kamus menterjemahkan sebagai 'to expose' dan Kamus Dewan menyebut beberapa makna termasuk 'makanan

yang terdedah', 'pahnya terdedah', 'buka kain', 'mendedahkan perkara-perkara yang jelek dan tidak menyenangkan' dan lain-lain:

Jika demikian maksudnya, Kerajaan tidak ada apa-apa yang hendak didedahkan.

PERBICARAAN PEMBUNUHAN JALIL DI HONG KONG

37. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam memastikan sebarang kebenaran dalam implikasi yang dibuat oleh yang dituduh terhadap Menteri-menteri Malaysia dalam perbincangan pembunuhan Jalil di Hong Kong baru-baru ini.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tidak ada sebarang langkah yang diambil secara khusus oleh Kerajaan dalam memastikan sebarang kebenaran dalam implikasi yang dibuat oleh yang dituduh terhadap Menteri-menteri Malaysia dalam perbincangan pembunuhan Jalil di Hong Kong, memandangkan yang dituduh sendiri telah menafikan segala keterangannya yang melibatkan Menteri-menteri Malaysia.

KEKURANGAN ZAT MAKANAN

38. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi membaiki masalah kekurangan zat makanan di kalangan masyarakat seperti yang dilaporkan oleh IMR iaitu:

- (a) Lebih 45% kanak-kanak pra sekolah menghadapi kekurangan zat makanan;
- (b) 45% murid lelaki dan 25% murid perempuan di sekolah

rendah juga menghadapi kekurangan zat makanan;

- (c) bahagian besar penduduk luar bandar menghadapi masalah kurang berat badan.

Apakah Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dalam usaha untuk membaiki pelajaran pemakanan di sekolah-sekolah.

Dato' K. Pathmanaban: Laporan yang disediakan oleh Institut Penyelidikan Perubatan itu adalah berasaskan kepada kajian di enam buah kampung yang mempunyai keadaan sosial ekonomi yang mundur dan kadar kemiskinan yang tinggi. Kampung-kampung ini telah pun dipastikan oleh kerajaan sebagai kampung-kampung di mana rancangan Pembasmian Kemiskinan perlu dimajukan dan dipergiatkan.

Masalah kekurangan zat makanan adalah satu masalah yang rumit dan disebabkan oleh berbagai-bagai sebab yang meliputi beberapa buah Kementerian atau Agensi dan keluarga-keluarga sendiri. Sungguhpun masalah kekurangan zat makanan digambarkan sebagai masalah kesihatan, kebanyakan sebab-sebabnya adalah diluar jurusan kesihatan. Di antara sebab-sebab utama ialah: kekurangan pengetahuan atau perhatian kepada makanan yang seimbang, sikap masyarakat dan faktor sosial kebudayaan dan kepercayaan serta pantang-larang; kurang pendapatan atau kemampuan untuk mendapat makanan berzat, keutamaan perbelanjaan rumah ditujukan kepada benda-benda lain selain daripada makanan dan lain-lain.

Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dalam usaha untuk memperbaiki pelajaran pemakanan di sekolah-sekolah melalui Rancangan

Kesihatan Sekolah dan juga Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan sedang juga menjalankan aktiviti pendidikan pemakanan di klinik-klinik dan di kampung-kampung di mana masyarakat sendiri mengelolakan aktiviti ini.

Untuk mengurangkan berlakunya kekurangan zat makanan, adalah wajar pendidikan pemakanan di kalangan masyarakat, khasnya ahli-ahli keluarga, dipergiatkan dan diamalkan oleh kesemua agensi-agensi yang terlibat. Semua tenaga kesihatan telah dilatih dalam bidang pemakanan dan boleh memberi nasihat dan tunjuk ajar yang perlu.

PEMBANTU HOSPITAL DI SABAH

39. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah Pembantu Hospital yang bertugas di Sabah kini, jumlah yang telah meletak jawatan dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini dan sebab-sebab mereka meletak jawatan, jumlah Pembantu Hospital dari Semenanjung yang telah ditukar ke Sabah dalam tempoh 5 tahun ini dan apakah perbezaan dalam syarat-syarat perkhidmatan mereka berbanding dengan Pembantu-pembantu Hospital dari Sabah.

Dato' K. Pathmanaban: Jumlah jawatan Pembantu Hospital (Pembantu Perubatan) di Negeri Sabah kini ialah sebanyak 245 jawatan. Pengisian jawatan tersebut pada masa ini ialah 225 dan kekosongan 20 jawatan. Jumlah Pembantu Perubatan yang meletak jawatan sejak 5 tahun kebelakangan ialah 31 orang. Sebab-sebab mereka meletak jawatan adalah atas kehendak sendiri dan juga mendapat jawatan-jawatan lain dalam perkhidmatan Kerajaan dan Swasta.

Dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini, tidak terdapat Pembantu Perubatan dari Semenanjung Malaysia yang ditukarkan ke Negeri Sabah. Pada masa ini syarat-syarat perkhidmatan mengikut Skim Perkhidmatan Pembantu Perubatan di Semenanjung dan di Negeri Sabah telah pun diseragamkan dan tidak mempunyai sebarang perbezaan.

PERJANJIAN MALAYSIA— INDONESIA MENGENAI PEKERJA

40. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian Malaysia-Indonesia mengenai bekalan pekerja-pekerja Indonesia ke Malaysia yang dimeteraikan dalam bulan Mei ini, nyatakan kategori dan jumlah pekerja-pekerja yang akan dibekalkan, tempoh kontrak mereka dan sama ada benar pekerja-pekerja ini akan diberi kad pengenalan merah dan kemudian dianugerahkan sijil kewarganegaraan, dan apakah kedudukan seramai 300,000-500,000 pekerja-pekerja Indonesia yang telah memasuki dan sedang bekerja secara haram di Malaysia waktu ini.

Dato' Musa Hitam: Jawapan kepada soalan yang hampir sama maksudnya telah saya berikan pada 16 Julai 1984 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Saya tidak bercadang untuk membuat sebarang tambahan.

JALAN KUALA TRONG— TEMERLOH UNTUK DITAR

41. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa jalan dari Kuala Trong ke Temeloh, Daerah Larut dan Matang

masih belum diturap dengan tar. Jika sedar, bilakah beliau bercadang untuk mengetar jalan tersebut.

Dato' S. Samy Vellu: Jalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya adalah sebuah Jalan Negeri. Pihak Jabatan Kerja Raya Taiping ada rancangan untuk mengetar jalan tersebut, tetapi disebabkan ketiadaan peruntukan, kerja-kerja tersebut tidak dapat dijalankan.

MATAPELAJARAN JAWI DI SEKOLAH

42. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada menjadi dasar Kerajaan untuk menjadikan Jawi sebagai satu matapelajaran wajib bagi semua murid di bawah kurikulum baru KBSR menjelang tahun 1986; dan jika tidak, sama ada Kerajaan akan melayakkannya sebagai satu matapelajaran 'Bahasa Ibunda' untuk dipelajari sebagai satu matapelajaran optional seperti Mandarin dan Tamil agar mengurangkan ketakutan ibubapa terhadap keputusan pentadbiran untuk mewajibkan Jawi bagi semua murid-murid dari segi amalan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ingin saya menyatakan bahawa buat masa ini tidaklah menjadi dasar Kerajaan untuk menjadikan Jawi sebagai satu matapelajaran wajib bagi semua murid, sebaliknya pelajaran Jawi hanya wajib dipelajari oleh murid-murid Islam sahaja. Oleh itu soal ketakutan ibubapa seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul.

FELDA—KERJA KEPADA PEMBORONG

43. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Wilayah Tanah dan Kemajuan menyatakan usaha-usaha

yang telah diambil untuk menentukan sama ada kes-kes seperti Selancar Empat masih wujud di negara ini, dan dalam setahun lebih sejak pembongkarannya. Bilangan kajian tinjauan yang telah dijalankan untuk menentukannya. Apakah perubahan yang telah dibuat dan dicadangkan kepada dasar penganugerahan kontrak kepada kontraktor-kontraktor untuk menjamin kebajikan pekerja-pekerja, dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki penyelarasan dengan Kementerian Buruh untuk mengelakkan eksploitasi sedemikian.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): FELDA telah mengambil langkah-langkah seperti berikut untuk memastikan masalah pekerja-pekerja kepada kontraktor tidak berlaku seperti di Selancar Empat.

- (i) Mengadakan syarat-syarat tambahan kepada pemborong yang ditawarkan kerja di FELDA supaya memberi keutamaan tentang kebersihan tempat tinggal pekerja mereka, bekalan air, kebajikan kepada pekerja dan lain-lain perkara yang bertujuan menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja-pekerja. Ini termaktub dalam surat perjanjian yang dibuat di antara pemborong dengan FELDA.
- (ii) Memberikan senarai nama-nama pemborong yang sedang dan yang akan menjalankan kerja di rancangan-rancangan FELDA kepada Kementerian Buruh dan juga Jabatan-jabatan Buruh di peringkat negeri.
- (iii) Pegawai-pegawai rancangan FELDA serta Pengawal-pengawal Wilayah adalah diberikan arahan supaya sentiasa memberi perhatian

kepada keadaan dan tempat tinggal serta layanan yang diberikan oleh kontraktor kepada pekerja-pekerja mereka, dalam lawatan-lawatan ke rancangan.

MATAPELAJARAN JAWI DALAM SUKATAN KBSR

44. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada benar dalam sukatan KBSR tulisan Jawi telah dijadikan satu topik untuk diajar bersama dengan Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Rendah peringkat tahun ketiga; dan
- (b) sama ada beliau sedar pembelajaran tulisan Jawi tidak diwajibkan dalam Perlembagaan Malaysia.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tidaklah benar bahawa pelajaran Jawi dijadikan topik untuk diajarkan bersama-sama dengan Bahasa Malaysia kepada murid-murid Tahun 3 sekolah-sekolah rendah. Perlembagaan Malaysia tidak menyebut tentang kewajipan mempelajari mana-mana tulisan.

RUMAH AWAM KOS RENDAH PEMBINAAN

45. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan

berapakah unit rumah kos rendah akan dibina di dalam Negeri Kedah bagi tahun 1984 hingga tahun 1986 ini mengikut daerah.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Pembinaan rumah-rumah awam kos rendah yang sedang dilaksanakan sekarang ini adalah didasarkan di atas Rancangan Malaysia Keempat yang akan berakhir pada tahun 1985. Dengan yang demikian, saya akan hanya menumpukan jawapan saya kepada tempoh 1981 hingga 1985 sahaja. Bagi tahun 1986 yakni tahun pertama Rancangan Malaysia Kelima, program-program perumahan adalah masih dalam peringkat perancangan bagi negeri Kedah dijangka akan siap sebelum permulaan Rancangan Malaysia Kelima.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, sebanyak 3,437 unit telah pun dimulakan pembinaannya. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,499 unit telah siap dibina. Baki daripada 3,437 unit ini sebanyak 1,938 dijangka akan siap pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat iaitu tahun 1985.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Kedah telah memutuskan bahawa satu projek iaitu Alor Malai II yang mengandungi 800 unit (pangsa) akan dilaksanakan melalui pengswastaaan.

PECAHAN PROJEK-PROJEK MENGIKUT DAERAH

(30hb Mei, 1984)

NEGERI KEDAH

<i>Nama Projek</i>	<i>Jenis Rumah</i>	<i>Bil Unit</i>	<i>Binaan Bangunan</i>	<i>Daerah</i>
1. Kuala Kedah Baru	Teres	109	84%	Alor Setar
2. Pokok Sena 2	Teres	98	100%	Alor Setar
3. Batu 2½ Jalan Kuala Ketil (Depan Maktab)	Teres	105	80%	Kuala Muda

<i>Nama Projek</i>	<i>Jenis Rumah</i>	<i>Bil Unit</i>	<i>Binaan Bangunan</i>	<i>Daerah</i>
4. Tanjung Dawai 2	Teres	56	62%	Kuala Muda
5. Tikam Batu 1	Teres	85	100%	Kuala Muda
6. Kota Kuala Muda	Teres	106	69%	Kuala Muda
7. Tanah Merah Jitra	Teres	226	93%	Kubang Pasu
8. Padang Serai	Teres	106	100%	Kulim
9. Serdang 2	Teres	84	100%	Bandar Baharu
10. Pekan Selama	Teres	50	100%	Bandar Baharu
11. Batu 5, Sik	Teres	61	100%	Sik
12. Kuala Nerang 3	Teres	95	100%	Sik
13. Mergong 1	Teres	398	97%	Alor Setar
14. Mergong 2	Teres	480	97%	Alor Setar
15. Mergong 3	Teres	408	96%	Alor Setar
16. Mergong 4	Teres	370	100%	Alor Setar
17. Mergong 5	Teres	445	100%	Alor Setar
18. Changlun	Teres	50	83%	Kubang Pasu
19. Kuala Ketil 3	Teres	105	100%	Baling
JUMLAH			3,437	

CEK DALAM BAHASA MALAYSIA

46. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan apakah dasar Kerajaan berhubung dengan penerimaan cek bayaran oleh Jabatan Kerajaan yang ditulis dalam Bahasa Cina.

Dato' Sabbaruddin Chik: Sebagai satu garis panduan, Jabatan-jabatan Kerajaan bolehlah menerima cek-cek yang ditulis dalam apa jua bahasa asalkan tulisan itu dapat difahami oleh kedua-dua pembayar dan penerima cek dan pihak bank pembayar bersedia untuk menjelaskan cek-cek itu. Di dalam hal ini mungkin ada Jabatan Kerajaan yang tidak dapat menerima cek yang ditulis dalam bahasa-bahasa selain daripada Bahasa Malaysia oleh sebab tidak ada pegawai yang boleh memahami bahasa yang digunakan dalam cek tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan sentiasa menggalakan supaya cek-cek

yang dikeluarkan di Malaysia ditulis dalam bahasa rasmi negara ini.

WARGANEGARA ASING— KEMASUKAN SECARA HARAM

47. Dato' Haji Saidin bin Mat Plah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan jumlah orang-orang asing yang bekerja di negara ini telah meningkat kepada lebih kurang 20,000 orang dan kemungkinan angka itu akan terus meningkat dari semasa ke semasa:

- (a) apakah langkah-langkah positif untuk mempertingkatkan mutu kawalan yang lebih berkesan bagi menjamin tidak berlakunya penyeludupan orang-orang yang boleh mengganggu kestabilan negara dan kesejahteraan rakyat di negara ini di masa hadapan; dan
- (b) hingga setakat ini bolehkah beliau menyatakan bahawa tidak ada orang-orang asing

yang diseludupkan ke negara ini dan jika ada berapa ramaiakah jumlah orang-orang yang diseludupkan itu dan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka itu.

Dato' Musa Hitam:

- (a) Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil langkah-langkah yang positif dan sesuai untuk mencegah kemasukan secara haram ke negeri ini oleh mana-mana jua warganegara asing. Matlamat ini dicapai dengan menyekatkan kawalan di pintu-pintu masuk rasmi, rondaan di kawasan-kawasan perairan serta sempadan Malaysia dengan negara-negara jiran. Sungguhpun begitu, pihak Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memastikan bahawa segala tindakan ini menghasilkan kejayaan 100% memandangkan bahawa Malaysia mempunyai kawasan perairan yang luas, serta pantai dan sempadan darat yang panjang. Kementerian Dalam Negeri telah berjaya mengesan, menangkap dan menghantar balik warganegara asing yang masuk secara haram dan keadaan ini tidak akan menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

DOKTOR KEKURANGAN DI HOSPITAL UNIVERSITI

48. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa ramai pakar-pakar asing selain daripada doktor-doktor tempatan kita yang telah meninggalkan Hospital Universiti yang mengakibatkan satu kekurangan yang teruk pakar-pakar perubatan:

- (a) adakah kekurangan "prospek" naik pangkat dan keadaan-keadaan kerja yang buruk yang

menyebabkan doktor-doktor terutama pakar-pakar asing meletakkan jawatan;

- (b) adakah pihak hospital memberi insentif kepada pakar-pakar asing yang berpengalaman yang telah menjalani khidmat kontrak supaya menggalakkan mereka meneruskan perkhidmatan mereka agar dapat menyampaikan pengetahuan dan pengalaman mereka kepada doktor-doktor tempatan kita;
- (c) adakah alatan buruk yang dikendalikan dan keadaan buruk bangunan khususnya sistem penyaman udara ada berkaitan dengan kekurangan yang teruk kakitangan-kakitangan yang baik, terutamanya "surgeon" yang selalunya kecewa dengan bilik-bilik pembedahan yang tanpa penyamanan udara.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) Sebenarnya doktor-doktor terutamanya pakar-pakar asing itu kebanyakannya diambil berkhidmat secara kontrak. Mengikut syarat-syarat kontrak dalam jawatan tidak ada kenaikan pangkat, sebaliknya akan disambung perkhidmatannya apabila doktor-doktor itu suka berkhidmat dan juga perkhidmatannya diperlukan. Dengan itu adalah menjadi perkara biasa bagi mereka ada yang suka berkhidmat dan tidak suka berkhidmat.
- (b) Pihak Universiti Hospital memang memberi insentif kepada pakar-pakar asing yang berkhidmat di Universiti Hospital seperti tawaran gaji yang lebih tinggi serta lain-lain kemudahan seperti perubatan, perumahan, cuti dan lain-lain

lagi yang ditawarkan kepada pegawai-pegawai asing yang berkhidmat di negara ini. Dengan kemudahan-kemudahan tersebut yang merupakan galakkan kepada mereka dan terpulanglah kepada mereka itu pula setelah menerima galakkan-galakkan tersebut untuk menyampaikan pengetahuan dan pengalaman mereka kepada doktor-doktor tempatan kita.

- (c) Masalah tersebut tidak berbangkit kerana kemudahan yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat ada terdapat di Universiti Hospital.

IMIGRAN HARAM INDONESIA/FILIPINA

49. Tuan Ling Sie Meng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sehingga hari ini jumlah Imigran haram yang berada di Malaysia. Apakah langkah-langkah berkesan yang diambil oleh Kerajaan untuk menyekat kemasukan imigran haram Indonesia dan Filipina ke Sarawak dan Sabah.

Dato' Musa Hitam: Dari tahun 1975 hingga Jun 1984, seramai 26,952 orang pendatang haram telah dikesan, ditangkap dan diusir ke negara-negara asal mereka.

Langkah-langkah yang diambil untuk menyekat kemasukan Imigran haram ini ialah mengetatkan kawalan di pintu-pintu masuk, mengadakan rondaan-rondaan perairan dan sempadan darat. Di samping itu, rakyat juga perlu memainkan peranan mereka bagi mencegah kemasukan-kemasukan serta mengesan pendatang haram di negara ini.

(Soalan No. 50 dijawab pada 19.7.84).

KES ROGOL

51. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah kes-kes jenayah rogol yang dilakukan sejak 12 bulan kebelakangan ini di seluruh negara;
- (b) kadar tambahan purata tahunan kes-kes rogol dan jenayah-jenayah bersangkutan dengan rogol sejak 10 tahun kebelakangan ini;
- (c) adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan undang-undang anti-rogol yang mempunyai peruntukan-peruntukan untuk penalti yang lebih berat terhadap pesalah-pesalah, badan-badan kaunselling untuk mangsa-mangsa rogol serta juga pemulihan untuk perogol-perogol yang kerap merogol kerana Akta Perlindungan Wanita dan Kanak-kanak yang wujud sekarang tidak mencukupi untuk menghadapi kes-kes rogol.

Dato Musa Hitam:

- (a) Sejak 12 bulan kebelakangan ini, dari bulan Julai 1983 hingga Jun 1984, jumlah kes rogol di seluruh negara yang dilaporkan ialah sebanyak 473 kes.
- (b) Purata pertambahan tahunan kes rogol yang dilaporkan dalam tempoh 10 tahun yang lalu adalah dalam kadar 10% setahun.
- (c) Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan undang-undang baru memandangkan bahawa undang-undang yang sedia ada adalah mencukupi dan cukup berat. Sesiapa yang disabitkan kesalahan merogol boleh dikenakan hukuman penjara selama 20 tahun dan juga boleh didenda atau sebat.

Perkhidmatan kaunselling bagi mangsa-mangsa rogol boleh diberi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bagi perogol-perogol yang dihukum, perkhidmatan yang serupa adalah diberi dalam masa menjalani hukuman oleh Jabatan Penjara.

(Soalan No. 52 dijawab bersama Soalan No. 2).

TOL DI TAMBAK JOHOR

53. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau ingin mengenakan sistem tol di Tambak Johor walaupun ada tentangan dari orang ramai.

Dato' S. Samy Vellu: Ya.

PERKATAAN "BUMIPUTERA" DAN "BUKAN BUMIPUTERA"

54. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada negeri kita akan mencontohi Negara Indonesia dalam menghapuskan penggunaan perkataan "Bumiputera" dan "Bukan Bumiputera" di kalangan rakyatnya kerana dari pengalaman pahit yang dialami oleh Indonesia, mengkategorikan rakyat kepada "Bumiputera" dan "Bukan Bumiputera" telah menjejaskan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi, dan juga perpaduan rakyat; jika tidak, apakah kesan-kesan baik dan positif yang telah diperolehi setakat ini dengan membahagikan rakyat kita kepada dua kategori ini.

Datuk Dr James P. Ongkili: Kerajaan tidak bercadang untuk mencontohi negara Indonesia dalam menghapuskan perkataan "Bumiputera" dan "Bukan Bumiputera" kerana dari maklumat rasmi yang diterima, tindakan

Kerajaan Indonesia menghapuskan perkataan "Bumiputera" dan "Bukan Bumiputera" bukanlah disebabkan oleh masalah perpaduan rakyat dan kesannya terhadap pertumbuhan ekonomi, tetapi disebabkan oleh faktor-faktor lain yang melibatkan soal-soal sosial, politik dan sebagainya.

Secara umum, penggunaan istilah "Bumiputera" dan istilah "Bukan Bumiputera" di negara ini adalah dikaitkan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru di negara ini yang bertujuan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat telah memberi faedah dan kemajuan kepada semua golongan kaum, baik secara langsung mahupun secara tidak langsung. Adalah didapati pelaksanaan program dan projek-projek terhadap kaum yang mundur seperti kaum bumiputera juga biasanya didapati memberi faedah sampingan kepada kaum-kaum lain.

BANK PERDAGANGAN— KAWALAN

55. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah tambahan yang diambil bagi mengetatkan penyeliaan dan kawalan ke atas semua operasi bank perdagangan berikutan apa yang telah berlaku di BMF.

Dato Sabbaruddin Chik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawasi dengan lebih rapi ke atas operasi-operasi bank dari masa ke semasa bukanlah diambil semata-mata apabila timbulnya sesuatu masalah, tetapi ianya merupakan suatu proses yang berterusan. Walau bagaimanapun beberapa langkah tambahan telah diadakan bagi menentukan

pengawasan yang lebih rapi ke atas urusan bank dengan cawangan-cawangan luar negeri mereka. Mengikut peraturan-peraturan baru ini, semua cawangan-cawangan "bank" Malaysia di luar negeri sekarang dikehendaki menyerahkan penyata bulanan harta dan tanggungan mereka kepada Bank Negara. Semua pinjaman oleh cawangan-cawangan tersebut yang melebihi \$1 juta serta penyata bulanan harta dan tanggungan anak syarikat di luar negeri juga dikehendaki dilaporkan kepada Bank Negara.

Selain daripada ini, untuk menghadkan pendedahan (exposure) sesebuah bank kepada seseorang pelanggan atau kumpulannya, Kementerian ini tidak lama lagi akan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan dalam Akta Bank 1973 yang akan membolehkan Bank Negara menentukan saiz kredit kepada seseorang pelanggan, yang akan dikira sebagai sesuatu peratusan dari kumpulan wang modal bank berkenaan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG ZON EKONOMI EKSKLUSIF, 1984

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta berhubung dengan Zon Ekonomi Eksklusif dan aspek-aspek tertentu mengenai pelantar benua Malaysia dan membuat peruntukan bagi mengawal-selia aktiviti-aktiviti dalamnya dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (HAKMILIK PULAU PINANG DAN MELAKA)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.35 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum negeri Melaka tidak mempunyai kawasan tanah yang dikhaskan penggunaannya untuk orang-orang Melayu atau direzabkan untuk orang-orang Melayu sebagaimana di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian Enakmen Perezaban Melayu tidak pernah terpakai bagi negeri Melaka. Walau bagaimanapun, mengikut Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 ada peruntukan mengenai Tanah Adat Melaka, dengan izin, Malacca Customary Land. Sama juga keadaannya dengan tanah Rezab Melayu di negeri-negeri Semenanjung, Tanah Adat Melaka ini boleh dimiliki hanya oleh orang-orang Melayu sahaja.

Masalah yang dihadapi di negeri Melaka pada masa ini berhubung dengan Tanah Adat Melaka ini ialah kawalan ke atas tanah-tanah tersebut tidak dapat dilakukan dengan berkesan mengikut peruntukan undang-undang yang ada. Peruntukan Seksyen 108 Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 tidak membenarkan Tanah Adat Melaka dipindahmilik (transfer), dipajak (lease), diturunmilik

(transmit) kepada orang-orang bukan Melayu. Dalam pada itu peruntukan undang-undang yang ada sekarang tidak pula menyekat tanah tersebut itu dicagarkan kepada orang bukan Melayu atau memberi perwakilan kuasa (Power of Attorney), mengikat perjanjian dan sebagainya.

Akibat kelemahan peruntukan undang-undang yang sedia ada ini, maka pihak Kerajaan Negeri Melaka telah dapat mengesan tidak kurang 360 hektar Tanah Adat Melaka yang telah digadai kepada orang-orang bukan Melayu dan pada hakikat sebenarnya telah tidak dapat ditebus kembali dan pemegang-pemegang gadaianya seolah-olah telah menjadi pemilik tanah yang berkekalan. Keadaan ini berlaku oleh kerana peruntukan undang-undang yang ada tidak dapat menghalang sekiranya pemilik tanah bercadang untuk melepaskan tanahnya menerusi cara-cara yang dinyatakan tadi iaitu melalui cagaran, perwakilan kuasa, mengikat perjanjian dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu Tanah Adat Melaka juga dari semasa ke semasa telah terlibat dengan berbagai projek Kerajaan yang menyebabkan kawasan tanah itu perlu diambil di bawah Akta Pengambilan Tanah, 1960. Apabila tanah yang berkenaan diambil balik oleh Kerajaan untuk projek-projek tertentu, kawasan tanah yang terlibat dengan sendirinya tidak lagi mempunyai status Tanah Adat Melaka di bawah Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963. Di samping itu sekiranya Kerajaan Negeri Melaka mengambil tindakan undang-undang untuk merampas tanah kerana melanggar syarat atau tidak menjelaskan hasil tanah, maka status tanah yang berkenaan juga terkeluar dari Tanah Adat Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari kemungkinan kawasan Tanah Adat

Melaka ini semakin berkurangan dan penggunaan dengan sewenang-wenangnya oleh orang-orang bukan Melayu sehingga boleh menyulitkan usaha untuk memajukan kawasan tanah itu secara disatukan dalam satu skim yang menyeluruh selaras dengan konsep-konsep pembangunan moden yang bertujuan untuk mendapatkan faedah yang maksima dan berekonomik dengan meningkatkan taraf sosio ekonomi pemilik-pemilikinya, maka Kerajaan Negeri Melaka berpendapat peruntukan yang ada di dalam Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 hendaklah dipinda, khususnya peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan:

- (1) Takrif Melayu dalam Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963;
- (2) Memperluaskan atau memperkemas atau sekatan kepentingan supaya ianya lebih jelas, tepat dan tidak dimanupulasikan;
- (3) Mengekalkan taraf Tanah Adat di Melaka yang telah dirampas oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (4) Memberi kuasa kepada pemilik-pemilik Melayu yang lainnya supaya boleh memohon menjadikan tanahnya sebagai Tanah Adat Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam urusan untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 ini, perlulah juga dijelaskan di dalam Dewan yang mulia ini tujuan untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 bukanlah bermakna untuk menyekat Tanah Adat Melaka dari dimajukan mengikut konsep-konsep pembangunan moden.

Sebaliknya pindaan yang dicadangkan ini juga telah mengadakan peruntukan untuk membolehkan pemilik-pemilik tanah mencagarkan tanah tersebut kepada badan-badan kewangan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sekiranya pemilik-pemiliknya bertujuan untuk mendapat pinjaman modal untuk memajukan tanahnya. Oleh yang demikian tidaklah timbul persoalan mengenai tanah adat Melaka akan tertinggal dari dibangunkan sebagaimana tanah-tanah lain.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menghuraikan pindaan-pindaan Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 yang dicadangkan seperti berikut:

- (1) Takrif Melayu (Malay) akan diberi penjelasan yang lebih tetap (restrictive);
- (2) Takrif Pihak Berkuasa Negeri (State Authority) akan diterangkan dengan lebih detail dan jelas. State Authority akan bermakna, dengan izin, "The Yang di-Pertua Negeri of the State who shall act in accordance with the advice of the State Executive Council or a member thereof acting under the general authority of the Council."
- (3) Pindaan untuk menggantikan perkataan "Governor" dengan perkataan "State Authority" dalam Bab ke 8 Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 selaras dengan pentafsiran pihak berkuasa Negeri.
- (4) Pindaan untuk meluaskan sekatan kepentingan supaya termasuk penggadaian, perwujudan lien, pendaftaran caveat, perwujudan amanah

dan perletakkan hak menurut pemberian probet dan surat mentadbir kuasa pusaka.

Walaupun bagaimanapun Pihak Berkuasa Negeri diberi kuasa mengecualikan mana-mana orang atau badan daripada sekatan tersebut sekiranya orang atau badan itu diwartakan di bawah Jadual Keenam.

- (5) Pindaan untuk mengekalkan taraf Tanah Adat Melaka yang telah dirampas oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya tidak hilang status Tanah Adat Melakanya. Dengan yang demikian Tanah-tanah Adat Melaka yang telah dirampas boleh diberi milik kepada orang atau badan lain melalui peng wartaan di bawah Jadual Ketujuh.
- (6) Pindaan untuk memberi kuasa kepada tuan tanah memohon supaya tanahnya dijadikan sebagai Tanah Adat Melaka.

Dengan adanya peruntukan ini jumlah tanah adat Melaka boleh bertambah pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, merojok kembali kepada cadangan pindaan-pindaan yang telah saya huraikan di atas maka dapatlah dikatakan pada keseluruhannya Rang Undang-undang yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini memperakukan pindaan-pindaan untuk memperkemaskan dan memperlengkapkan peruntukan-peruntukan yang ada dalam Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) supaya ianya lebih memudahkan lagi pentadbir-pentadbir tanah dan pemilik-pemilik tanah menguruskan Tanah-tanah Adat Melaka selaras dengan kehendak-kehendak pembangunan dan Dasar Ekonomi Baru.

Adalah diharapkan dengan pindaan-pindaan ini pengawalan dan pengurusan Tanah Adat Melaka akan

dapat diperkemaskan dan dimajukan secara menyeluruh mengikut konsep-konsep pembangunan moden dan taraf sosio ekonomi pemilik-pemilik tanah dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ungkapan ini, saya dengan hormatnya memohon mencadangkan.

Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Akta Kanun Tanah Negara Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka 1963, dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.45 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya sangat suka hati melihat bahawa ada satu pindaan di bawah Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) di mana di bawah Seksyen 94 takrif Melayu adalah mendapat satu takrif yang baru di mana "Malay" diberi takrif means "a Malay who was born in the State of Malacca or one whose parents or grandparents were born in the State."

Saya ingat lagi bahawa di tahun lalu dalam satu perbahasan pindaan kepada Akta Kanun Tanah Negara, saya ada membangkitkan soal di mana orang-orang Melayu di Melaka rasa khuatir oleh kerana di bawah Akta-akta, undang-undang masa itu Tanah-tanah Adat Melaka untuk menjaga kepentingan orang Melayu di Melaka boleh dibeli oleh orang-orang Melayu luar daripada Melaka dan bukan berasal daripada Melaka dan saya pun ada menyebut contoh. Sekarang ini ada satu pindaan di mana pandangan atau cadangan saya bahawa perlulah ada pindaan untuk menjaga hak-hak orang Melayu di Melaka mengenai hal-hal tanah supaya tidak timbul satu perkembangan di mana mereka orang

Melayu di Melaka akan hilang hak-hak tanah kepada orang-orang Melayu di luar daripada Melaka.

Perkara yang kedua yang saya mahu majukan ialah mengenai Seksyen 94 di mana akan mengadakan tafsiran baru untuk State Authority yang berikut:

"State Authority" means the Yang di-Pertua Negeri of the State who shall act in accordance with the advice of the State Executive Council or a member thereof acting under the general authority of the Council.

Ini bererti bahawa State Authority ini akan mengadakan kuasa di bawah Akta Kanun Tanah Negara untuk menjalankan semua kuasa-kuasa di bawah Undang-undang Tanah. Satu kuasa yang begitu besar yang boleh mempengaruhi kehidupan semua lapisan rakyat dan mungkin perlu Dewan yang mulia ini mengadakan satu kajian sama ada State Authority perlu diberi satu takrif yang begitu luas, "Yang di-Pertua Negeri of the State who shall act in accordance with the advice of the State Executive Council", cukup, atau boleh terus lagi, "or a member thereof acting under the general authority of the Council".

Mungkinlah Menteri Besar atau Ketua Menteri kedua-dua negeri diberi kuasa menjalankan semua kuasa-kuasa tanggungjawab di bawah Akta Kanun Tanah Negara. Saya menimbulkan perkara ini oleh kerana sudah berlaku beberapa insiden-insiden baik di Melaka atau di Pulau Pinang di mana kuasa mengenai tanah ada diambil tidak selaras dengan hasrat dan kepentingan orang ramai dan saya tidak tahu sama ada keputusan itu dibuat oleh seorang yang diberi kuasa oleh Exco atau oleh Exco sepenuhnya.

Satu contoh yang baik di hadapan kita ialah mengenai keputusan Kerajaan Negeri yang mahu meratakan atas sebab mahu memaju

dan membangunkan Bukit China, satu kawasan 104 ekar dengan mempunyai sejarah 500 tahun, satu simbol bukan sahaja mengenai menandakan kerjasama dan persaudaraan orang Melayu dan orang Cina yang selama 500 tahun tetapi juga menandakan kebebasan beragama dan akar umbi kebudayaan orang Cina di Melaka dan di Malaysia.

Ia bukan satu kubur yang biasa, tetapi satu kubur yang menandakan sumbangan orang-orang China kepada Malaysia. Kalau ada orang yang kata bahawa orang-orang China tidak taat setia, tidak memberi apa-apa sumbangan terhadap pembangunan Malaysia, pergilah ke Bukit China. Tengoklah Bukit China, 12,500 kubur-kubur ada di sana yang menunjukkan mereka pun ada buat sumbangan terhadap pembangunan Malaysia.

Dan sekarang satu usaha oleh pihak Kerajaan Negeri yang mahu meratakan dan memajukan Bukit China untuk mengadakan satu pusat perumahan dan perniagaan. Dan memanglah satu tempat yang begitu pusat (central) di bandar bukan perumahan kos rendah, mungkin condominium dan pusat-pusat membeli belah (commercial complex) untuk orang-orang kaya-raya dalam Barisan Nasional.

Tetapi adakah benar bahawa atas sebab demi kepentingan pembangunan Bukit China perlu dikorbankan. Adakah benar bahawa demi kepentingan pembangunan bahawa Bukit China sebagai warisan nasional (national heritage) bukan sahaja untuk kaum China tetapi untuk semua rakyat Malaysia, semua keturunan perlu diratakan dan dikorbankan. Tidak benar! Yang Berhormat Menteri pun sedar sebagai bekas Ketua Menteri Melaka tentulah tahu sungguhpun Melaka satu negeri yang kecil tetapi ada cukup lagi tanah untuk menjadi pusat pembangunan.

Air Keroh pada suatu masa, mahu dijadikan satellite town tetapi sampai sekarang tidak ada apa-apa perkembangan.

Laut, Exco sudah buat satu keputusan untuk reclaim 1,400 ekar. Dan saya tahu U.E.P. (United Estates Project) satu syarikat ada dapat hak untuk reclaim 80 ekar.

Dan ada ura-ura untuk meratakan Bukit China, adalah perlu supaya ada bumi untuk dapat reclaime land, saya rasa itu tidak benar. Itu adalah satu perkara yang besar, satu perkara yang sensitif pun oleh kerana ini tidak sahaja melibatkan tanah tetapi perkuburan, perkara ugama, perkara kebudayaan dan tempat peranan kaum Malaysia ini dalam pembangunan negara.

Saya timbulkan perkara ini di sini oleh kerana dalam perkara Bukit China tidak jelas sama ada keputusan itu keputusan Ketua Menteri atau Exco. Dan kalau ini boleh berlaku apabila seorang Ketua Menteri menjadi Ketua Menteri, mesyuarat pertama membuat satu keputusan, ketetapan untuk memberi kuasa sepenuhnya selama lima tahun untuk ambil apa-apa kuasa menjalankan apa-apa tanggungjawab mengenai tanah. Saya rasa boleh berlaku salah-guna kuasa semacam pun dalam Bukit China di mana untuk memaksa Chen Boon Ting, badan amanah (trustees) yang menjaga Bukit China untuk 400 tahun satu authority yang diperbadankan oleh Chen Boon Ting Temple (Incorporation) Ordinance 1949 Pihak Berkuasa negeri ada keluar satu notis mahu \$2 juta daripada Bukit China.

Sekarang dalam negara kita bukan sahaja orang yang hidup perlu bayar cukai, orang mati Kerajaan pun mahu kutip cukai. \$2 juta untuk 16 tahun daripada tahun 1968, sungguhpun di tahun 1968 selepas Akta Kanun Tanah Negara diluluskan pihak Chen Boon

Ting ada tulis surat kepada pihak Kerajaan Negeri untuk menanya sama ada mereka perlu membayar quit rent dan mereka mendapat satu jawapan yang rasmi daripada pihak Kerajaan Negeri, "Tidak payah kalau digunakan untuk tanah kubur." Sekarang, 16 tahun kemudiannya untuk mencapai tujuan mahu meratakan, memajukan Bukit China quit rent untuk 16 tahun dituntut dan juga denda oleh kerana bayaran yang lewat. Sungguhpun saya tidak salah untuk lain-lain tanah kubur tidak keluar tuntutan quit rent itu, kenapa khas (specific) untuk Bukit China? Ini salahguna kuasa. Sungguhpun perkara ini sebenarnya dalam kuasa Kerajaan Negeri tetapi oleh kerana kita mahu meluluskan undang-undang untuk memberi kuasa kepada mereka, kita perlu kaji lebih mendalam supaya perkara semacam ini, salahguna kuasa dan tidak menghiraukan sensitiviti-sensitiviti kaum-kaum dalam satu masyarakat berbilang bangsa boleh direstrained oleh kerana perkara tanah bukan sahaja boleh sabit perkara-perkara tanah, perkara ugama, perkara kebudayaan, perkara sejarah pun boleh merosakkan usaha perpaduan negara.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada sebut mengenai masalah racial polarisasi yang makin serius sehingga budak-budak pun ada fikiran perkauman. Dan tentulah kalau pihak yang berkuasa sewenang-wenangnya tidak hiraukan sensitiviti-sensitiviti, semua lapisan rakyat, semua kaum semacam Bukit China mahu terus memaju dan meratakan Bukit China masalah racial polarisation akan lebih serius.

Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri yang patut tahu dan faham mengenai masalah ini, satu masalah yang besar dan saya harap sebelum masalah ini menjadi lebih besar, masalah yang akan merosakkan polarisasi kaum, negara dan akan

merosakkan perpaduan negara bahawa Yang Berhormat Menteri sebagai Menteri Kemajuan Tanah dan sebagai Wakil Rakyat Melaka tentulah cintakan negeri Melaka, rakyat Melaka dan boleh menasihatkan Kerajaan Negeri Melaka janganlah teruskan dengan usaha untuk tidak hiraukan aspirasi rakyat yang ada tanah kubur beramanah dalam Bukit China dan hormat tempat itu, tempat yang bersejarah yang sudah hampir 500 tahun digunakan untuk tujuan itu. Dengan itu, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.59 ptg.

Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka dan ingin memberi penjelasan terhadap takrif "Melayu" atau "Malay" dalam pindaan ini seperti yang saya sebutkan tadi ialah untuk mengkhususkan lagi takrif itu lebih restrictive, dengan izin, dan ini memanglah biasa berlaku, di mana takrif Melayu dalam Undang-undang Tanah Negeri-negeri tentu diketatkan dari segi pentadbiran sekurang-kurangnya seperti di Kelantan dan juga di Johor dan sebagainya.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh
mempengerusikan Mesyuarat)

Dan bagi keperluan pentadbiran tanah Negeri Melaka maka wajarlah takrif "Malay", dengan izin, diterangkan dan dijelaskan dengan lebih rapi dan lebih nyata untuk memudahkan tindakan Kerajaan Negeri, tujuan pindaan ini ialah untuk adat Melaka ini supaya dapat diselaraskan dengan semangat Dasar Ekonomi Baru yang mana kita hendak meningkatkan taraf kehidupan orang-orang Melayu yang kebetulan bertunjangkan kepada tanah.

Dari segi the State Authority ataupun kuasa Pihak Berkuasa Negeri, tujuan pindaan ini ialah untuk memberi ataupun menekankan kembali takrif Pihak Berkuasa Negeri seperti terdapat dalam Schedule ke 8 Perlembagaan Negara di mana Yang di-Pertua Negeri bertindak ataupun menjalankan kuasanya atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan tidak ada lain daripada itu hanyalah untuk redefine dan juga reinstate atau retreat dengan izin, maksud Pihak Berkuasa Negeri itu. Dan saya yakin bahawa kuasa tanah yang terletak dalam Kerajaan Negeri tentulah terpulang kepada Kerajaan Negeri untuk mengendalikannya dan cara mana itu adalah budibicara Kerajaan Negeri dan dari segi Kementerian Kemajuan Tanah kerana kehendak Perlembagaan Negara dan juga kehendak Kanun Tanah Negara, maka Kementerian menyesuaikan untuk keperluan yang dimaksudkan dalam pindaan ini.

Dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang memberikan pandangan terhadap Rang Undang-undang ini dan mudah-mudahan dapat sokongan Dewan ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

LAPORAN JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN (Bil. DR. 2 Tahun 1984)

4.06 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang telah dibentangkan sebagai Kertas Bil. DR. 2 Tahun 1984 hendaklah diterima dan hukuman terhadap Yang Berhormat Ahli dari Sandakan seperti yang dicadangkan dalam perenggan 14 Laporan tersebut hendaklah dipersetujui dan dijalankan pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Laporan ini, Dewan Rakyat telah meluluskan satu Usul pada 23-11-1983 mengarahkan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan supaya menjalankan satu penyiasatan dan menentukan siapakah di antara kedua Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas yang telah membuat kenyataan palsu di Dewan yang mulia ini pada 31-10-1983 dan 22-11-1983 masing-masingnya, dan seterusnya membuat laporan serta mencadangkan hukuman yang patut dijatuhkan ke atas yang bersalah.

Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat awalan pada 20hb Februari, 1984 dan ini diikuti pula oleh penyiasatan pada 5hb Mac dan 2hb Mei, 1984 dan selepas itu Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat yang terakhir pada 6-7-1984 untuk menimbang dan meluluskan laporan yang dikemukakan kepada Dewan ini mengikut Peraturan Mesyuarat 80 (1).

Mengikut keterangan-keterangan dan dokumen-dokumen yang dikemukakan kepada Jawatankuasa, sepanjang penyiasatannya Jawatankuasa berpendapat dan mengambil kesimpulan bahawa Yang Berhormat dari Sandakan telah membuat kenyataan palsu di Dewan Rakyat pada 31-10-1983 dengan berkata: "Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa pemilik tanah yang terbesar di Labuan adalah Ketua Menteri Sabah sendiri Datuk Harris bin Mohd. Salleh yang memiliki kira-kira 70% daripada tanah di Labuan."

Sebenarnya, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas sendiri mempunyai hanya lebih kurang 1.54% sahaja dari tanah di Labuan dan bukan 70%. Pendapat Jawatankuasa mengenai hal ini dihuraikan dalam perenggan 10 dan 11 laporan tersebut.

Jawatankuasa berpendapat bahawa oleh kerana terbukti kesalahan Yang Berhormat dari Sandakan membuat kenyataan palsu di Dewan Rakyat ini, mencadangkan dalam perenggan 14 laporannya supaya Yang Berhormat itu dihukum dengan diberi gusaran (reprimand), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.10 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, pada 31hb Oktober, 1983 apabila membahaskan Anggaran Belanjawan 1984, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan yang melahirkan rasa pandang beratnya terhadap kemungkinan berlakunya "conflict of interest" atau percanggahan kepentingan akibat cadangan untuk menubuhkan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan telah membuat kenyataan yang berikut:

"Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa pemilik tanah yang terbesar di Labuan adalah Ketua Menteri Sabah sendiri, Datuk Harris Salleh, yang memiliki kira-kira 70% daripada tanah di Labuan."

Pada 22hb November, Datuk Harris Salleh telah menafikan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Sandakan dalam Parlimen dan telah berkata:

Dengan tegasnya saya menafikan bahawa 70% daripada tanah di Pulau Labuan kepunyaan saya. Jumlah kawasan Pulau Labuan ialah sebanyak 8,752 hektar dan saya hanya mempunyai sejumlah 147.88 hektar atau tidak lebih dari 2%."

Pada 23hb November, Dewan Rakyat telah menerima satu usul untuk merujuk kedua-dua Ahli, Ahli dari Sandakan dan Ahli dari Ulu Padas kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk menentukan siapakah di antara kedua Ahli Yang Berhormat itu yang telah membuat kenyataan palsu di dalam Dewan ini. Hari ini kita terpaksa membahas serta memutuskan sama ada hendak menerima atau tidak keputusan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan

yang mendapati bahawa Yang Berhormat dari Sandakan telah membuat kenyataan yang palsu serta perakuan supaya beliau diberi satu "gusaran".

Apabila saya membaca penyiasatan serta perjalanan verbatim Jawatankuasa tersebut, saya mendapati bahawa Jawatankuasa tersebut telah melencung daripada syarat-syarat rujukannya yang mana syarat rujukan ialah untuk menentukan siapakah di antara kedua Ahli Yang Berhormat itu yang telah membuat kenyataan palsu. Syarat-syarat rujukan yang diterima oleh Dewan Rakyat telah menetapkan dengan jelas-jelasnya bahawa ini bukanlah merupakan satu kes di mana seorang Ahli Parlimen yang buat tuduhan telah membuat tuduhan terhadap seorang Ahli Parlimen lain di mana Ahli Parlimen yang buat tuduhan itu dikehendaki membuktikan dakwaannya. Ini adalah satu kes di mana kedua-dua Ahli Parlimen telah buat dakwaan-dakwaan yang bercanggah dengan Yang Berhormat dari Sandakan mengatakan bahawa Yang Berhormat dari Ulu Padas memiliki kira-kira 70% tanah di Labuan, sementara Ketua Menteri Sabah pula mendakwa beliau tidak memiliki lebih daripada 2% tanah di Pulau Labuan dan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dikehendaki menentukan siapa yang telah membuat kenyataan palsu. Sekiranya Yang Berhormat dari Sandakan tidak boleh membuktikan dakwaan kira-kira 70%nya itu maka beliau telah membuat kenyataan palsu dan sekiranya Ketua Menteri Sabah tidak boleh membuktikan yang beliau tidak memiliki lebih daripada 2% tanah di Labuan, maka beliau turut juga telah membuat kenyataan yang palsu.

Sekira-kiranya kedua-dua mereka itu tidak dapat pada waktu yang sama membuktikan dakwaan mereka, maka kedua-dua mereka telah membuat kenyataan-kenyataan yang palsu dan

kedua-dua mereka itu harus diberi satu "reprimand". Maka Jawatankuasa Hak dan Kebebasan adalah salah kerana memberi jodol yang berikut kepada kes tersebut, iaitu Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing yang mendakwa dan Yang Berhormat Datuk Harris bin Mohd. Salleh yang menjawab. Akibat daripada salah pengertian syarat-syarat rujukan, usul Dewan Rakyat untuk merujukkan Fung Ket Wing dan Harris Salleh kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, Jawatankuasa tersebut telah menghendaki Ahli dari Sandakan untuk membuktikan dakwaan 7%nya itu walhal keperluan yang sama bagi Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah untuk membuktikan dakwaan tidak lebih 2%nya tidak dituntut.

Apabila laporan verbatim Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dibaca, ia menunjukkan bahawa walaupun Yang Berhormat dari Sandakan tidak berjaya membuktikan dakwaan 70%nya, beliau telah membuktikan tanpa sebarang keraguan bahawa Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah juga telah membuat satu kenyataan yang palsu di dalam Dewan Rakyat di mana beliau mendakwa bahawa beliau tidak memiliki lebih daripada 2% di Pulau Labuan. Yang Berhormat Ketua Menteri patut juga diberi satu gusaran kerana membuat satu kenyataan yang palsu di Parlimen, khususnya sikapnya yang jauh sekali daripada jujur serta ikhlas dalam menyatakan keseluruhannya harta tanahnya di Labuan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Saya akan membuktikan kenyataan saya di sepanjang perbahasan ini.

Semasa inquiry Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, Yang Berhormat dari Sandakan telah mengemukakan dua senarai harta-harta yang dimiliki oleh Yang Berhormat Ketua Menteri di Labuan. Lampiran A atau Exhibit A

menyenaraikan tanah yang dimiliki oleh Yang Berhormat Ketua Menteri secara individu dan Lampiran B atau Exhibit "B" menyenaraikan tanah yang dimiliki oleh syarikat-syarikat di mana Yang Berhormat Ketua Menteri mempunyai saham-saham. Jawatankuasa Hak dan Kebebasan telah melaporkan bahawa jika pemilikan saham-saham oleh Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah di dalam syarikat-syarikat yang juga memiliki tanah di Labuan diambil kira, iaitu Exhibit "A" dan Exhibit "B", jumlah tanah yang terlibat adalah 409 hektar atau 4.5% daripada jumlah tanah di pulau tersebut. Ini adalah dua kali lebih ganda daripada kenyataan Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah di Dewan Rakyat yang menyatakan bahawa beliau memiliki kurang daripada 2% tanah di Labuan. Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dengan 5 undi berbalas 1, dengan Yang Berhormat dari Jelutong membangkang, telah memutuskan untuk menolak Exhibit B sebagai tidak relevant kepada syarat-syarat inquiry.

Kita akan bincangkan sama ada penolakan Exhibit B dalam pengiraan sejumlah milikan tanah Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah di Labuan adalah betul atau tidak. Berdasarkan hanya kepada Lampiran A atau Exhibit A yang berjumlah 140.388 hektar, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan telah melaporkan bahawa disebabkan jumlah luas tanah Labuan ialah seluas 9,068 hektar, ini merupakan 0.154%. Saya baru tengok satu pembetulan dibuat di atas meja mengakui bahawa ini satu silap, sebenarnya itu satu kesilapan oleh kerana 140.388 hektar tidaklah merupakan 0.154% daripada 9,068 hektar tetapi 1.54%.

Saya bersetuju sepenuhnya dengan hujah-hujah peguam bagi Ahli Parlimen untuk Sandakan Encik K. C. Cheah kepada Jawatankuasa Hak dan

Kebebasan bahawa tanggungjawab khusus Jawatankuasa adalah untuk menentukan kebenaran kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh kedua-dua Ahli Parlimen Sandakan dan Ahli Parlimen Ulu Padas bahawa kedua-dua mereka itu patut dikehendak membuktikan dakwaan-dakwaan yang mereka telah membuat di Parlimen.

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan telah diminta membuktikan kenyataannya bahawa Ketua Menteri Sabah memiliki kira-kira 20% di Labuan tetapi mengapakah Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah tidak diminta oleh Jawatankuasa untuk membuktikan kenyataan beliau bahawa beliau tidak memiliki lebih daripada 2% tanah di Labuan. Saya juga mendapati bahawa apabila membaca verbatim proceedings Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bahawa kelakuan Yang Berhormat Ketua Menteri begitu, dengan izin, shifty dan evasive dan jauh daripada jujur dan ikhlas dalam mendedahkan seluruh tanah yang dimiliki olehnya di Labuan. Beliau telah mengambil sikap yang beliau hanya akan mengakui apa yang sudah pun didedahkan tetapi tidak rela menawarkan maklumat atau data mengenai tanah-tanah lain yang dimilikinya di Labuan. Yang Berhormat dari Sandakan tidak berjaya mengesannya dan dengan berbuat demikian beliau telah tidak mengindahkan hakikat bahawa beliau juga dikehendaki membuktikan bahawa beliau tidak memiliki lebih daripada 2% tanah di Labuan. Bak kata pepatah Inggeris bahawa, dengan izin: "He who asks for equity must come with clean hands." "Siapa yang menuntut keadilan daripada ekuiti daripada mahkamah mestilah datang dengan tangan yang bersih".

Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah juga perlu ditanya bahawa dalam menuntut keadilan dari Parlimen adakah beliau benar-benar dengan tangan yang bersih.

Mengapakah beliau sendiri tidak rela membuktikan bahawa beliau tidak memiliki lebih daripada 2% tanah di Labuan dengan mengemukakan di bawah sumpah (on oath) satu senarai lengkap mengenai tanah-tanah dimilikinya.

Pada mulanya Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah nampaknya rela menawarkan maklumat mengenai milikan tanah di Labuan berhubung dengan diri sendiri, keluarganya dan syarikat-syarikat di mana ia memegang saham dan saya memetik dalam minit verbatim pertama Jawatankuasa Hak dan Kebebasan pada 5hb Mac 1984, muka 13. Inilah apa Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah kata:

... "Saya ada semua." Saya ada semua ialah dokumen-dokumen mengenai tanah. "Saya ada semua, jelas di sini yang ditandatangani oleh Pendaftar-pendaftar Tanah Negeri Sabah—semua ada. Jadi daripada membuang masa, dokumen-dokumen dari sana" Itulah pihak Peguam untuk Ahli Parlimen dari Sandakan, " daripada membuang masa, dokumen-dokumen dari sana ini semua ada salinan geran, map negeri Sabah dipunyai oleh saya dan saya volunteer juga kerana tuduhan itu kepada saya sendiri. Saya volunteer bawa dokumen kompeni-kompeni, family saya yang ada di Labuan, volunteer masukkan di sini. Sebenarnya, saya tidak payah kerana the burden of proof bukan saya punya hal, tetapi hal penduduk dan" Ada interruption di sana. Tetapi tak sampai 5 minit dia tarik balik. Kerelaannya untuk volunteer maklumat-maklumat supaya Jawatankuasa Hak dan Kebebasan boleh dapat satu keputusan yang adil dan inilah boleh dapat dalam muka 14 atas.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat Datuk, oleh itu saya

tarik balik" Main-main. Dia main-main. Kita mahu proof kebenaran. Mana boleh mahu volunteer, mahu tarik balik, budak-budak. "Yang Berhormat Datuk, oleh itu saya tarik balik yang saya sukarela memberi dokumen tadi. Saya tarik balik, jadi sekarang the burden of proof itu"

Tuan Pengerusi: Ya, yang ini telah pun

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Jadi saya tidak payah bawa saksi apa semua di mesyuarat akan datang kerana bukan saya yang menunjukkan bukti-buktinya, ini terpulanglah kepada pihak sebelah apabila mereka mengemukakan dokumen itu untuk membawa saksi-saksi datang ke sini—saya tidak payah bawa saksi-saksi, saya tidak payah serahkan dokumen ini."

Tuan Yang di-Pertua, gambaran pertama yang didapati oleh sesiapa yang membaca verbatim proceedings ini adalah bahawa Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah merupakan sebuah specimen yang paling buruk, a poor specimen indeed, dengan izin, akan Kepimpinan Melalui Teladan yang disuarakan dengan begitu lantang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menjamin wujudnya sebuah Kerajaan yang bersih dan amanah.

Memandangkan bahawa Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah telah menegaskan bahawa beliau tidak memiliki lebih daripada 2% tanah di Labuan, mengapakah beliau tidak rela mengemukakan rekod-rekod milikan tanahnya di Labuan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Mengapa beliau berpura-pura ingin mengemukakan segala dokumen-dokumen mengenai milikan tanah, bukan sahaja dirinya sendiri malah

keluarganya, syarikat-syarikat lain-lain di mana beliau mempunyai saham-saham tetapi menarik balik tawarannya itu. Adakah ini hanya merupakan . . .

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: (*Bangun*).

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (Silam): Minta jalan, Yang Berhormat.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih. Saya ingin menjelaskan tuduhan-tuduhan Yang Berhormat dari Kota Melaka sebentar tadi berkenaan dakwaan beliau bahawa siasatan Jawatankuasa ini tidak lengkap, akan tetapi Yang Amat Berhormat Datuk Harris bin Mohd. Salleh, Ketua Menteri Sabah telah pun dengan lengkap ataupun Jawatankuasa ini dengan lengkap telah mengambil fakta-fakta atau bukti-bukti yang diperlukan daripada Pendaftar Tanah Kota Kinabalu seperti kita lihat di dalam Laporan Jawatankuasa yang ada di Dewan ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Apa buku itu. Tunjuk muka mana, kalau mahu. Kalau tak tahu, jangan pura-pura tahu. Mahu tunjuk?

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Silam hendak bercakap?

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tak ada.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tak ada, sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tak tahu apa dia cakap, saya duduk. Bagi dia chance, dia pun tak boleh buka mulut lagi. Tahulah mahu dapat pangkat dalam Sabah. (*Tepuk*).

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Peraturan Mesyuarat, menurut Peraturan Mesyuarat 36 (1) iaitu seorang Ahli yang berucap di Dewan ini tidak bolehlah merujuk ataupun dengan tujuan mencemarkan nama seorang Ahli. Adakah saya ingin mahu naik pangkat dengan memberi keterangan-keterangan yang betul di Dewan ini?

Tuan Lim Kit Siang: Itu terpulang kepada Ahli Yang Berhormat sendiri. Tuan Yang di-Pertua, mana

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya mahu mencari tempat itu sebelum saya diganggu dan dikacau (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, adakah ini hanya merupakan suatu drama

Datuk Dr James P. Ongkili: Minta jalan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Minta jalan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tadi Ahli Yang Berhormat dari Silam baharu juga membawa perhatian kepada Peraturan Tetap 36 (1) yang mana kita tidak boleh impute, dengan izin, bad motive terhadap sesiapa Ahli di sini. Oleh kerana Ahli dari Kota Melaka memang tidak boleh buktikan yang Ahli dari Silam mahu minta pangkat, saya minta Ahli dari Kota Melaka tarik balik kata-katanya.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat akan menjamin bahawa masa hadapan tidak akan menerima apa-apa tawaran untuk naik pangkat? Adakah akan buku rekod Yang Berhormat dari Silam akan tercemar kalau memberi jaminan, tidak akan menerima apa-apa tawaran untuk naik pangkat? (*Tepuk*).

Kalau beliau buat satu jaminan, saya rela tarik balik, tetapi kalau selepas ini

dia naik pangkat, dia pun mesti janji datang ke Parlimen untuk meminta maaf untuk dihukum kerana cakap bohong.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat 36(6), saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini menuduh saya dengan niat jahat supaya saya di masa hadapan tidak dinaikkan pangkat. Barangkali kalau Yang Berhormat ini di dalam Barisan Nasional dan kalau Yang Berhormat juga mahu dinaikkan pangkat, mahu menjadi Menteri, mahu jadi Timbalan Menteri, saya fikir saya pun begitu juga, Yang Berhormat saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini menarik balik ucapannya tadi itu bahawa saya ingin naik pangkat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dia baharu buat itu imputation kepada saya, dia baharu buat imputation

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka minta duduk dahulu (*Disampuk*).

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Menurut Peraturan Mesyuarat 36(6) seseorang tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli yang lain. Dalam ucapan Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi, menuduh bahawa Ahli dari Silam tadi bercakap kerana hendak memuji pihak Ketua Menteri Sabah dan bercadang untuk mendapat tempat di dalamnya. Jadi, saya membuat ruling supaya Yang Berhormat dari Kota Melaka menarik balik perkataan itu (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Saya ingin bertanya sama ada ucapannya ialah untuk mahu naik pangkat, kalau bukan untuk tujuan itu, saya tarik balik kalau bukan tujuan itu (*Disampuk*). Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap dalam Dewan ini ada seorang Tuan

Yang di-Pertua sahaja, bukan ada tiga, empat orang sama mahu jadi Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Diam-diam.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya sudah membuat arahan tadi supaya Ahli Yang Berhormat menarik balik tuduhan terhadap Ahli Yang Berhormat dari Silam, Peraturan Mesyuarat 36(6). Sila!

Tuan Lim Kit Siang: Saya sudah cakap kalau itu bukan tujuannya, saya tarik balik. Kalau itu tujuannya (*Disampuk*).

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, apa bunyi tadi itu, adakah itu menurut point of order, 'Oooo, Oooo'. Itu bunyi binatang. Saya sangka dalam Dewan ini semua orang adalah manusia. Adakah binatang sudah lari sekarang. Boleh cari, saya hendak tengok, mana binatang itu (*Ketawa*). Anjingkah berbunyi?

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Diminta duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Oh! saya mahu tanya kalau sudah berdiri ada anjing, sama ada anjing sudah berdiri.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya berdiri atas point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Ha! baik, point of order, itu teguran Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya minta ruling daripada Yang Berhormat Tuan Speaker, sama ada perkataan binatang atau anjing boleh diterima oleh Dewan ini dan kalau tidak minta

Tuan Lim Kit Siang: Siapa cakap anjing, binatang selalu ada bunyi, tentulah kalaupun semacam serupa

binatang tentulah kita mahu tengok keluar, kalau dikeluarkan oleh manusia, itu tentang Standing Order. Mahu betulkan itu dahulu. Kalau bukan oleh manusia, mungkin anjing atau binatang sudah masuk.

Dato' K. Pathmanaban: Bangun.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 37 yang mengatakan bahawa jika ada seseorang Ahli membangkitkan Peraturan Mesyuarat 36 atau Point of Order yang lain, Ahli yang berkenaan mesti duduk sampai keputusan Speaker. Kelakuan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka adalah liar dan tidak mematuhi Peraturan-peraturan (Standing Orders).

Tuan Lim Kit Siang: Bangun.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila duduk dahulu. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi telah menuduh Ahli Yang Berhormat daripada Ulu Terengganu sebagai anjing.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, saya tidak buat tuduhan, itu boleh record.

Tuan Alias bin Md. Ali: Bangun.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menurut Peraturan Mesyuarat 36(6) menarik balik tuduhan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya nafi, saya ada buat tuduhan itu, boleh check dengan tape record.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menarik balik.

Tuan Lim Kit Siang: Bagaimana seseorang boleh tarik balik apa beliau tidak kata. Kalau saya ada kata, saya berani. Perkataan "anjing" itu dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu sendiri. Boleh check record.

Tuan Ismail bin Said: Point of Order.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ya, sila, saya minta duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau baik-baik.

Tuan Ismail bin Said: Point of order.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kemaman, sila.

Tuan Ismail bin Said: Peraturan Mesyuarat 36(4). "Adalah salah pada peraturan mesyuarat bagi seseorang ahli menggunakan bahasa biadab". Jadi, saya anggap perkataan "binatang" itu adalah perkataan biadab.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Lagi sekali saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, menurut Peraturan Mesyuarat 36(6) menarik balik ucapan beliau, kata-kata beliau "anjing" dalam Majlis ini. Sila (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Kalau Tuan Yang di-Pertua mahu saya tarik balik apa yang saya tidak cakap, saya tarik balik oleh kerana saya kata itu bukan dikeluarkan oleh saya, tetapi dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu.

Beliau patut ada berani untuk mengakui beliau yang keluaran perkataan anjing itu. Akan tiap-tiap kata yang hendak ditarik balik ialah beliau sendiri (*Tepuk*). Saya harap dia ada berani. Dia keluaran perkataan itu, bukan saya, ha! baik.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menuduh sesiapa anjing atau binatang di dalam Dewan ini, dan saya tidak fikir Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menuduh menghalakan kepada saya perkataan "anjing" dan "binatang" itu, yang sebenarnya kepada orang lain. Tetapi apabila saya mendengar perkataan

"anjing" dan disebut, di imply seolah-olah dituduh terhadap seorang Ahli atau beberapa orang Ahli Dewan ini, saya minta ruling daripada Yang Berhormat Tuan Speaker sama ada perkataan "anjing" dan "binatang" itu Parliamentary atau tidak, itu sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya minta duduk dahulu. Sekarang Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu sedang bangun, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan 'anjing sudah berdiri'. Itulah yang saya membuat ruling bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 36(6) saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menarik balik perkataan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi saya tidak sebut dia anjing tetapi kalau mahu saya tarik balik apa saya tidak kata, saya tarik balik. Sekarang saya mahu satu point of order, mahu minta satu ruling daripada Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkataan anjing dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu, apa ertinya anjing, kenapa dia sebut panggil anjing, adakah perkataan itu parliamentary? Kalau tidak harap Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu boleh keluarkan satu ruling, dia tarik balik.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya tidak mendengar Ahli Yang Berhormat daripada Ulu Terengganu menyebut anjing.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*).

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang saya mendengar menyebut anjing ialah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi dia ada mengakui sebut, dia ada berani mengakui sebab itu saya harap satu keputusan boleh dibuat, oleh kerana dia sudah mengakui ada cakap 'anjing'.

Tuan Alias bin Md. Ali: (*Bangun*).

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya sudah buat ruling Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu tidak menyebutkan perkataan 'anjing'. Sekarang saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka meneruskan hujah beliau.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Saya tadi ada sebut mengenai bahawa Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah tidak memberi maklumat-maklumat sendiri on oath, di bawah sumpah bahawa beliau sanggup membuktikan beliau tidak mempunyai lebih daripada 2% tanah dalam Labuan, sungguhpun pada awalnya bahawa beliau ada tunjuk bahawa dia rela untuk memberi secara volunteer dokumen-dokumen, bukan sahaja milik beliau sendiri tetapi familinya dan syarikat-syarikatnya, tetapi beliau tarik balik. Adakah ini hanya merupakan satu drama dan bravado untuk memberikan kredibiliti kepada keinginan beliau selepas itu untuk mengemukakan rekod-rekod mengenai milik tanah beliau?

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya teruskan, saya mahu menarik perhatian bahawa kita di dalam Dewan ini, pihak DAP sangat serius, tentulah kita tidak akan mengikut contoh MIC apabila ada mesyuarat, FRU perlu dipanggil.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya harap Yang Berhormat dari Kota Melaka jangan menyinggung pihak yang lain dalam perbahasan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Harap mereka juga jangan menyinggung saya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kenyataan Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah dan juga laporan, proceedings Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ada timbul diskrepensi-diskrepensi yang besar, tuntutan bahawa beliau mempunyai 147.88

hektar dan bukan lebih daripada 2% dan daripada fakta-fakta dalam verbatim proceedings.

Pertama saya mahu sebut Exhibit "A" yang senaraikan tanah-tanah yang dimiliki di bawah nama Ketua Menteri Sabah yang ada dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Sandakan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang mengandungi 33 items yang berjumlah 140.388 hektar. Selepas Exhibit "A" dikemukakan, Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah ada bantah terhadap 7 items daripada 13 items itu dimasukkan dalam senarai yang menunjukkan tanah kepunyaan beliau, itu keterangan di bawah verbatim proceedings, oleh kerana antara alasannya ialah satu items sudah dijual kepada sebuah syarikat Tropical Orchids Sdn. Bhd. di mana beliau mempunyai saham 75% dan juga alasan lain ialah ada 3 items transfer of memorandum sudah ditandatangani sungguhpun belum didaftarkan dalam Jabatan Tanah.

Kalau Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ada sustain objection Ketua Menteri Sabah mengenai 7 items ini, ertinya ialah Exhibit "A" yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen dari Sandakan tolak 7 items yang menjadi bantahan Ketua Menteri itu bahawa tak patut dimasukkan, kalau itu ada disustainkan, dalam senarai Exhibit "A", jumlah tanah sudah dikurangkan kepada 170.539 hektar, jauh daripada apa yang Yang Berhormat Ketua Menteri sendiri ada mengakui dalam Dewan yang mulia ini beliau punyai ialah 147.88 hektar. Mana itu kekurangan sudah pergi? Dia cakap ada 147 hektar tetapi dia baru rela menerima mengikut senarai Ahli Yang Berhormat dari Sandakan ada 137 hektar sahaja.

Ini menunjukkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa mengikut kelakuannya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, beliau ada senarai

sendiri mengenai tanahnya sendiri, tetapi beliau tidak rela untuk kemukakan senarai itu atas sumpah, on oath bahawa untuk menunjukkan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan sebenarnya kedudukan kepunyaan tanahnya dalam Labuan. Kenapa? Kenapa dia tidak rela buat begitu? Senarainya sendiri, kenapa tak rela untuk kemukakan kepada Jawatankuasa? Oleh kerana Ketua Menteri Sabah tidak sedia kemukakan senarai hak milik tanah tersebut kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan mengelakkan beban membuktikan atas sumpah bahawa beliau tidak memiliki lebih daripada 2% tanah di Labuan, kita boleh buat satu kesimpulan adverse (adverse conclusion) bahawa jika beliau telah mengemukakan senarai hak milik tanah beliau bersama-sama dengan Lampiran "A", dakwaannya bahawa beliau tidak memiliki lebih daripada 2% tanah di Labuan, pasti akan dibuktikan palsu. Bahawa Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah tidak sanggup menjelaskan perbezaan di antara jumlah tanah yang dimilikinya seperti terkandung dalam Exhibit "A" yang berjumlah 140.388 hektar bagi 33 items dan dakwaan beliau dalam Dewan Rakyat yang hanya memiliki 147.88 hektar menunjukkan bahawa beliau tidaklah bersikap penuh jujur dan ikhlas kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk membolehkan Parlimen memutuskan tentang kebenaran kenyataan yang dibuat oleh beliau pada 22hb November, 1983.

Ahli Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Sandakan bukan sahaja telah kemukakan Lampiran "A" yang mengandungi milik tanah atas nama Harris bin Mohd. Salleh tetapi juga Lampiran "B" atau Exhibit B yang mengandungi senarai milik tanah yang dimiliki oleh syarikat-syarikat di mana Yang Berhormat Ketua Menteri atau Harris Salleh mempunyai saham beberapa daripadanya adalah hampir-hampir syarikat-syarikat keluarga

seperti Sejati Sdn. Bhd., Empat Bersaudari Sdn. Bhd., Dua Bersaudara Sdn. Bhd. dan kedua-dua senarai itu berjumlah 409 hektar yang merupakan 4.5% daripada Pulau Labuan dan ini menjadikan dakwaan palsu Ketua Menteri Sabah yang ia tidak memiliki lebih daripada 2% tanah di Labuan.

Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dengan suara majoriti telah menolak Lampiran "B" atas alasan bahawa apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan adalah berhubung dengan milikan-milikan tanah yang dimiliki sendiri oleh Ketua Menteri Sabah dan tidaklah termasuk tanah-tanah yang dimiliki oleh syarikat-syarikat di mana ia mempunyai saham. Inilah apa yang dikatakan oleh Ahli Parlimen dari Sandakan dalam sidang Parlimen, pada 31hb Oktober, 1983. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa pemilik tanah yang terbesar di Labuan adalah Ketua Menteri Sabah sendiri, Datuk Harris bin Mohd. Salleh, yang memiliki kira-kira 70% daripada tanah di Labuan

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 36 (5) seorang ahli tidak dibenarkan menyebut nama ahli yang lain. Pangkatnya boleh disebut tetapi namanya jangan disebut.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu, tetapi apabila beliau mempunyai saham-saham dalam syarikat-syarikat, saya percaya dia mempunyai saham-saham sebagai Harris Salleh, bukan sebagai Ketua Menteri Sabah. Sebab itu di mana beliau ada saham-saham saya sebut nama, tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua buat satu ruling bahawa beliau pun mempunyai saham-saham dalam syarikat sebagai Ketua Menteri Sabah, saya mematuhi.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, satu kajian terperinci kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan menunjukkan bahawa beliau telah membuat ungkapan-ungkapan yang kabur dengan harta persendirian Harris atau Ketua Menteri Sabah. Kenyataan ini terbuka kepada dua interpretasi ialah bahawa Yang Berhormat dari Sandakan tidak sebut terhad sahaja kepada harta sendiri atau hak sendiri Ketua Menteri Sabah. Kenyataan Yang Berhormat dari Sandakan boleh terbuka kepada dua tafsiran atau dua interpretasi.

Pertama, satu interpretasi yang luas bahawa isu yang dipertikaikan adalah kedudukan Ketua Menteri Sabah sebagai seorang pemilik tanah di Labuan sama ada tanah yang didaftarkan di bawah namanya melalui syarikat-syarikat dan sama ada mempunyai majoriti kesemua saham-saham atau sebagai nominee-nominee, kedudukannya sebagai seorang pemilik tanah tidak kira pada jenis kepunyaan tanah. Itulah satu interpretasi yang meluas. Interpretasi yang kedua yang lebih sempit bahawa isu yang disuarakan adalah berhubung dengan milikan tanah persendirian Ketua Menteri Sabah tanpa mengira milikan-milikan yang didaftarkan di syarikat-syarikat di mana beliau mempunyai saham. Untuk menolong menentukan interpretasi yang akan diterima oleh Parlimen, kita patut mempertimbangkan tujuan dan konteks dalam mana dakwaan Ahli Parlimen dari Sandakan telah dibuat.

Ahli Parlimen dari Sandakan merujuk kepada tawaran Kerajaan negeri Sabah, pada masa itu untuk menjadikan Labuan sebuah Wilayah Persekutuan. Dan menurut *Hansard* pada 31hb Oktober, 1983 berikut adalah kenyataan beliau, dengan izin, "Cadangan untuk menjadikan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan adalah amat mengejutkan kerana

rakyat Sabah tidak pernah dirundingkan terlebih dahulu. Malah saya terkejut untuk mendapati bahawa perkara itu diumumkan secara awam oleh Ketua Menteri Sabah pada 1hb Ogos, 1983 dan saya terkejut sekali untuk mendapat tahu bahawa cadangan tersebut telah diputuskan secara rasmi pada 23hb Julai, 1983 sedangkan saya difahamkan Kerajaan Negeri Sabah telah meluluskan cadangan tersebut pada 27hb Julai, 1983. Sekiranya ini benar, apakah dapat bagi kita untuk membuat satu tanggapan bahawa Ketua Menteri Sabah telah bertindak secara perseorangan tanpa perundingan dan kelulusan terlebih dahulu Jemaah Menteri Sabah. Apa yang lebih penting dan mengagumkan ialah isu yang begitu penting ini tidak pernah dirundingkan dengan rakyat Sabah serta pendapat mereka ke atas isu ini tidak diperolehi.

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan kemudian telah berucap bagaimana Sabah akan rugi dari segi syarat-syarat hasil serta pendapatan, terutama sekali dari telega-telega minyak yang terletak diluar pantai Labuan dan hakikat bahawa tiada pampasan akan dibayar kepada Sabah dalam menawarkan sebagai Wilayah Persekutuan. Walhal Selangor telah dibayar kira-kira \$3 billion dalam menawarkan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan. Setelah mencadangkan supaya suatu pungutan suara diadakan di Sabah untuk menentukan kehendak rakyat Sabah atas perkara ini, beliau terusnya menyatakan, dengan izin, "Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa pemilik tanah yang terbesar di Labuan adalah Ketua Menteri Sabah sendiri, Datuk Harris Salleh, yang memiliki kira-kira 70% daripada tanah di Labuan. Apa yang dipersoalkan oleh rakyat adalah sama ada Datuk Harris Salleh akan merupakan seorang yang paling beruntung sekali dari penukaran status Labuan kepada sebuah Wilayah Persekutuan akibat kenaikan nilai

harta milik dengan pelaksanaan projek-projek Persekutuan di Labuan. Jika keseluruhan isu Labuan menjadi Wilayah Persekutuan akan pada akhirnya paling menguntungkan Harris Salleh, beliau mesti mengumumkan kepentingan kewangan beliau dalam cadangan ini. Saya mencadangkan bahawa untuk mengelakkan apa-apa syak wasangka berhubung dengan motif-motif persendirian dalam hal Labuan, Kerajaan Negeri Sabah patut dapat serta-merta mengeluarkan satu perintah acquisition tanah atau perolehan tanah atas ke semua tanah kepunyaan Harris Salleh di Labuan supaya nilai-nilai harta milik tidak akan melambung naik akibat cadangan Labuan ini. Juga, apabila Labuan menjadi Wilayah Persekutuan, Kerajaan Persekutuan dapat memperolehi tanah yang diperlukan bagi pembangunan Persekutuan manakala yang lainnya dapat dijual kepada orang awam melalui public option.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Sandakan ialah Ketua Menteri Sabah sendirilah dan bukan lain orang yang menjadi pemilik tanah yang terbesar di Labuan, sama ada ia milik tanah tersebut atas namanya sendiri atau melalui syarikat-syarikat di mana beliau atau keluarganya mempunyai saham ataupun melalui syarikat-syarikat nominee. Malahan Ketua Menteri Sabah sendiri pun pada satu ketika telah mengakui bahawa tanah yang dimiliki oleh syarikat-syarikat di mana beliau atau keluarga mempunyai saham dalamnya juga terlibat sebagai isu iaitu kerana beliau telah menawarkan untuk mengemukakan rekod-rekod mengenai pemilikan tanah-tanah tersebut kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan pada 5hb Mac, 1984 sebelum beliau menarik balik tawaran itu.

Adalah mustahak atau significant untuk memperhatikan bahawa Ketua

Menteri Sabah tidak mempertikaikan kenyataan yang beliaulah pemilik tanah yang terbesar sekali di Labuan. Apa-apa rekod yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Sandakan dan nyatalah rekod-rekod tersebut tidak lengkap dan ini tidak dapat dielakkan menunjukkan bahawa kira-kira 4.5% tanah di Labuan adalah milikan Ketua Menteri Sabah sama ada atas namanya sendiri atau menerusi syarikat-syarikat di mana ia mempunyai saham atau nominee. Ia tidak termasuk tanah yang dimiliki oleh syarikat-syarikat nominee. Jadi, walaupun kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan bahawa Ketua Menteri Sabah miliki 70% Pulau Labuan sama ada secara langsung atau melalui syarikat-syarikat di mana beliau atau keluarganya mempunyai saham-saham atau menerusi syarikat-syarikat nominee adalah tidak terbukti dan kegagalan membuktikan sesuatu kenyataan tidak bermakna ianya salah adalah palsu. Kenyataan Ketua Menteri Sabah bahawa beliau tidak memiliki lebih daripada 2% tanah di Labuan telah pun dibuktikan salah sama ada menerusi satu interpretasi yang wajar untuk mengambil kira pemilikan syarikat-syarikat di mana beliau mempunyai saham atau melalui ketidakjujuran dan keengganan untuk bekerjasama dengan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dengan kemukakan atas sumpah satu senarai yang mengandungi tanah-tanah yang dimiliki di Labuan.

Tujuan Ahli Parlimen dari Sandakan adalah untuk menentukan bahawa wujudnya satu Kerajaan yang baik dan beretik sama ada di Sabah atau Malaysia bahawa pegawai-pegawai awam mempunyai tanggungjawab secara langsung untuk menentukan bahawa mereka bukan sahaja adalah bersih dan tidak korup tetapi diperlihatkan sebagai bersih dan tidak korup. Ini adalah penuh sejajar dengan penekanan yang diberikan oleh Kerajaan 2M untuk memastikan

bahawa rasuah sama ada rasuah dari segi undang-undang atau moral corruption dihapuskan dari semua peringkat awam.

Mahkamah tidak mempunyai kuasa untuk menghadapi rasuah moral dan akibat ini ramai di tempat-tempat atasan politik berjaya melepaskan diri untuk menikmati apa yang mereka telah memperolehi secara haram. Setahun selepas beliau menjadi Perdana Menteri dalam satu temuramah yang meliputi berbagai perkara, Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir, telah menyebut tentang rasuah dari segi moral dan dalam pada itu beliau telah merujuk kepada kes Taman Aman di Petaling Jaya di mana satu setengah ekar tanah taman di Petaling Jaya dipecahkan dan dikurniakan kepada lima orang Pegawai Kerajaan Selangor yang berpengaruh. Yang Amat Berhormat telah berkata bahawa jelaslah terdapat rasuah dari segi moral dalam peristiwa tersebut walaupun tidak ada kes untuk dijawab dari segi undang-undang. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa beliau tidak dapat membuat apa-apa dalam kes-kes yang melibatkan rasuah moral dan beliau merayu kepada orang ramai dan pihak akhbar untuk membantu membongkarkan rasuah moral seumpama itu.

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan hanya menyebut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membantu mencegah rasuah moral. Apabila beliau membangkitkan soal kemungkinan berlakunya conflict of interest antara milikan tanah Datuk Harris Mohd. Salleh atau Ketua Menteri Sabah di Labuan sama ada secara sendiri atau menerusi berbagai syarikat lain di mana beliau mempunyai saham ataupun penama-penama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan telah pun mencadangkan satu cara di mana kemungkinan berlakunya conflict of interest boleh dicegah.

Tuan Yang di-Pertua, mahkamah tidak boleh mempunyai kuasa untuk menghadapi rasuah moral tetapi Parlimen mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk mencegah rasuah moral, maka Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, dan Parlimen haruslah mengambil ingatan akan tujuan Ahli Parlimen dari Sandakan memastikan terdapat sebuah Kerajaan yang baik dan beretika serta tanggungjawab Jawatankuasa Hak dan Kebebasan serta Parlimen untuk mencegah rasuah moral atau lain-lain jenis amalan Kerajaan yang tidak sempurna (improper practice) apabila ia membuat keputusan di dalam kes di hadapan kita—kes Ahli Parlimen Sandakan dan Ahli Parlimen Ulu Padas. Daripada perjalanan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kita harus memperhatikan perkara-perkara yang berikut:

- (1) Bahawa Ketua Menteri Sabah telah enggan bekerjasama dengan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dengan tidak mengemukakan satu senarai bersumpah yang mengandungi harta tanah yang dimilikinya di Labuan.
- (2) Kegagalan Ketua Menteri Sabah untuk membuktikan dakwaan yang dibuat dalam Dewan Rakyat bahawa beliau tidak ada lebih daripada 2% tanah di Labuan.
- (3) Bahawa sekurang-kurangnya ada 2 syarikat yang mempunyai tanah di sana di mana beliau ada saham, Dua bersaudara Sdn. Bhd. dan Empat Bersaudari Sdn. Bhd. Ketua Menteri Sabah menjadi Director sehingga pemeriksaan yang terakhir di Pendaftaran Syarikat-syarikat dalam tahun 1983 dan inilah satu contravention Article 6 dan peruntukan kecil (5) dalam Perlembagaan Sabah sendiri

yang memperuntukkan, dengan izin, "The Chief Minister shall not hold any office of profit and shall not actively engage in any commercial enterprise". Sehingga tahun 1983 sekurang-kurangnya dua syarikat ialah Syarikat Dua Bersaudara Sdn. Bhd. dan Empat Bersaudari Sdn. Bhd., Ketua Menteri Sabah masih menjadi Director.

- (4) Bahawa dalam syarikat-syarikat yang disebutkan dalam Exhibit B yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang mempunyai tanah di Labuan, sejumlah tanah yang dipunyai oleh syarikat-syarikat kesemuanya baik pun dalam Labuan atau di luar Labuan dalam Sabah ialah Lebih kurang 2,500 hektar dan semua ini tidak termasuk syarikat-syarikat di mana Ketua Menteri Sabah ada saham-saham tetapi tidak ada tanah dalam Labuan dan sebab tidak ada dalam senarai B dalam pemeriksaan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.
- (5) Bahawa Ketua Menteri Sabah gagal untuk menunjukkan Ahli Yang Berhormat Parlimen dari Sandakan sudah salah atau tidak betul apabila beliau berkata bahawa beliau pemilik tanah terbesar dalam Labuan. Dan bila banding dengan pemilik tanah yang lain yang ada tanah lebih kurang akan lebih beruntung daripada peristiwa Labuan menjadi Wilayah Persekutuan.
- (6) Yang ada dalam Laporan ini Appendix F bahawa Ahli Parlimen dari Sandakan dapat maklumat daripada sebuah buku, bukan yang disebut dalam laporan sebagai "Membongkar Desa-desa

Berjaya" iaitu dalam *Straits Times* diterjemah sebagai Hamlet of Berjaya, tidak ada apa-apa erti. Sebenarnya Membongkar Dosa-dosa Berjaya bukan desa-desa Berjaya. Dalam Exhibit F di mana satu perenggan atas sahaja lebih dari separuh tanah-tanah di Labuan kata orang sudah jadi milik Datuk Harris bin Mohd. Salleh dan beberapa orang kawan-kawan yang sealiran dengannya sekarang ini menjadi orang-orang Berjaya. Tanah-tanah ini asalnya milik orang kampung dan juga tanah Kerajaan dan lain-lainnya. Ini buku "Membongkar Dosa-dosa Berjaya" dikeluarkan oleh siapa? Dikeluarkan oleh Parti Kerajaan. Ibu Pejabat Parti Perikatan Sabah tahun 1976, satu keluaran parti Kerajaan. Dan sampai sekarang keluaran ini tidak pernah

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: (*Bangun*)

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Yang Berhormat itu minta jalan. Yang Berhormat boleh beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Saya suka memberi penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan laporan ataupun buku yang dikeluarkan oleh Parti Perikatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat; saya tidak ada salinannya tetapi kalau saya tidak silap Yang Berhormat itu menyebutkan ia dikeluarkan pada tahun 1976. Jadi, saya ingin membetulkan statement itu bahawa Perikatan pada masa itu sudah tidak memerintah lagi, Berjaya yang memerintah kalau saya tidak silap.

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang mustahaknya ialah apabila dosa-dosa Berjaya buku ini dibongkarkan, dicetak dan diedarkan tidak ada tindakan undang-undang diambil untuk membersihkan sendiri kalau tuduhan-tuduhan dalam buku ini "Dosa-dosa Berjaya" tidak berasas. Itulah sebab antaranya kita perlu mengambil ingatan.

(7) Kita perlu mengambil ingatan ialah pada tahun 1978 bahawa Ketua Menteri Sabah dengan peranan (capacity) sendiri ada menawarkan untuk tujuan Universiti ASEAN, tanah beliau di Labuan seluas 500 ekar untuk mendirikan ASEAN Universiti. Sehingga sekarang kalau tidak silap tawaran (offer) ini masih ada sungguhpun tidak ada apa-apa kemajuan dalam idea Asean Universiti 500 ekar ialah 2.2% daripada tanah dalam Labuan tidak termasuk kira dalam apa yang kita sudah sebutkan. Sebab itu kita perlulah ambil ingatan.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen tidak akan memainkan peranannya dan tanggungjawabnya kalau kita tidak mahu menjadi guardian of morality, politic dan awam khasnya dalam kes ini dengan izin saya hendak sebut sebagai Fung Ket Wing/Harris Salleh Kes. Kalau kita tidak faham tangkap real crux dalam isu ini. Real crux isu ini ialah untuk mencegah apa kemungkinan conflict of interest, apa kemungkinan jenis korupsi politik khasnya moral corruption supaya Parlimen boleh menunjukkan kepada rakyat Malaysia bahawa kita semua faham dan sealiran dengan aspirasi rakyat mahu mengadakan satu Kerajaan, satu pimpinan politik yang bersih yang tidak corrupt—incorruptible dan jujur.

Kita boleh buang banyak masa atas technicality sama ada satu perkataan, sama ada banyak technicality, buang

masa mengenai legal personal atau corporate personality tetapi sudah hilang gambaran yang besar, dengan izin, miss the large picture. Dan kalau kita buat begitu kita akan berlagak sebagai dalam Eropah, dalam the Middle Ages, Tuan yang di-Pertua, apabila masa itu theologians selama kehidupan mereka buang masa mereka, spent whole lifetime untuk bahas beberapa malaikat ada atas head of a pin, dengan izin, theologians who spend the whole lifetime to argue how many angels can dance on the head of a pin. Kita mahu tengok large picture, bukan clue, words technicality.

Dalam siasatan ini Ahli Parlimen dari Sandakan tidak berjaya untuk membuktikan bahawa Ketua Menteri Sabah mempunyai lebih kurang 70% tanah di Labuan. Tetapi ini tidak bererti bahawa fakta ini benar atau tidak benar oleh kerana unproven tetapi kita rasa adalah sangat-sangat tidak adil kalau Ahli Parlimen dari Sandakan dihukum (reprimanded) oleh kerana beliau tidak boleh membuktikan tuduhannya mengenai 70% di mana Ketua menteri Sabah walaupun telah gagal untuk membuktikan beliau mempunyai tidak lebih daripada 2% tanah dalam Labuan tidak dihukum, tidak direprimanded, itulah tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bahawa sebenarnya di dalam kes Fung Ket Wing/Harris Salleh, Ahli Parlimen dari Sandakan sedang memainkan suatu perkhidmatan awam dan nasional untuk meletakkan perhatian awam atas tindakan-tindakan Kerajaan untuk menjamin accountability yang lebih dan paras etika yang lebih tinggi. Yang benar-benar mengalami percibaraan, yang benar-benar on trial adalah Ketua Menteri Sabah dan saya rasa beliau tidak akan rasa apa-apa kesan daripada kes ini. Beliau telah mempunyai satu peluang yang

cemerlang untuk membuktikan bukan sahaja kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen, bahkan rakyat Sabah dan Malaysia bahawa beliau adalah seorang pemimpin politik yang bermaruah serta tiada apa jugapun untuk disembunyikan dengan membenarkan kesemua senarai hartanya atas namanya sendiri, atau nama syarikat, atau nama nominee untuk membuktikan bahawa beliau sanggup mengalami atau menghadapi scrutiny awam sepenuhnya, yang paling minute scrutiny mengenai semua tindakan-tindakan beliau sebagai Ketua Menteri Sabah.

Sebelum saya menyimpulkan, saya menyeru kepada Badan Pencegah Rasuah (Anti-Corruption Agency) menyasiat dan jika terdapat alasan, memberkas dan mendakwa Ketua Menteri Sabah di mahkamah kerana melanggar Perkara 65 Perlembagaan Negeri Sabah, kerana terus berkecimpung dalam aktiviti-aktiviti perniagaan dalam kedudukan beliau sebagai Pengarah Dua Bersaudara Sdn Berhad dan Empat Bersaudari Sdn. Bhd, dan seterusnya meminta agar beliau dilucutkan sebagai Ketua Menteri Sabah.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Silam.

5.15 ptg.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (Silam): Tuan Yang di-Pertua, di sini saya bangun juga mengambil bahagian membahaskan usul dan cadangan yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri dalam Negeri sebentar tadi dan juga, Tuan Yang di-Pertua, selepas ini saya memohon dengan izin mencadangkan menurut Peraturan Mesyuarat 33(3) dan menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 30 untuk membuat beberapa pindaan kepada usul asal yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya tidaklah menyentuh apa yang dihujah-hujahkan oleh Ahli dari Kota Melaka sebentar tadi oleh kerana apa jua perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sebentar tadi telah pun diputuskan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang diadakan di Parlimen.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat, lebih baik Yang Berhormat kemukakan usul pindaan itu dahulu.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih. Dengan mematuhi Peraturan Mesyuarat 33 (4) (a) dan (c), saya ingin mencadangkan supaya perkataan-perkataan dalam usul asal dipinda dan dikemukakan seperti berikut. Pindaan ini juga adalah meliputi perenggan 14 Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang telah dibentangkan di Dewan ini, menurut Kertas Bil. Dr 2 Tahun 1984 yang menjadi sebahagian daripada usul yang dicadangkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua,

- (1) Perkataan "oleh sebab" pada ayat kedua hendaklah dipotong dan digantikan dengan perkataan "walaupun";
- (2) Selepas perkataan *Jawatankuasa ini* di dalam ayat kedua hendaklah dimasukkan perkataan-perkataan "tetapi memandangkan bahawa perkara ini amat serious";
- (3) Perkataan "satu gusaran (reprimand)" hendaklah dipotong dan digantikan dengan perkataan-perkataan "dihukum dengan digantung daripada menghadiri persidangan Dewan Rakyat sepanjang sidang Belanjawan Tahun ini";

- (4) Perkataan "gusaran" dalam ayat akhir hendaklah dipotong dan digantikan dengan perkataan "hukuman."

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya pindaan kepada usul asal yang berbunyi seperti berikut akan dapat dipersetujui oleh Mesyuarat ini. Cadangan pindaan kepada usul asal berbunyi seperti berikut:

"Oleh yang demikian Jawatankuasa ini berpendapat Yang Mendakwa telah membuat kenyataan palsu di dalam Dewan. Walaupun perkara ini jarang berlaku dan baharu kali inilah yang mula diadakan penyiasatan lengkap di dalam Jawatankuasa ini, tetapi memandangkan perkara ini amat serius, maka dicadangkan Yang Mendakwa dihukum dengan digantung daripada menghadiri persidangan Dewan Rakyat sepanjang sidang Belanjawan tahun ini. Ia hendaklah diperintah melalui satu saman, hadir di dalam Dewan pada masa persidangan dan berdiri di hadapan meja Bentara Mesyuarat dan Bentara itu akan berdiri di belakangnya. Setelah itu Yang mendakwa akan menerima hukuman yang akan dijatuhkan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat ke atasnya."

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan awal-awal tadi, saya ingin juga mengambil peluang untuk membahaskan di samping membuat pindaan-pindaan kepada usul asal.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat, sudah habis hujah-hujah mengenai pindaan?

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Sudah habis.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila duduk.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Saya minta yang menyokong.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order. Boleh saya minta satu ruling mengenai sama ada pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Silam regular atau irregular, wajar atau tidak wajar. Mengikut Peraturan 30 mengenai pindaan kepada usul yang berbunyi bahawa.....

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: 30 berapa? 30 ada 1, 2, 3, dan 4.

Tuan Lim Kit Siang: 30 (1) dan (2) mengenai relevancy.

30 (1) Pada masa sesuatu usul itu dalam pertimbangan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa Majlis Mesyuarat, bolehlah dicadangkan pindaan-pindaan jika pindaan itu berkaitan dengan usul itu.

(2) Pindaan ini pula boleh dicadangkan dipinda jika berkaitan dengan pindaan asal.

Saya membangkitkan perkara ini oleh kerana kalau satu pindaan kepada usul mahu dibuat, perlu dibuat untuk meminda usul dan bukan untuk meminda laporan satu Jawatankuasa. Oleh kerana itu terpulanglah kepada Jawatankuasa dan kita mahu putuskan sama ada terima atau mahu pindaan dan tentulah sangat irregular untuk meminda laporan satu Jawatankuasa.

Kedua, mengikut pindaan pun nampaknya pencadang hendak dikenakan dua hukuman. Satu hukuman ialah suspension dan hukuman yang kedua selepas itu lagi satu reprimand. Itu adalah double jeopardy. Tentulah dari segi keadilan, satu perkara yang memeranjatkan

tetapi perkara ini tentulah saya rasa mendapat satu ruling sama ada pindaan itu regular atau irregular.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Perkara ini sudahpun dirojak kepada Yang di-Pertua Dewan dan keputusan yang dibuat, pindaan ini adalah berkaitan dengan usul.

Sila duduk dahulu. Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu tadi yang menyokong? Hendak bercakap sekarang? Silakan.

5.23 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan yang dikemukakan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Silam. Saya rasa usul pindaan ini adalah satu perkara yang wajar tetapi sebelum itu saya ingin menyentuh apa yang telah berlaku sebentar tadi apabila Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan masalah perkataan "binatang" dan "anjing".

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*) On a point of order, Tuan Yang di-Pertua, 36 (1)—irrelevant.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Fasal Berapa?

Tuan Sim Kwang Yang: Fasal yang pertama dalam Peraturan 36, "A member shall confine his observations to the subject under discussion...." Apa Yang Berhormat dari Ulu Trengganu mengatakan tidak ada berkaitan dengan apa yang dibincangkan sekarang oleh kerana apa yang mesti ditimbang adalah usul daripada Yang Berhormat dari Silam.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila teruskan dan terus kepada hujah mengenai pindaan itu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, kita berbincang dalam Dewan ini untuk memelihara satu

perkara yang menyentuh maruah Dewan ini. Seorang Ahli yang telah didapati bersalah melanggar peraturan Dewan membuat sesuatu yang mencemarkan maruah Dewan ini dan Ahli-ahlinya dan kita juga tadi mendengar ucapan-ucapan, perkataan-perkataan yang juga mencemar maruah Dewan dan Ahli-ahli Dewan.

Walaupun perkara yang disebut mungkin tidak relevant kepada usul pindaan tetapi ianya relevant kepada perbahasan mengenai usul ini. Satu perkara yang amat menyedihkan bahawa sementara kita di sebelah sini berusaha untuk memelihara maruah Dewan dan kehormatan Dewan sebagai Dewan Perundangan yang tertinggi di negara ini, ada Ahli-ahli Dewan sendiri yang cuba menjatuhkan maruah Dewan dan Ahli-ahli Dewan yang pada hakikatnya sama setaraf dengannya dengan memanggil orang lain sebagai "binatang" dan "anjing". Saya tadi berdiri untuk menimbulkan satu masalah point of order, saya bangun untuk meminta ruling sama ada sesuatu perkataan yang diucapkan oleh Ahli-ahli Dewan ini dianggap sebagai parliamentary atau tidak semata-mata.

Tuan Sim Kwang Yang: Ahli Yang di-Pertua, on a point of order.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat, point of order.

Tuan Sim Kwang Yang: 36 yang pertama sekali lagi.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, saya harap menggunakan perkataan "Tertib Mesyuarat."

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, Tertib Mesyuarat 36 (1). Saya melihat bahawa Yang Berhormat dari Ulu Trengganu masih berterusan

dengan hujah-hujah ke atas "binatang" dan "anjing" yang tidak berkaitan dengan apa yang ditimbang dan dibincangkan iaitu usul untuk meminda dengan usul yang asal yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu tidak menuduh sesiapa pun dengan perkataan "binatang". Beliau cuba hendak menerangkan tuduhan-tuduhan yang dihadapkan kepadanya sahaja. Maka itu saya membenarkan beliau bercakap.

Tuan Alias bin Md. Ali: Terima Kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hairan Ahli yang bangun sebentar tadi tidak membuat apa-apa objections apabila Ahli dari Kota Melaka menyebut perkataan yang tidak parliamentary dan tidak relevant kepada perbahasan. Tetapi apabila orang lain menimbulkan soal itu, maka beliau bangun on a point of order atau tertib mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap atas masalah kehormatan Majlis dan kehormatan Dewan dan saya hairan bahawa seseorang yang sepatutnya terhormat seperti Ahli dari Kota Melaka layak memanggil seseorang itu "anjing" semata-mata atas sebab seseorang itu bangun atas perkara tertib mesyuarat untuk tujuan hendak memelihara maruah dan tertib mesyuarat Dewan ini, untuk memelihara kemuliaan Dewan ini yang beliau adalah menjadi anggotanya. Kalaulah seseorang bangun atas perkara tertib mesyuarat dianggap sebagai 'anjing', saya tidak tahu apa jenis manusianya Ahli dari Kota Melaka ini.

Tuan Yang di-Pertua, usul pindaan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Silam ini

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu, untuk pengetahuan tuan, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sudahpun menarik balik perkataan itu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Tadi saya ada sebut bahawa perkataan "anjing" dikeluarkan dahulu oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu sendiri dan apabila beliau menggunakan perkataan "anjing" itu, sungguhpun Tuan Yang di-Pertua sudah kata bahawa beliau tidak dengar, saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu sendiri tentu akan mengakui beliau yang pertama menggunakan perkataan "anjing" dan saya rasa untuk menggunakan ini sebagai isu emosi, saya rasa tidak begitu tepat pada tempat dan masanya. Sebenarnya kalau beliau mahu menjaga maruah beliau sendiri tidak patut menggunakan perkataan "anjing" sendiri dan saya untuk membalas sahaja.

Tuan Alias bin Md. Ali: (*Bangun*).

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila duduk dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara ini sudah pun kita selesaikan. Dan saya harap Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu teruskan hujah-hujah beliau mengenai sokongan terhadap pindaan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, tetapi sedikit sahaja. Ahli-ahli Dewan ini semuanya tidak dengar pun saya bercakap saya mengatakan "anjing". Saya menyebut "anjing" dalam konteks untuk meminta ruling. Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka salah dengar. Ada orang lain yang menyebut perkataan "anjing" bukan saya. Dan itu sebabnya saya rasa sedih bahawa beliau bukannya seorang gentleman, orang lain kata saya yang terima kesalahan. (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya harap Ahli Yang Berhormat daripada Ulu Terengganu sila teruskan. Perkara ini sudah pun selesai.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tertib Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Tertib Mesyuarat, baik. Oleh kerana sekarang Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu ada kata perkataan "anjing" bukan dikatakan oleh beliau tetapi oleh lain ahli Parlimen, bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu untuk menjaga maruah Dewan ini memberitahu kita semua siapa menggunakan perkataan "anjing" yang pertama supaya perkataan ini boleh ditarik balik maruah Parlimen boleh dijaga.

Tuan Alias bin Md. Ali: Yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, ialah Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka yang menggunakan perkataan itu (*Tepuk*).

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila teruskan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, cadangan usul pindaan Ahli Yang Berhormat dari Silam ini, saya rasa sudah wajar oleh kerana kalau kita ingin memelihara kehormatan dan maruah Majlis ini kita tidak harus mengizinkan sesiapa pun Ahli Dewan ini membuat tuduhan-tuduhan yang liar terhadap mana-mana Ahli-ahli Dewan ini, oleh kerana perbuatan yang seperti itu tidak syak lagi akan menjejaskan nama baik Dewan ini dan merendahkan integriti Dewan ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka walau bagaimanapun di dalam hujah-hujahnya ketika membentangkan kesnya membahaskan usul yang

dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menterbalikkan keadaan dan meletakkan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas "on trial," dengan izin, sedangkan apa yang kita bicarakan ialah suatu kes kesalahan yang dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya tidak begitu terperanjat apa yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu. Ini adalah satu permainan yang kita sudah sangat biasa dengan beliau, orang lain yang buat salah, orang lain yang dilemparkan kecaman.

Walau bagaimanapun isu yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu perkara yang jelas bahawa seorang Ahli telah didapati bersalah oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan melanggar peraturan Dewan dan didapati patut dikenakan hukuman. Dan pihak Ahli Yang Berhormat dari Sandakan sudahpun diberi segala kemudahan-kemudahan dan kebebasan untuk membela diri termasuk menggunakan perkhidmatan seorang peguam dan kita tidak ada merasa sebarang syak wasangka bahawa Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini. (Privileges Committee) tidak adil dalam membuat laporan dan cadangan hukuman yang patut dikenakan keatasnya.

Walau bagaimanapun saya menyokong usul pindaan ini oleh kerana saya rasa hukuman yang patut dijatuhkan sepatutnya lebih keras daripada apa yang dicadangkan iaitu saya rasa dengan hukuman reprimand atau.....

Tuan Yang di-Pertua: Gusaran.

Tuan Alias bin Md. Ali: Kegusaran. Saya pun tidak berapa faham perkataan "kegusaran" ataupun maknanya. Gusaran ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan baru (*Ketawa*).

Tuan Alias bin Md. Ali: Perkataan baru. Saya rasa Dewan ini patutlah mengambil pandangan yang lebih serius kepada kesalahan yang dibuat itu oleh kerana bukan sahaja dia melibatkan seorang rakyat negara yang sepatutnya mempunyai hak untuk dilindungi daripada sebarang tuduhan liar tetapi juga beliau merupakan seorang Wakil Rakyat, seorang Ketua Kerajaan Negeri dan seorang yang mempunyai kedudukan yang istimewa di Sabah.

Oleh kerana kalau hukuman yang dikenakan itu tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan maka akan ada lagi di lain kali, di lain masa, mereka daripada bangku sebelah hujung sana yang akan berani membuat tuduhan-tuduhan yang lebih liar daripada ini terhadap pemimpin-pemimpin Barisan Nasional termasuk Menteri-menteri Kabinet Kerajaan Pusat. Dan kalau ini dibuat dan kita hanya asyik mengenakan hukuman gusaran terhadap beliau, terhadap mereka maka saya rasa ini tidak boleh menjadi pengajaran yang cukup kepada mereka.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, usul pindaan supaya menggantungkan keahlian Ahli Yang Berhormat daripada Sandakan sehingga sidang Belanjawan yang akan datang adalah satu hukuman yang adil. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mark Koding: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Usul pindaan ini telah dikemukakan?

Tuan Mark Koding: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, sila.

Tuan Mark Koding: Menyokong usul pindaan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Usul pindaan telah dikemukakan oleh Pengerusi?

Tuan Mark Koding: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah ada sokongan?

Tuan Mark Koding: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Mark Koding: Jadi saya, Tuan Yang di-Pertua, menyokong usul pindaan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

5.37 ptg.

Tuan Mark Koding (Kinabalu): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah sedikit sahaja dan saya akan menyentuh mengenai dengan sentencing dalam Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini.

Satu perkara yang telah nyata, Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa Jawatankuasa Hak dan Kebebasan berpuas hati dengan finding bahawa Ketua Menteri Sabah hanya memiliki 1.54% daripada tanah di Labuan. Ini pun kurang daripada perangkaan yang ditawarkan oleh beliau dalam menjawab tuduhan-tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan di masa yang lalu iaitu 2%.

Saya berpendapat bahawa gusaran atau reprimand sahaja adalah terlalu ringan dan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan itu.

Mengikut apa yang telah terbukti seperti saya sebutkan tadi siasatan ke atas kes ini nyata bahawa tuduhan pihak pendakwa iaitu Ahli Yang Berhormat dari Sandakan tidak betul malah adalah palsu, ianya dibuat dengan melulu, ini meminjamkan perkataan-perkataan daripada laporan, tanpa usul periksa terlebih dahulu akan kebenarannya. Pihak pendakwa ataupun Ahli Yang

Berhormat dari Sandakan langsung tidak menghiraukan sama ada isi ucapan itu betul ataupun tidak.

Nyata sekali Tuan Yang di-Pertua, bahawa Ahli Yang Berhormat dari Sandakan tidak mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa tuduhan-tuduhan dalam buku yang disebut tadi sebagai affidavit "Membongkar Dosa-dosa BERJAYA adalah betul atau tidak ataupun sama ada ianya dapat dibuktikan.

Nampaknya beliau sendiri kurang faham dengan keluasan saiz tanah negerinya sendiri, terutama Labuan kalau tidak masakan beliau menyebut 220 hektar itu di dalam *Gazette* merupakan sebahagian tanah kepunyaan pihak Ketua Menteri sendiri. Kalau hendak dikatakan 220 hektar itu merupakan 70% ini jauh sekali. Sesungguhnya pihak yang mendakwa sengaja membuat tuduhan dengan memberi perangkaan yang tidak berasas seolah-olah dia hanya mendengar maklumat-maklumat daripada tempat-tempat seperti kedai-kedai kopi dan terus mempercayai maklumat-maklumat ini dan membawanya ke dalam Dewan yang mulia ini. Nyata sekali bahawa Ahli dari Sandakan memang terlalu ghairah menimbulkan tuduhan-tuduhan yang tidak bertanggungjawab seperti yang dibuatnya itu, barangkali beliau ingat Dewan yang mulia ini boleh dianggap seperti kedai kopi sahaja.

Saya sebagai Ahli Dewan Rakyat dari Sabah turut malu atas perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu, yang juga menjejaskan maruah Ahli-ahli Dewan Rakyat dari Sabah dan Ahli-ahli keseluruhannya di sini, dengan membuat kenyataan yang palsu itu pihak pendakwa ataupun Ahli daripada Sandakan telah dapat mengelirukan sebahagian besar rakyat Sabah dan keadaan seperti ini mungkin juga mendatangkan perasaan yang kurang senang di kalangan orang

Sabah dan mungkin juga mendatangkan akibat yang buruk. Begitulah seriusnya perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, ia tidak hanya menimbulkan perasaan kurang baik di kalangan rakyat Sabah, tetapi lebih-lebih lagi menjejaskan nama baik pihak Ketua Menteri sebagai seorang Ketua Menteri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pihak pendakwa ataupun Ahli dari Sandakan membuat tuduhan yang melulu ini demi kepentingan politiknya sendiri dan dia tidak menghiraukan pula kepentingan orang yang menjadi mangsa, dia tidak mengambil kira kepentingan orang awam yang mengharapkan bahawa seorang Wakil Rakyat tidak kiralah wakil daripada Kerajaan ataupun dari Pembangkang supaya bertindak dengan rasional, penuh timbangrasa dan penuh tanggungjawab.

Kita semua mengakui bahawa kita mestilah mengiktirafkan pemimpin yang bertanggungjawab dari yang tidak bertanggungjawab dan tindakan seharusnya diambil terhadap mereka yang bertindak.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Ahli yang bangun, hendak beri jalan?

Tuan Mark Koding: Ya, boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua membuat satu ruling sama ada pindaan itu wajar ataupun tidak, regular ataupun tidak, kerana sebarang pindaan yang hendak dibuat ke atas Usul bukan ke atas Laporan.

Tuan Mark Koding: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat perkara ini telah pun diputuskan, telah dibangkitkan oleh Ahli dari Kota Melaka dan kita telah mendapat ruling daripada Tuan

Yang di-Pertua, bahawa perkara ini adalah berkaitan dan wajar dibuat baru-baru tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya pun memikirkan begitu dengan kerana Usul itu ialah di atas Laporan dan jikalau sekiranya Laporan Jawatankuasa itu dipinda maka Usul itu seterusnya berikut dengan apa yang dipinda itu.

Tuan Mark Koding: Terima Kasih. Saya pun memang bersetujulah dan menyokong sepenuhnya cadangan pindaan kepada Usul seperti yang dikemukakan oleh wakil dari Silam tadi, bahawa hukuman yang sepadan, seimbang atau setimbang dengan kesalahan ini ialah bahawa pihak yang mendakwa ataupun Ahli dari Sandakan hendaklah di gantung daripada menghadiri mesyuarat Dewan sepanjang sesi kewangan tahun ini. Saya rasa inilah hukuman yang serendah-rendahnya, yang harus dijatuhkan dalam kes seperti ini; perhitungan kewangan awam dan masa awam yang terlibat dalam penyiasatan ini harus juga kita ambilkira dan saya lihat dalam laporan ini, Tuan Yang di-Pertua, panduan-panduan dalam CPC, Evidence Act dan Undang-undang yang berkaitan dimasukkan sebagai peraturan-peraturan dalam menjalankan penyiasatan ini dan saya dengan itu berpendapat bahawa konsep (approach) bagi soal sentencing ataupun penghukuman juga adalah patut beralaskan CPC, Penal Code, Evidence Act dan sebagainya. Dan dalam amalan yang selalunya diamalkan oleh mahkamah-mahkamah di negara kita, ini adalah menjadi amalan bahawa dengan izin, "on sentencing, the fact that an offender who holds a high position in public office aggravates his offence." Keadaan bahawa seorang pesalah itu memegang jawatan yang tinggi hanya memberatkan lagi hukuman ataupun kesalahan

terhadapnya itu. Dalam setiap hukuman itu, Tuan Yang di-Pertua, konsep ataupun element yang mencegah daripada berulang lagi kesalahan itu harus ada.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kinabalu, sekejap. Saya mendapat nota daripada Ahli Yang Berhormat yang menolong saya tadi mengatakan: "Usul pindaan ini belum lagi dikemukakan," tadi saya bertanya, ada Ahli beritahu bahawa telah pun dikemukakan. Sekarang saya hendak kemukakan.

Tuan Mark Koding: Telah dikemukakan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi belum diputuskan.

Tuan Yang di-Pertua: Dikemukakan.

Tuan Mark Koding: Dikemukakan, tetapi belum diputuskan, jadi saya berucap untuk menyokong pindaan itu. Tuan Yang di-Pertua, is it in order?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan yang di-Pertua, sebenarnya belum dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua: Belum dikemukakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa Usul ini dengan dipinda yang berbunyi:

- (1) Perkataan "oleh sebab" pada baris kedua hendaklah dipotong dan digantikan dengan perkataan "walaupun."
- (2) Selepas perkataan *Jawatankuasa ini* dalam ayat kedua perkataan-perkataan dimasukkan perkataan-perkataan "tetapi memandangkan bahawa perkara ini amat serious."
- (3) Perkataan "satu gusaran (reprimand)" hendaklah dipotong dan digantikan

perkataan-perkataan "dihukum dengan digantung daripada menghadiri Persidangan Dewan Rakyat sepanjang sidang Belajawan Tahun ini."

- (4) Perkataan "gusaran" dalam ayat akhir digantikan dengan perkataan "hukuman."

sekarang terbuka untuk dibahas. Sila teruskan.

Tuan Mark Koding: Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah dapat mengulang lagi apa yang telah saya katakan, tetapi saya pohon daripada Tuan Yang di-Pertua supaya apa yang saya telah saya ucapkan tadi dimasukkan dalam rekod dalam bahas ucapan Usul pindaan ini.

Bagi meneruskan satu dua minit lagi kenyataan bahawa Ahli dari Sandakan pernah mengatakan sebagaimana disebut dalam Laporan bahawa kali inilah Ahli dari Sandakan melakukan kesalahan ini dan baru kali pertama inilah dibawa ke dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, memang betul juga, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau kita lihat daripada ucapan-ucapan beliau di masa-masa yang lalu memang beliau ini selalu membuat tuduhan-tuduhan seperti yang telah dibawakan ke dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini, dan dengan itu perkataan atau kenyataan: bahawa inilah kesalahan beliau yang pertama tidaklah merupakan satu mitigation atau satu perkiraan yang penting dalam meringankan hukuman yang dijatuhkan ke atas beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul ini sebagaimana dipinda.

5.50 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, laporan yang dibentangkan pada hari ini adalah laporan yang serius mengenai "ethic dan moral" Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sandakan seharusnya diberi nasihat jangan mengulangi apa yang dilakukannya dan bukan dengan menjatuhkan hukuman "gusaran" terhadapnya ataupun yang hendak dipinda kepada "digantung sehingga sidang Belanjawan hadapan". Yang Berhormat dari Sandakan memang menyatakan kebenaran akan tetapi dengan cara-cara yang sofistikated dan termoden, termasuk syarikat nominee, maka susahlah bagi beliau untuk mencari bukti. Sebenarnya Yang Berhormat dari Sandakan telah lebih didosakan daripada melakukan dosa. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Yang Berhormat dari Sandakan is more sinned against than sinned. Saya ulangi, Yang Berhormat dari Sandakan is more sinned against than sinned. Bagi semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang budiman dan beriman, di sini saya berharap mereka semua dapat merenung, berfikir dan mempertimbangkan apa yang saya katakan di sini, beliau lebih didosakan daripada melakukan dosa.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada semua Menteri, Ketua Menteri Sabah dari Ulu Padas juga haruslah mengisytiharkan semua harta, termasuk yang disimpan di luar negeri dan secara nominee. Saya mengulangi, sepertimana yang diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada semua Menteri, Ketua Menteri Sabah, Ahli dari Ulu Padas juga haruslah mengisytiharkan semua harta, termasuk yang disimpan di luar negeri dan secara nominee. Sekiranya hukuman gusaran dijatuhkan ataupun hukuman gantung daripada Dewan ini dijatuhkan ke atas Yang Berhormat dari Sandakan, maka hukuman yang serupa juga hendaklah dijatuhkan.....

Datuk Dr James P. Ongkili:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Ahli Yang Berhormat yang berdiri.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tatatertib Mesyuarat. Kalaulah boleh, Tuan Yang di-Pertua, saya mengetahui yang sebenarnya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah ada mengisytiharkan aset atau harta beliau, yang pertama saya sendiri mengirim pada penghujung tahun 1981.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya hukuman gusaran ataupun gantung daripada Dewan yang mulia ini dijatuhkan ke atas Yang Berhormat dari Sandakan, maka hukuman yang serupa juga hendaklah dijatuhkan ke atas Yang Berhormat dari Ulu Padas.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Yang Berhormat dari Sandakan pada 31hb Oktober tahun lepas di dalam Majlis Dewan yang mulia ini telah menyatakan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas mempunyai tanah sebanyak 70% di Pulau Labuan. Berikutan dengan kenyataan ini Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas telah membuat penerangan sendiri di dalam Majlis Parlimen pada 22hb November tahun lepas juga menafikan dakwaan itu dan menyatakan beliau hanya mempunyai tidak sampai 2% tanah di pulau itu, dan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan 80 (1) telah dipertugaskan menjalankan siasatan untuk:

- (1) menentukan siapakah di antara kedua Ahli Yang Berhormat itu yang telah membuat kenyataan palsu di dalam Dewan ini.
- (2) dengan berasaskan kepada keterangan-keterangan yang diambil oleh Jawatankuasa itu menentukan sama ada kenyataan yang dibuat di dalam Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat yang berkenaan telah menjadi satu

perbuatan yang melanggar tata tertib ahli dan yang boleh menjatuhkan maruah Parlimen; dan

- (3) membuat satu laporan berkenaan dengannya untuk ditimbang oleh Dewan ini dan mengesyorkan apa-apa hukuman yang sewajarnya yang patut dijatuhkan ke atas ahli yang telah melakukan kesalahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, nyatanya dari segi undang-undang adalah sukar untuk membuktikan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas mempunyai sebanyak 70% daripada tanah di Labuan. Walau bagaimanapun, bukti telah mendedahkan perhitungan termasuk syarikat-syarikat nominee menunjukkan bahawa Yang Berhormat dari Ulu Padas sama ada sendiri atau secara tidak langsung

melalui nominee memegang lebih kurang 409 hektar tanah di Labuan, iaitu 4.5%.

Dengan berdasarkan usul menentukan siapakah di antara kedua Ahli Yang Berhormat itu yang telah membuat kenyataan palsu di dalam Dewan Parlimen, kenyataan dakwaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas bahawa beliau cuma memiliki sejumlah 147.88 hektar atau tidak lebih daripada 2% tanah di Labuan adalah tidak tepat kerana beliau memiliki lebih daripada 2% tanah di Labuan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Tuan Yang di-Pertua, menurut angka-angka yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan sepanjang tahun 1983 dan pada suku pertama tahun 1984, Kerajaan Negeri Sabah telah meluluskan seluas 1,415.7711 hektar tanah kepada perbadanan, agensi Kerajaan dan orang perseorangan seperti berikut:

	<i>Tahun 1983</i>	<i>Tahun 1984</i>
(1) Orang Perseorangan	46.9911 hektar	18.355 hektar
(2) Majlis Perbandaran Labuan ..	92.646 hektar	114.88 hektar
(3) Koperasi Pembangunan Desa ..	203.852 hektar	6.433 hektar
(4) Majlis Ugama Islam. Bagi tahun 1983 708,463 hektar.		(10) Syarikat bagi tahun 1983 20.246 hektar dan tahun 1984 5.264 hektar.
(5) Pesuruhjaya Tanah. Di tahun 1983 4.625 hektar, tahun 1984 3.062 hektar.		
(6) Sabah Energy Corporation. Bagi tahun 1983 45.891 hektar.		
(7) Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah. Bagi tahun 1983 8.094 hektar.		
(8) Lembaga Letrik Sabah. Bagi tahun 1984, .105 hektar.		
(9) Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar 49.302 hektar.		

Tuan Yang di-Pertua, jelaslah sepanjang tahun 1983 dan pada suku pertama tahun 1984 Kerajaan Negeri Sabah telah meluluskan seluas 1415.7711 hektar tanah kepada perbadanan dan agensi-agensi Kerajaan serta orang perseorangan. Bagi orang perseorangan hanya 65.3461 hektar iaitu lebih kurang 5% dari keluasan tanah yang diluluskan pada tempoh yang sama.

Jumlah kelulusan keluasan tanah yang diluluskan itu merupakan kira-kira 15.6% dari jumlah keluasan tanah

di Pulau Labuan iaitu 9,065 hektar. Ini menunjukkan kebanyakan tanah di Labuan adalah diluluskan kepada perbadanan serta agensi Kerajaan. Tambahan pula menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri malam semalam kebanyakan tanah di Pulau Labuan telah dikurniakan dan dengan itu Yang amat Berhormat Perdana Menteri menggalakkan bakal pelabur-pelabur untuk melabur di pulau-pulau yang sekitar Pulau Labuan. Dengan keadaan yang demikian adalah mustahak bagi semua pihak yang berkenaan apabila mengirakan keluasan tanah kepunyaan Yang Berhormat dari Ulu Padas. Tanah-tanah yang dimiliki, syarikat-syarikat nominee dan perbadanan-perbadanan hendaklah diperhitungkan dengan teliti.

Memandangkan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18hb Julai yang memerlukan semua Menteri Kabinet untuk membuat kenyataan mengenai harta kepunyaan mereka, saya berpendapat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri haruslah menyiasat dengan teliti untuk memastikan pemimpin-pemimpin sama ada mereka ada terlibat dengan syarikat-syarikat nominee, sama ada di Pulau Labuan ataupun di seluruh negara kita untuk membuktikan bahawa mereka benar-benar beramanah, bersih dan cekap untuk memberi perkhidmatan dan jasa yang baik kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sandakan telah memetik keterangannya daripada satu buku yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang bertajuk "Membongkar Dosa-dosa Berjaya" yang dikeluarkan oleh Parti Perikatan Sabah dalam tahun 1976. Buku tersebut menyatakan bahawa Yang Berhormat dari Ulu Padas memiliki lebih daripada separuh tanah di Labuan. Jika Yang Berhormat cuma memiliki kurang daripada 2% seperti

mana yang didakwa adalah amat menghairankan mengapa pengeluar buku tersebut tidak dituduh atas sebab, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, civil defamation. Saya mengulangi, Tuan Yang di-Pertua, jika Yang Berhormat cuma memiliki kurang daripada 2% seperti mana yang didakwa adalah amat menghairankan mengapa pengeluar buku tersebut tidak dituduh atas sebab civil defamation oleh kerana buku itu tidak diharamkan dan tidak dibawa.....

Datuk Dr James P. Ongkili:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan.

Datuk Dr James P. Ongkili: On a point of information. Tuan Yang di-Pertua, buku yang disebut-sebut di dalam perbincangan ini sebenarnya tidak ada diedarkan di Sabah. Dan yang kedua, saya kebetulan tidak bawa Peraturan Tetap, tetapi Peraturan Tetap ada mengatakan semata-matanya satu sumber yang telah diterbitkan misalnya news papers, suratkhbar dan buku seperti itu tidak semestinya diterima sebagai benar tetapi adalah semata-matanya digunakan untuk menyokong perbincangan sahaja. Jadi, saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini bahawa sebenarnya ada mengatakan di Peraturan Tetap bahawa risalah-risalah dan sebagainya, buku penerbitan tidak semestinya boleh diterima sebagai sah. Terima kasih.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha:
(Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada seorang lagi bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Boleh.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat dari Kepong bercadang untuk membuat tuduhan di luar Parlimen supaya dapat dibuktikan sama ada Ketua Menteri Sabah akan mengambil tindakan mahkamah atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, adakah?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soal itu tak timbul kerana kita satu persatu kita hendak membincangkan laporan dan pindaan ke atas laporan yang telah dibenarkan oleh Yang di-Pertua tadi dan laporan itu, buku Membongkar Dosa-dosa Berjaya ini telah pun diterima oleh Jawatankuasa dan diedar.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf, terima satu-satu keterangan itu hanya sebagai exhibit tetapi kandungannya bukanlah bermakna boleh diterima kandungannya. Saya minta Ahli Yang Berhormat itu bercakap betul-betul di atas keterangan yang betul-betul (*Tepuk*).

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, makna sayanya diterima sebagai exhibit. Diterima sebagai exhibit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dan kandungannya tidak diterima. Cuba sambungkan perkataan itu (*Ketawa*). Saya minta sambungkan itu supaya rekod betul.

Dr Tan Seng Giaw: Dan yang diarahkan oleh Yang di-Pertua, kandungannya itu tidak diterima (*Tepuk*).

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan memberitulkan sebutan atau perkataan ejaan di dalam laporan ini salah ataupun yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kepong salah. Dalam laporan ini muka surat 4 perenggan 11 buku itu yang bernama Membongkar Dosa-dosa Berjaya tetapi.....

Tuan Yang di-Pertua: Dosa-dosa. Yang sebenarnya dosa-dosa.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Bukan desa.

Tuan Yang di-Pertua: Dosa-dosa, ya.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Kalau begitu, Tuan Yang di-Pertua, kena betulkan ejaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya minta betulkan.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Terima kasih.

Dr Tan Seng Giaw: Sebenarnya "Membongkar Dosa-dosa BERJAYA," bukan Desa-desa.

Datuk Dr James P. Ongkili: Desa desa Berjaya sudah dibuka.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu penjelasan ataupun Tatatertib Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta teruskan, janganlah dibangkitkan benda-benda yang kecil-kecil macam itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana buku itu tidak diharamkan dan tidak dibawa ke mahkamah, tindakan Ahli Yang Berhormat mempercayai dan menerima kandungannya sebagai benar adalah wajar. Ahli-ahli Jawatankuasa telah menolak keterangan-keterangan senarai dan titles geran-geran B1 hingga B10.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, untuk makluman kesemua Ahli-ahli Jawatankuasa itu termasuk Ahli Jawaankuasa dari Jelutong. (*Tepuk*)

Dr Tan Seng Giaw: Ya, kesemua Ahli Jawatankuasa telah menolak keterangan-keterangan senarai geran-geran B1 hingga B10 atas alasan ia

merupakan kepunyaan company, sementara apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Sandakan ialah kepunyaan Yang Berhormat dari Ulu Padas sendiri.

Langkah ini adalah bagi pendapat saya tidak wajar kerana saham-saham yang dimiliki oleh Yang Berhormat daripada Ulu Padas dalam firma-firma nominee mesti dimasukkan dalam perhitungan.

Yang Berhormat daripada Ulu Padas mempunyai jumlah saham yang amat besar di beberapa syarikat. Misalnya, Ragah Sendirian Berhad di mana jumlah saham yang dikeluarkan adalah 2,030,000 kepunyaan saham Ahli Yang Berhormat daripada Ulu Padas ialah 30,000, anak-anak beliau pula memiliki 1 juta saham masing-masing. Sejati Sendirian Berhad 2,225,000, Hotel Labuan Sendirian Berhad, Yang Berhormat daripada Ulu Padas sendiri mempunyai satu saham tetapi syarikatnya memiliki 7,499,000 saham di syarikat itu. Tropical Orchids Sendirian Berhad daripada jumlah saham sebanyak 400,000 yang dikeluarkan, Yang Berhormat daripada Ulu Padas memiliki 355,000 saham.

Sungguhpun harta benda dalam bentuk tanah itu tidak didaftarkan di bawah namanya, selagi Yang Berhormat daripada Ulu Padas mempunyai hak kepadanya beliau adalah memilikinya mengikut.....

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Minta jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini kalau ia meneruskan ucapannya dan tanpa merujuk kepada seksyen 43B Kanun Tanah Negara ini di mana saham-saham syarikat adalah bukan dipunyai

oleh seseorang itu. Ia syarikat-syarikat berhad adalah "legal persons" dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan yang di-Pertua, saya menyentuh soal etik dan moral seseorang pemimpin dalam perkhidmatannya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "Even though the property is not registered in his name, as long as he has a right to it, then according to layman's understanding, he owns it". Dengan itu tanah yang didaftarkan di bawah syarikat nominee itu mesti diperhitungkan kerana Yang Berhormat daripada Ulu Padas memiliki tanah ini sama ada secara langsung atau secara tidak langsung.

Tuan Yang di-Pertua, perkataan-perkataan seperti memiliki dan sendiri seharusnya tidak ditafsirkan secara tegas mengikut Undang-undang dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "It should not be strictly interpreted according to the law," ini adalah kerana kebanyakan Ahli Parlimen adalah bukan pakar dalam undang-undang. Saya sendiri bukan pakar dalam undang-undang dan kebanyakan Ahli Yang Berhormat di sini bukan pakar dalam undang-undang. Sebab itu saya beri peringatan kepada mereka yang bukan peguam supaya mempertimbangkan perkara yang saya bangkitkan sekarang. Dengan itu apa-apa perkataan yang diucapkan atau disebutkan oleh seseorang Ahli Parlimen yang bukan peguam patutlah ditafsirkan mengikut fahaman biasa. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "layman's terms". Jika tidak banyak kenyataan yang disebutkan dalam Parlimen kalau diteliti mengikut tafsiran undang-undang akan menjadi kenyataan palsu. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "Otherwise, many statements made by MPs and many of them are not lawyers, when dissected by legal interpretation, would become false statements."

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengulangi bagi semua Ahli Parlimen yang bukan peguam. Apa-apa perkataan yang diucapkan atau disebutkan oleh seseorang Ahli Parlimen yang bukan peguam patut ditafsirkan mengikut fahaman biasa.

Jika tidak, banyak perkataan yang disebutkan di Parlimen kalau diteliti mengikut tafsiran undang-undang akan menjadi kenyataan palsu.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini tidak membaca di mana didapati satu Privileges and Powers Ordinance, 1952 di mana di dapati termaktub di dalam Undang-undang itu Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli di Dewan ini dilindungi oleh Undang-undang dalam Ordinan tersebut.

Dr Tan Seng Giaw: Itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan ini hendak gunakan Ordinan-ordinan pula, 92kah itu tidak yang tidak kena mengena dengan apa saya yang sebutkan di sini, Tuan Yang di-Pertua. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "Otherwise, many statements made by MPs, when dissected by legal interpretation, would become false statements".

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kepong sepuluh kali berulang statementnya bukan sahaja dalam Bahasa Malaysia, tetapi juga dalam Bahasa Inggeris. Saya rasa kita sudah bosan dengan perkataan itu. (*Tepok*).

Tuan Yang di-Pertua: Dia bertutur dalam Bahasa Malaysia, lepas itu seolah-olah kita tidak faham, dia bertutur pula dalam Bahasa Inggeris, ya, jangan buat begitu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan itu

susahlah dia hendak sebutkan seperti dia sebagai peguam, kerana dia bukan peguam.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan telah membuat kenyataan palsu mempunyai makna seseorang itu bertujuan membuat sesuatu kenyataan yang beliau tahu adalah palsu. Tuan Yang di-Pertua, kerana ini untuk ketepatan, dengan izin, "The charge making false statement presupposes that the maker intends to make the statement which he knows is false."

Berdasarkan butir-butir bahawa buku "Membongkar Dosa-dosa BERJAYA" tidak diharamkan dan tidak dibawa ke mahkamah atas civil defamation, jadi adalah wajar ataupun "justify" Ahli Yang Berhormat dari Sandakan percaya dan terima kandungannya sebagai benar dan betul.

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan adalah bukan pakar dalam undang-undang dan telah menggunakan perkataan-perkataan seperti "memiliki dan sendiri" mengikut fahaman orang biasa atau layman—according to layman understanding. Jadi perkataan-perkataan itu seharusnya tidak ditafsirkan dengan tegasnya mengikut undang-undang. Adalah nyata bahawa Ahli Yang Berhormat dari Sandakan tidak mempunyai sebarang tujuan untuk membuat kenyataan yang palsu tetapi benar-benar membuat satu kenyataan yang difikirkan oleh beliau adalah benar dan betul. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sama ada seseorang itu harus dijatuhkan.....

Dato' K. Pathmanaban: Untuk penjelasan. Buku "Membongkar Dosa-dosa Berjaya" hanya menyatakan 50%. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Kepong menjelaskan kepada Dewan bahawa Ahli dari Sandakan itu tak tahu membacapun? Sebab dia kata 70%, bukan 50%.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan itu cuma hendak melencongkan dengan perkara yang remeh-temeh.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kenyataan yang benar tentang buku itu kata berapa peratus, seperti kata Timbalan Menteri, jangan kata perkara remeh temeh, Tuan Yang di-Pertua. Jangan anggap orang lain bodoh seperti dia bodoh.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan. Jika pendek sedikit patutlah dengan kerana Ahli Yang Berhormat telah pun cakap panjang dengan mengulang-mengulang balik.

Dr Tan Seng Giaw: Saya tidak akan mengulang-ulang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini sama ada seseorang itu harus dijatuhkan hukuman gusaran ataupun digantung daripada Dewan ini tidak patut berdasarkan kepalsuan sesuatu kenyataan sebagai criterion. Pengetahuan Ahli Parlimen mengenai kepalsuan kenyataan itu patutlah dijadikan criterion utama dalam pertimbangan sama ada seseorang Ahli Parlimen itu harus dijatuhkan hukuman gusaran kerana membuat suatu kenyataan yang palsu. Dalam jawapan kepada dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas telah gagal memberikan suatu gambaran yang tepat kerana secara langsung atau tidak langsung beliau mempunyai 4.5% daripada tanah di Labuan dan bukan kurang daripada 2% sebagaimana yang didakwa oleh beliau.

Memandangkan hakikat ini Ahli Yang Berhormat dari Sandakan seharusnya diberi nasihat atau amaran jangan diulangi apa yang dilakukan

dan bukan menjatuhkan hukuman gusaran ataupun digantung dari Dewan yang mulia ini terhadapnya.

Tuan Yang di-Pertua, YAB Perdana Menteri baru-baru ini telah mengeluarkan satu arahan memerlukan semua Menteri Kabinet membuat kenyataan mengenai harta benda mereka. Saya juga menyahut seruan YAB Perdana Menteri mengenai keperluan Menteri-menteri menyerahkan semua kepentingan perniagaan mereka termasuk harta kepunyaan isteri-isteri dan anak-anaknya lebih daripada itu adalah perlu bagi semua Menteri menyerahkan apa-apa kepentingan perniagaan sama ada di negara ini atau di luar negeri, harta benda yang perlu diisytiharkan harus termasuk harta benda tempatan dan luar negeri, simpanan di dalam ataupun di luar negeri serta syarikat-syarikat nominee. Selain daripada itu.....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, perkara itu tak bersangkutan dengan perkara di hadapan Ahli Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan hal ini kerana saya berpendapat apa yang dibangkitkan oleh Ahli dari Sandakan ialah bertujuan untuk membolehkan Kerajaan kita mempunyai pemimpin-pemimpin yang sungguh bersih dan begitu juga dengan arahan YAB Perdana Menteri.

Kejadian ini bekehendakkan satu laporan dibentangkan di Dewan yang mulia ini telah menunjukkan betapa pentingnya mengadakan satu badan bebas untuk menyiasat, satu badan yang dapat meneliti harta-benda semua pemimpin-pemimpin sama ada Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri ataupun semua Ahli Majlis Mesyuarat Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat cukuplah yang itu, berkenaan perkara itu tak sangkut dengan usul di hadapan Ahli Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu bagi Menteri yang merupakan bekas.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak benarkan Ahli Yang Berhormat sambung perkara yang tak bersangkut dengan usul.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kepentingan negara tidak akan bercanggah dengan kepentingan diri sendiri sekiranya semua Ahli-ahli Parlimen dan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak benarkan Ahli Yang Berhormat sambung macam itu kerana ini tak bersangkut dengan usul di hadapan kita, di hadapan kita ialah usul yang telah pun dikeluarkan dan pindaan kepada usul. Berkenaan dengan memasyhurkan harta-harta Menteri-menteri, Menteri-menteri Besar tidak berkenaan langsung.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pindaan yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Silam adalah bertentangan dengan apa yang dicadangkan, apa yang diperakukan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang termaktub di dalam laporan ini. Sebab itu saya menentang pindaan-pindaan yang tidak wajar ini yang sangat kejam, yang sangat tidak wajar. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, panjang lagikah? Masa sudah cukup.

Dr Tan Seng Giaw: Ada lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi, boleh sambung besok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak mengemukakan satu perkara. Tadi saya katakan perkataan gusaran itu adalah perkataan baru. Saya menarik balik perkataan saya itu untuk membetulkan rekod. Sebenarnya, perkataan itu perkataan lama dan boleh didapati di dalam setengah kamus-kamus seperti Kamus Bahasa, suntingan Professor Madya Lutfi Abas, Universiti Malaya, yang memberi makna "gusar" sebagai memarahi dan memarahkan.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 16 iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sokongan?

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

DASAR SATU BAHASA, SATU KEBUDAYAAN

6.32 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, Kerajaan telah lancar dasar sendiri, dasar satu Kerajaan, satu bahasa, satu bangsa dengan tidak mengakui satu masyarakat berbilang bahasa, bangsa dan kebudayaan, dalam negeri ini. Tidak dapat dinafikan Bahasa Malaysia harus dan mesti menjadi Bahasa Kebangsaan.

Dalam hal ini juga Bahasa Inggeris diletak dalam peringkat tidak berhasil akan merugikan kita. Bahasa Inggeris

akan juga membantu Bahasa Malaysia dalam hal kemajuan negeri ini. Bahasa Inggeris ialah "lingua franca" antarabangsa. Kepentingan dan tanda erti Bahasa Inggeris boleh juga dikatakan ulang-ulangi. Ini juga diakui oleh profesor-profesor dan pensyarah-pensyarah di universiti-universiti tempatan, tetapi sama juga oleh Perdana Menteri pertama kita Tunku Abdul Rahman.

Selalu sebutkan hal satu kebudayaan ialah serangan atas hak-hak perlembagaan orang-orang bukan Bumiputera. Kebudayaan ialah satu hak diterima pada masa kelahiran. Hak ini dijamin bagi setiap rakyat oleh perlembagaan itu. Lain-lain kebudayaan hendak dibiarkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Atas apa bangun?

Dato' K. Pathmanaban: Saya rasa tidak cukup koram.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Bilang?

Tigabelas orang, tidak cukup koram. Sila bunyikan loceng. (*Loceng dibunyikan*)

(*Ahli-ahli dikira: 14 Ahli hadir*)

Tuan Yang di-Pertua: 14 Ahli yang hadir—koram tidak cukup, maka saya menangguhkan Majlis ini pada pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.